



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 26 NOVEMBER 2014 ( RABU )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak  
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

## TIDAK HADIR

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

## TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Kusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Izal Izlan bin Misnon  
Encik Ramli bin Shaiai  
Encik Mohd. Redzuan bin Adam  
Encik Mohd. Saifulnizam bin Hasmawi  
Encik Ahmad Hafizan Yusof  
Encik Shahzrin bin Dzahari  
Encik Ibrahim bin Mat Mom  
Encik Hairudin bin Omar

### **Pelapor Perbincangan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

( Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang ketiga 26 November 2014 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi semua, saya jemput Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : BEKALAN DAGING SEGAR**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status bekalan daging mentah meliputi ayam, daging lembu dan kambing?
- b) Apakah strategi kerajaan negeri untuk memastikan bekalan daging untuk kegunaan rakyat tempatan mencukupi?
- c) Adakah anak syarikat terbabit dalam projek ternakan?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker dan terima kasih kepada Bukit Melawati yang bertanya. Status bekalan daging mentah di negeri Selangor adalah :

Komoditi	Permintaan	Pengeluaran	Kadar Sara diri
Ayam	176,475 tan	70,590 tan	40%
Daging Lembu	45,714 tan	960	2.1%
Kambing	4,500 tan	90	2.0%

Strategi Kerajaan Negeri untuk memastikan bekalan daging untuk kegunaan rakyat tempatan mencukupi adalah:

1. Menambah bilangan ladang komersial,
2. Meningkatkan produktiviti ladang yang sedia ada,
3. Menggalakkan integrasi ternakan dengan ladang kelapa sawit,
4. Menumpukan kepada aktiviti hiliran pemprosesan daging dan
5. Mengimport daging daripada negeri-negeri lain dan luar negara.

Dan anak syarikat yang terbabit dalam projek ternakan adalah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor atau PKPS dan dalam bidang lembu tenusu dan juga ayam.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Setiap kali kita menjelangnya perayaan Aidiladha, kekerapan berlaku kita boleh dengar bahawa banyak lembu-lembu daripada luar kita bawa masuk. Ini menyebabkan permintaan tinggi harganya pun meningkat. Jadi tidak adakah hasrat Kerajaan Negeri memperbesarkan meningkatkan lagi hasil keluaran lembu-lembu khususnya untuk hari-hari perayaan seperti Hari Raya Haji. Bagaimana sejauh ni pencapaian yang telah dilaksanakan oleh PKPS yang mengendalikan urusan yang dapat saya dengar tadi banyak lembu susu ya tenusu. Jadi bagaimana lembu yang digunakan untuk sempena Hari Raya Korban kita? Langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan pada masa akan datang. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih, seperti yang disebutkan tadi. Ada beberapa strategi yang telah pun dirangka antaranya adalah menambah bilangan ladang komersial. Di peringkat negeri kita ada satu program yang dinamakan sebagai Skim Pengganda Ruminan Selangor atau pun disebut sebagai SPERS. Dan di mana penternak membeli pembiak berkualiti daripada Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar untuk menjadi komersial supaya mampu bersaing dengan sektor ekonomi yang lain. Dari sudut pencapaian bagi rancangan Malaysia kesepuluh bagi jenis ternakan lembu daging, bilangan ladang setakat ini ada satu jumlah ternakan per ekor 150 ekor dan nilai jualan *x-farm* tahunan sebanyak RM70,000.00. Bagi bebiri bilangan ladang ada dua jumlah ternakan 659 dan nilai jualan *x-farm* tahunan sebanyak RM60,000.00 manakala bilangan kambing bilangan ladang ada satu jumlah ternakan per ekor adalah 480 ekor dan nilai jualan *x-farm* tahunan RM42,000.00. Dan sebagai tambahan lembu tenusu bilangan ladang dua, jumlah ternakan ekor 360 dan nilai jualan *x-farm* tahunan RM1,140,000.00 dan kesemuanya membawa kadar nilai, nilai jualan *x-farm* tahunan RM1,312,000.00.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA/LARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA/LARULANANDAM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya EXCO, saya ingat dulu kita ada satu program di mana Kerajaan Negeri telah bagikan tanah ya untuk industri daging dan juga susu. Tak silap saya 200 ekar telah pun ditepikan dan dibagikan sepuluh ekar kepada tiap-tiap penternakan lembu di dalam negeri. Adakah program ini dilanjutkan kepada kawasan-kawasan lain di dalam negeri Selangor? Dan apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan *business* ternakan lembu ini di dalam negeri Selangor?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Kerajaan Negeri Selangor ada membuat antaranya ialah program transformasi Penternak. Transformasi Penternak yang tak silap ingatan saya pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah pun menawarkan kawasan-kawasan menternak dan memindahkan dua belas orang penternak ke TKPM Sungai Nilam di Ulu Selangor. Itu antara usaha yang telah pun dibuat walau bagaimanapun usaha-usaha ini kurang mendapat sambutan daripada penternak mungkin disebabkan pelbagai faktor. Kalau merujuk kepada tahun 2011 itu, fasa pertama telah dijalankan cuma sepuluh orang telah menerima tawaran tersebut daripada dua belas. Dan daripada sepuluh itu empat orang yang telah berpindah dan meneruskan aktiviti, tiga yang lain hanya mendirikan kandang tetapi tiada lembu dipindahkan sementara tiga yang lain tidak berbuat apa-apa. Dan daripada empat itu pun dua yang berpindah keluar daripada TKPM Sungai Nilam. Dalam masa yang sama ada beberapa tempat yang saya tidak boleh nyatakan secara *fact and figure* di sini berkenaan dengan tempat-tempat TKPM-TKPM yang lain tetapi ada program-program itu dilaksanakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ijok

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK : PROJEK RUMAH TERBENGKALAI DI PUNCAK ALAM**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Ramai pemilik-pemilik tidak dapat CF untuk masuk rumah oleh sebab pemaju. apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini?



**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih, *Assalamualaikum*, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat berdasarkan kepada rekod pentadbiran ini hanya mengenal pasti satu projek yang masih belum disiapkan dengan sijil layak menduduki di Puncak Alam. Ianya ialah projek Alam Mutiara yang dimajukan oleh MZ Development Sdn. Bhd. Manakala pemilik tanahnya adalah Tetuan Mujur Zaman Sdn. Bhd. Pada asalnya keseluruhan tanah yang merupakan tanah milikan, 712 peneroka melibatkan sebanyak 19 hak milik blok dengan keluasan tanah adalah 718.13 hektar atau 1,774.54 ekar melalui perjanjian pengurusan antara 712 peneroka dan Mujur Zaman Sdn. Bhd. yang telah ditandatangani pada tahun 2000 di mana Mujur Zaman Sdn. Bhd bersetuju membayar pampasan sebanyak RM360,000.00 seorang yang terdiri dalam bentuk wang tunai sejumlah RM180,000.00 dan sebuah rumah yang bernilai RM180,000.00. Walau bagaimanapun pemaju MZ Development Sdn. Bhd. gagal menyiapkan 924 unit rumah teres dua tingkat yang dimajukan pada tahun 2003 dengan kemajuan kerja tapak hanya mencapai 10 hingga 20 peratus dan pada tahun 2006, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengisytiharkan projek ini sebagai projek terbengkalai. Namun pada 15 Februari 2012 pemaju MZ Development Sdn. Bhd. telah dikenakan perintah penggulungan oleh mahkamah dan melantik Jabatan Insolvensi Selangor sebagai pelikuitasi. Berikutan itu, pihak Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dalam usaha memulihkan projek ini melalui tindakan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas tanah milikan Mujur Zaman Sdn. Bhd. Pada 11 Oktober 2012 Pejabat Tanah dan Galian Selangor telahewartakan cadangan pengambilan tanah terlibat untuk tujuan pengambilan tanah. Walau bagaimanapun usaha untuk meneruskan proses pengambilan tanah dan pemulihan terpaksa ditangguhkan disebabkan atas perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 3 Disember 2012 untuk semakan semula kehakiman yang dibuat oleh pemohon iaitu Mujur Zaman Sdn. Bhd. iaitu tuan tanah. Lanjutan daripada beberapa kes perbicaraan diadakan, Kamar Penasihat Undang-undang Negeri Selangor masih menunggu tarikh perbicaraan baru oleh Mahkamah Rayuan yang akan diakan pada 5 Januari tahun depan iaitu 5 Januari 2015 bagi memutuskan keputusan sama ada tindakan pengambilan tanah boleh diteruskan atau dibatalkan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri masih tidak boleh berbuat apa-apa ke atas tanah tersebut termasuk meneruskan proses pengambilan tanah dan seterusnya kerja-kerja pemulihan iaitu cadangannya adalah pemulihan dilakukan oleh Kerajaan Negeri tetapi ianya perlu disahkan oleh mahkamah bahawa pengambilan tanah itu adalah sah dan sehingga keputusan mesyuarat ataupun sehingga keputusan pendengaran mahkamah rayuan pada 5 Januari akan datang maka Kerajaan Negeri tidak dapat masuk untuk membuat kerja-kerja selanjutnya. Oleh sebab itu, kita terpaksa menunggu kepada keputusan mahkamah rayuan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ijok

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan Tuan Speaker. Ialah penduduk dulu peneroka telah hilang tanah dan di janji rumah, sampai sekarang dah berapa tahun rumah pun tak ada tanah pun hilang. Jadi adakah Kerajaan Negeri buat satu rancangan lain untuk membantu peneroka-peneroka yang telah hilang tanah dan tak dapat duduk rumah yang ada?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Peneroka telah menyerahkan tanah mereka kepada pemaju dan di janjikan balasan dengan *cash* iaitu wang tunai RM180,000.00 dan juga nilai rumah dengan harga RM180,000.00. Jadi bermakna dari segi usahanya adalah sepatutnya di antara peneroka ataupun pembeli bersama dengan pemaju. Tetapi usaha Kerajaan Negeri adalah Kerajaan Negeri akan menyelesaikan tetapi sebelum Kerajaan Negeri dapat menyelesaikan Kerajaan Negeri kena ambil alih tanah tersebut barulah Kerajaan Negeri dapat masuk dan membangunkan dan memberikan ia semula kepada peneroka tapi kita kena tunggu sehingga mahkamah membuat keputusan pada 5 Januari tahun depan 2015. Perkara-perkara yang sama juga berlaku dengan penduduk atau peneroka bandar di Bukit Botak tetapi di dalam Bukit Botak itu tidak ada pihak yang *challenge* ataupun mencabar keputusan Kerajaan Negeri untuk mengambil tanah. Itu sebab Kerajaan Negeri melalui PKNS telah dapat masuk dan menyelesaikan projek tersebut dalam isunya yang sama seperti ini. Bermakna Kerajaan Negeri kena masuk dan menyelesaikan masalah projek terbengkalai yang hanya berjalan atau statusnya 10 hingga 20 peratus. Tetapi kita tak dapat nak masuk sebab dicabar di mahkamah ketika itu, ada semakan kehakiman. Jadi bermakna terpaksa kita tunggu sampai keputusan mahkamah barulah Kerajaan Negeri dapat masuk. Jadi bermakna inilah cadangan Kerajaan Negeri untuk kerajaan sendiri yang menyelesaikan. *Insyaa-Allah*.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya pada Yang Berhormat EXCO, kita tertarik dengan kaedah pendekatan pengambilan bagi rumah-rumah terbengkalai ini. Soalan saya, apakah kriteria utama yang menarik minat Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada tanah terbengkalai ini rumah terbengkalai ini boleh diambil atau tidak?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Kriterianya adalah kemampuan penduduk seperti mana yang telah kita tubuhkan suatu tabung iaitu Tabung Tepat di mana di antara kriterianya adalah rumah kos rendah. Dalam kes ini sama dengan kes Bukit Botak di mana jumlah atau penerokanya adalah begitu ramai contohnya yang ini lebih daripada 900 yang terlibat dan di Bukit Botak ada lebih kurang 1,422. Jadi di antaranya yang pertama adalah dia punya *volume* berapa ramai dan yang keduanya adalah dari segi kemampuan pembeli yang terlibat terutamanya mereka yang golongan berpendapatan rendahlah yang kita utamakan.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(KINRARA)**

**TAJUK : CUKAI TAKSIRAN, LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN TERHADAP  
KONSESI TOL LEBUH RAYA**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan PBT yang telah mengenakan cukai taksiran, lesen perniagaan dan iklan terhadap pemegang konsesi tol lebu raya?
- b) Berapakah jumlah yang telah dikutip mengikut setiap PBT setakat tahun 2014?
- c) Nyatakan konsesi tol lebu raya yang telah membayar cukai tersebut.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker. Terima kasih kepada Kinrara. Semua bangunan konsesi tol lebu raya di kawasan pentadbiran PBT dikenakan cukai taksiran selaras dengan Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun bagi pengenaan lesen perniagaan untuk pejabat urusan pondok tol, pejabat jualan tiket, kad dan iklan yang dipamerkan di kawasan konsesi masih tertangguh berikutan terdapat percanggahan di mana pihak konsesi serta Lembaga Lebu Raya Malaysia (LLM) tidak bersetuju dikenakan lesen bagi aktiviti tersebut dengan alasan kerana jenis aktiviti yang dijalankan di kawasan operasi konsesi tol lebu raya tidak ternyata secara spesifik di dalam Undang-undang Kecil Pelesenan *Trade* Perniagaan dan Perindustrian yang sedia ada. MBSA, MBPJ dan MPSJ telah memaklumkan kepada konsesi tol lebu raya yang terlibat di kawasan masing-masing agar memohon lesen namun tiada permohonan yang dikemukakan sehingga kini. Justeru itu, Kerajaan Negeri dalam proses pengajian untuk memansuhkan semua jenis aktiviti perniagaan di dalam kawasan operasi konsesi tol lebu raya ke dalam Undang-undang Kecil Pelesenan *Trade* Perniagaan dan Perindustrian supaya PBT boleh mengenakan fi lesen aktiviti perniagaan yang berkaitan.

Jumlah yang telah dikutip mengikut setiap PBT mengenai cukai taksiran setakat tahun 2014:

	RM
Majlis Bandaraya Shah Alam	192,015.60
Majlis Perbandaran Klang	20,160.00

Majlis Perbandaran Subang Jaya	168,624.00
Majlis Perbandaran Selayang	270,068.79
Majlis Perbandaran Kajang	480,000.00
Majlis Perbandaran Sepang	117,607.20
Majlis Daerah Kuala Langat	138,404.10
Majlis Daerah Kuala Selangor	33,183.60

Senarai konsesi tol lebuhraya yang telah membayar cukai:

Majlis Bandaraya Shah Alam	-	Lebuhraya LKSA, PLUS, GCE dan KESAS
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	-	PLUS Highway
Majlis Perbandaran Kelang	-	SHAPADU
Majlis Perbandaran Subang Jaya	-	PLUS, Elit, Besraya, LDB dan juga KESAS Highway
Majlis Perbandaran Selayang	-	PLUS, LATAR dan Karak Highway
Majlis Perbandaran Kajang	-	PLUS, LEKAS, SILK dan Grand Saga Highway
Majlis Perbandaran Sepang	-	SKVE, MAX dan Elit Highway
Majlis Daerah Kuala Selangor	-	LATAR Highway
Majlis Daerah Kuala Langat	-	SKVE dan Elit Highway

Sekian, Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Tuan Speaker. Soalan No. 31

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : SAMPAH**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) YAB Dato' Menteri Besar mahukan masalah sampah diselesaikan dalam masa 3 bulan, apakah bentuk pendekatan yang diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut?
- b) Sekiranya gagal apakah langkah seterusnya.
- c) Apakah status perkembangan terkini permasalahan tersebut sama ada positif atau negatif?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Jaya. Bagi mencapai hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menyelesaikan masalah sampah dalam masa tiga bulan PBT mengambil pendekatan berdasarkan pelan tindakan seperti berikut, antaranya.

1. PBT akan memastikan semua kontraktor sisa pepejal mematuhi jadual kutipan sampah domestik dan pembersihan awam dengan melakukan pemantauan *routine* berterusan berdasarkan jadual di lapangan dan pemantauan berdasarkan aduan.
2. PBT mengeluarkan notis iaitu *NTC, Notice to Correct* terhadap kegagalan kerja di lapangan oleh kontraktor yang dilantik serta menamatkan kontraktor yang gagal melaksanakan tugasnya.
3. PBT melaksanakan pengurusan sampah yang lebih sistematik dengan mengenal pasti kawasan bagi cadangan tambahan unit tong sampah dan penggantian contohnya di kawasan Kampung Tradisi dan kawasan komersial untuk meningkatkan aktiviti pemantauan bagi memastikan kerja-kerja pembersihan kawasan dan kutipan sampah dijalankan mengikut jadual. Kenal pasti kawasan yang menjadi tumpuan longgokkan sampah seperti di bahu jalan, kawasan lapang, bawah pokok dan tindakan pembersihan diambil dengan segera. Mengenal pasti dan menempatkan tong sampah di kawasan tumpuan awam yang kekurangan atau pun tiada tong sampah.

4. Mengambil tindakan ke atas pembuangan sampah, pukal, haram dengan mengenal pasti lokasi *hot spot* sampah haram dan status hak milik tanah untuk tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik sampah atau pun haram pemilik tanah yang telah dikenal pasti. Memasang papan tanda dilarang membuang sampah di lokasi, pembuang sampah haram yang telah dikenal pasti.

Kerajaan Negeri optimis masalah sampah di seluruh negeri Selangor boleh diatasi secara drastik walau pun tidak sepenuhnya. Oleh itu usaha-usaha yang dijalankan agar tidak menemui kegagalan Kerajaan Negeri melalui PBT akan mengambil tindakan ke arah meningkatkan kesedaran dan kefahaman berkaitan amalan kutipan sampah yang lebih sistematik bermula daripada kediaman dan premis. Melibatkan pelbagai lapisan masyarakat untuk mendidik dan menerapkan amalan kitar semula. Pengasingan sampah pembuangan sampah secara dengan cara yang betul, dan prihatin terhadap kebersihan kawasan sekeliling kediaman dan premis. Manakala bagi faktor disebabkan oleh kegagalan kerja kontraktor di lapangan pihak PBT akan mengambil tindakan pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih drastik terhadap kontraktor yang terlibat. Semua PBT yang telah melaksanakan pelan tindakan pembersihan sampah dengan baik seperti yang telah dirancang dan menunjukkan perkembangan yang positif.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih. Saya memerhatikan sampah kebun menjadi satu masalah yang besar di mana banyak sampah kebun tidak dikutip. Contohnya di MPSJ, kontraktor hanya mengutip sampah daun, sampah potongan rumput, tetapi yang dahan-dahan besar dia tak hendak ambil kata bukan di bawah skop dia. Adakah Kerajaan Negeri akan memberikan satu arahan yang jelas supaya semua jenis sampah kebun daripada daun-daun hingga ke dahan-dahan besar akan mesti dikutip oleh semua kontraktor dan juga mungkin menambahkan bilangan kontraktor supaya dapat menampung dengan permintaan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Bukit Gasing. Yang saya dimaklumkan bahawa di kawasan MPSJ kontraktor akan mengutip sampah kebun setiap dua minggu. Kalau tak silap saya. Kerajaan Negeri masih dalam proses untuk menyemak semula tentang tata cara pelantikan kontraktor dan juga cara kutipan sampah yang dilakukan oleh kontraktor tersebut, dan saya berharap supaya Yang Berhormat sekalian untuk memberi sedikit masa kepada saya untuk kita sama-sama untuk menambah baik pengurusan sampah di negeri kita. Sekian.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih Puan Speaker. Pada 3 November baru-baru ini Yang Amat Berhormat Dato' Besar bersama Ketua Kampung memberikan komitmen untuk menyelesaikan masalah sampah ini. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO dengan komitmen Dato' Menteri Besar, adakah kita bersedia menyediakan memberi tong sampah-tong sampah percuma ke kampung-kampung, sebab saya lihat terlalu berselerak di tepi-tepi jalan di kampung-kampung.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Itu merupakan satu cadangan yang baik dan juga melibatkan satu kos yang amat besar. Kita akan mengambil apa ni, makluman daripada atau pun cadangan daripada Yang Berhormat Paya Jaras, kita akan mengkaji supaya dapat melaksanakan ya, cadangan yang baik ini.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, ada tak bercadang untuk mewujudkan satu mekanisme supaya NGO-NGO tempatan seperti Persatuan Penduduk atau penduduk juga terlibat dalam memberi penilaian terhadap prestasi kontraktor ini yang menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan mereka.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Pada setakat ini kita tak ada masih tak ada perancangan untuk melibatkan NGO di dalam pengurusan sampah di peringkat PBT tapi Persatuan Penduduk dan juga NGO boleh atau pun Wakil Rakyat sentiasa boleh memberi pandangan dan juga maklum balas kepada PBT supaya kita sama-sama meningkatkan cara pengurusan sampah di kawasan yang berkaitan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPAR:** Terdapat tanah-tanah persendirian di tengah-tengah bandar yang tidak diurus dengan baik, yang tak tahu di mana tuan punya menjadi tempat longgokan sampah-sampah pukat. Apakah Pihak Berkuasa Tempatan akan mengambil tindakan pada penduduk membersihkan sampah tersebut.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Untuk kawasan, atau pun tanah persendirian yang dijadikan sebagai tapak pelupusan sampah yang haram Kerajaan Negeri

mengambil satu pendekatan iaitu kita akan merampas tanah tersebut dan juga memberi kompaun kepada pemilik tersebut dan Kerajaan Negeri akan memulihkan untuk tapak tersebut selepas rampasan dibuat.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** *Okay*, terima kasih Yang Berhormat Speaker. Ini saya hendak bertanya juga tentang masalah sampah ini mengenai di kawasan saya pernah saya bawa dalam sidang dewan yang lepas dan saya masih tidak nampak lagi perkembangannya. Hari ini saya nak tanya apakah perkembangannya atau pun tindakan yang dah diambil ke atas longgokan sampah yang merupakan seperti satu industri di Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ini adalah EXCO baru, memegang portfolio baru ini 60 hari, jadi saya minta Batang Kali, kalau soalan spesifik tempat itu tak kan Ahli EXCO boleh jawab *on the spot* macam itu.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ini dah bawah dalam PBT dulu. Di bawah PBT dulu. Dia dah jawab ni, benda ni. So, saya nak tengok apa yang dia buat selama ini.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Apa dia.

**TUAN SPEAKER:** Tak payah jawab, nanti boleh beri informasi ini kepada Batang kali secara bertulis. Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin minta pencerahan ya, daripada EXCO berhubung dengan sampah haram yang banyak di Hulu Langat. Baru-baru ini EXCO ada turun ke Hulu Langat dan kita telah bawa EXCO pergi ke tempat pembuangan sampah haram di Bukit Ampang. Jadi, bagai mana perkembangannya, adakah dah ditutup atau pun masih beroperasi lagi, kerana saya rasa tapak itu dah terlalu lama, dah 10 tahun lebih. Ya, itu menjadi satu punca kemarahan penduduk di situ. Jadi minta pencerahan daripada EXCO.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dusun Tua. Hari itu saya telah memberikan arahan kepada apa ini, MPKj supaya menutupkan tapak pelupusan sampah haram tu. Kalau apa ni, masih dijadikan sebagai satu tapak untuk pelupusan sampah dan rampasan akan dilakukan selepas itu.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.



**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : GAJI GURU KAFA**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menambah elaun guru-guru KAFA?
- b) Nyatakan jumlah guru KAFA di Negeri Selangor mengikut daerah dari tahun 2008

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, berkaitan dengan soalan daripada Sungai Air Tawar. Selaras dengan keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke-5/2014 yang diadakan pada 5 Februari 2014 satu jawatankuasa penilaian telah ditubuhkan untuk mengkaji dan menilai kesesuaian cadangan untuk menaikkan kadar elaun-elaun Guru KAFA. Walaupun kajian tersebut telah siap dijalankan jawatankuasa sedang mendapatkan masa pembentangan yang sesuai kerana Ketua Penyelidik bagi kajian ini sedang berada di luar negara dan akan pulang ke tanah air pada 12 Disember 2014. So jawatankuasa akan dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selepas jawatankuasa berpuas hati dengan hasil kajian tersebut.

Berkaitan dengan jumlah Guru-guru KAFA di Negeri Selangor daripada daerah 2008 sehingga 2014 secara umumnya katakan di sini bahawa penambahan bilangan guru-guru di setiap Guru-guru KAFA setiap daerah yang mana keseluruhannya kalau kita lihat pada 2008 jumlah Guru-guru KAFA ini adalah sejumlah 2,872.

2009	-	6,372
2010	-	6,372
2011	-	6,134
2012	-	6,373
2013	-	6,525
2014	-	6,677

Seperti yang mana saya katakan tadi, secara umumnya di setiap daerah menunjukkan peningkatan sebagai contoh:

**2014**

Klang	971 guru	1,027	
Kuala Langat	436	498	
Kuala Selangor	559	629	
Hulu Langat	1,038	1,178	
Hulu Selangor	285	404	
Sabak Bernam	431	389	(ini menunjukkan sedikit penurunan untuk Sabak Bernam)
Gombak	757	834	
Petaling	1,193	1,268	
Sepang	202	450	

Secara *detailnya* saya akan berikan mengikut tahun di setiap daerah, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang tidak hadir. Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih Tuan Speaker soalan no.34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MESYUARAT PENUH**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pandangan Kerajaan Negeri Selangor sekiranya ADUN dan Ahli Parlimen bukan sahaja sebagai pemerhati dalam mesyuarat penuh di setiap majlis tetapi diberi kuasa untuk memberi pandangan sebagai penambahbaikan?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Y.B. Sungai Pelek. Peranan dan kuasa ADUN Andalus adalah seperti menurut bab 1 bahagian 6 Perlembagaan Persekutuan dan senarai 2 jadual 9 Perlembagaan Persekutuan. ADUN boleh menyampaikan apa-apa pandangan dan pendapat mengenai perkara atau pun isu yang melibatkan rakyat melalui Ahli Majlis atau secara terus kepada PBT seperti mana yang ditetapkan di bawah Seksyen 23 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Semua mesyuarat PBT boleh dihadiri oleh orang ramai melainkan jika selainnya diputuskan oleh PBT itu. Dan hal ini ADUN termasuk dalam kategori berkenaan.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya no. 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengadakan kemudahan pengangkutan awam di seluruh Selangor, terutama di kawasan-kawasan pendalaman yang belum mempunyai kemudahan awam seperti dari Ampang ke Pangsun dan ke Sungai Lui.
- b) Jika ada, minta dikemukakan perancangan tersebut.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, perancangan untuk mengadakan kemudahan awam yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri adalah perkhidmatan bas percuma di kawasan luar bandar. Kemudahan bas ini dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan dengan mengenal pasti laluan-laluan kritikal terutamanya di kawasan berkepadatan tinggi. Buat masa ini perkhidmatan bas percuma hanya dapat disediakan bagi kawasan bandar sahaja. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin untuk membantu rakyat mendapat perkhidmatan kemudahan awam di setiap peringkat negeri termasuk di kawasan-kawasan pendalaman. Namun begitu keupayaan Kerajaan Negeri adalah terhad dan hanya dapat dilaksanakan di kawasan bandar seperti di Petaling Jaya, Shah Alam dan Subang Jaya. Manakala penyediaan perkhidmatan bas henti-henti merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk menambah baik perkhidmatan bas awam sedia ada di Negeri Selangor dengan mewujudkan perkhidmatan ini di kawasan luar bandar seperti projek penambahbaikan bas henti-henti atau komuter bas *improvement* projek CBIP yang dirangka oleh pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat SPAD bersama pihak kuasa tempatan. Projek CBIP merangkumi pelan rangkaian bas operasi dan infrastruktur bas bagi daerah-daerah perintis. Cadangan CBIP di negeri Selangor adalah melibatkan Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor yang masih di peringkat kajian manakala di daerah Kuala Langat akan menjadi daerah perintis bagi projek CBIP yang akan dilaksanakan pada tahun 2015.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : GRADUAN TERLIBAT AKTIVITI MILITAN**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan dengan terperinci berkenaan laporan yang dikeluarkan oleh PDRM berkenaan graduan KUIS yang terlibat dengan kumpulan militan di Syria?
- b) Apakah faktor penglibatan graduan KUIS yang terlibat dengan kumpulan militan ini?
- c) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan perkara ini tidak berulang?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, Shahimi Faekah bt Sulaiman secara rasmi diberhentikan dari KUIS melalui surat bahagian pengurusan akademik KUIS pada 10 Jun 2013 kerana mencapai CGPA kurang daripada 2 selaras dengan peraturan akademik KUIS pindaan 2011 Seksyen 10 para 10.2. Penglibatan beliau didalam aktiviti militan adalah selepas beliau diberhentikan pada KUIS. Difahamkan beliau merupakan sebahagian daripada gadis-gadis yang disasarkan secara khusus oleh kumpulan militan untuk terlibat dalam aktiviti mereka. Biasanya isu yang dihadapi adalah pengguna-pengguna media sosial yang kurang faham tentang Islam secara dan berjaya dipengaruhi oleh kumpulan-kumpulan ini. Seterusnya tentang langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan perkara ini tidak berulang Kerajaan Negeri akan sentiasa memastikan bahawa umat Islam, Islam yang sebenar dan tidak di pengaruhi dengan elemen-elemen *extreme* dan *militant* dan IPT-IPT Kerajaan Negeri akan segera menghentikan mana-mana Mahasiswa yang terbukti terlibat di dalam gerakan yang bertentangan dengan ajaran Islam dan keselamatan negara.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ:** Adakah penglibatan ini kerana beliau tidak lulus atau pun penglibatan ini memang ada tindakan di peringkat awal lagi?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Yang itu saya fikir kena tanya bahagian pihak Kerajaan Pusat, Pihak Keselamatan Dalam Negeri kerana di peka KUIS dalam rekod KUIS hanya difahamkan bahawa beliau gagal lebih awal lagi sebelum penglibatan beliau di dalam aktiviti militan. Itu rekod yang ada pada saya.

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(SERI ANDALAS)**

**TAJUK : PERJANJIAN PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah dokumen perjanjian industri air dapat didedahkan kepada umum, seperti yang dijanjikan oleh mantan Menteri Besar Selangor?
- b) Selangor membayar 10 sen/1000 liter air mentah dari Pahang, tetapi Singapura hanya membayar 3 sen/1000 liter kepada Johor. Mengapa perbezaan yang ketara?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya mohon keizinan Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab soalan no. 37 bersama-sama dengan soalan no. 170 dan juga soalan no. 340 dan 342 memandangkan semuanya merujuk kepada semua perkara yang sama.

Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Seri Andalas bertanya tentang apakah perjanjian ini akan dapat didedahkan pada umum. Sukacita saya menegaskan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat amat menitik beratkan asas-asas ketelusan dan integriti di dalam semua perkara. Apatah lagi melibatkan rakyat secara langsung dan integriti di dalam semua perkara apatah lagi dalam hal yang melibatkan rakyat secara langsung seperti industri perkhidmatan air. Salah satu objektif penstrukturan industri perkhidmatan air adalah untuk memastikan bahawa kepentingan pengguna dipelihara. Selari dengan ini, prinsip ketelusan dengan izin *transparency* sudah semestinya menjadi salah satu prinsip utama yang harus diutamakan. Di mana-mana perjanjian yang ditandatangani setelah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 di wartakan. Namun demikian, di dalam perjanjian-perjanjian berkaitan dengan Industri Perkhidmatan Air yang telah dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pentadbiran yang lama dengan Kerajaan Persekutuan terdapat peruntukan mengenai kerahsiaan dan diklasifikasikan sebagai dokumen terperingkat. Sebarang pendedahan ke atas perjanjian tersebut kepada pihak lain selain daripada yang telah dipersetujui boleh menyebabkan pihak-pihak terdedah kepada tindakan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Dalam hal ini sebelum Kerajaan Negeri Selangor boleh mendedahkan perjanjian-perjanjian tersebut kepada pihak ketiga kebenaran dan persetujuan Kerajaan Persekutuan perlulah diperolehi terlebih dahulu. Dua minggu setelah pentadbiran baru diberikan amanah saya telah menulis terus kepada Y.B. Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air pada 9 Oktober 2014 bagi mendapatkan

persetujuan supaya perjanjian tersebut dapat diklasifikasikan sebagai dokumen awam dan didedahkan kepada perjanjian tersebut. Namun demikian tiada sebarang maklum balas secara bertulis yang diterima daripada Kementerian berhubung permohonan tersebut.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan ialah mengapa Selangor bayar RM0.10 sen liter air mentah dari Pahang sedangkan Singapura hanya membayar 3 sen bagi setiap 1,000 liter kepada Negeri Johor. Sukacita saya memaklumkan bahawa perjanjian jual beli air mentah di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura ditandatangani pada tahun 1962 manakala perjanjian di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Pahang ditandatangani pada 22 November Tahun 2007. Ini jelas menunjukkan bahawa persetujuan dan penempatan ke atas harga pembelian tersebut dibuat sebelum tahun 2008.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon sedikit masa tambahan oleh kerana beberapa perkara yang dibangkitkan agak penting dan perlu diberikan penjelasan secara menyeluruh.

Yang Berhormat Kuang dan Yang Berhormat Sekinchan telah membangkitkan perkara kedudukan terkini penstrukturan industri air negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah mengumumkan pada 11 November 2014 Anak Syarikat milik penuh Kerajaan Negeri iaitu pengurusan Air Selangor Sdn Bhd. Atau Air Selangor telah memuktamadkan pembelian saham dengan Puncak Niaga Holding Berhad seperti mana yang disyaratkan oleh perjanjian utama penstrukturan Air Selangor *Master Agreement* bertarikh 12 September 2014 yang dimeterai di antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Aset dan Air Berhad. Pembelian saham dari PHNB ini melibatkan Syarikat Pemegang Konsesi Air iaitu SYABAS dan Puncak Niaga Sdn Bhd. atau PNSB. Dengan persetujuan pembelian saham ini sebahagian besar operasi dan aset bekalan air akan kembali kepada rakyat. Kerajaan Negeri melalui air Selangor akan mula mengambil alih dan menyusun semula operasi SYABAS dan PNSB.

Yang Berhormat Lembah Jaya bertanya tentang bilakah Kerajaan Negeri akan menguasai sepenuhnya industri air Selangor? Langkah seterusnya di dalam proses penstrukturan industri air ini ialah untuk menguasai sepenuhnya industri air Selangor dengan memuktamadkan pengambilan 2 Syarikat Konsesi iaitu ABAS dan SPLASH yang juga akan mengikut kerang ke dasar menjamin kepentingan rakyat di Selangor. Dijangkakan penyelesaian dapat dimuktamadkan pada dalam suku tahun ketiga tahun 2015. Memandangkan perjanjian utama yang ditandatangani oleh pentadbiran yang lama mensyaratkan Air Selangor menandatangani perjanjian pembelian saham dengan SPLASH dalam tempoh setahun dari 12 September 2014.

Yang Berhormat Sekinchan ingin mengetahui tentang tema-tema yang terkandung di dalam perjanjian tersebut. Pada umumnya tema perjanjian air di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan antaranya ialah:-

- 1) Persetujuan untuk salin mudah cara bagi menjayakan perindustrian industri perkhidmatan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya.
- 2) Penyaluran pembiayaan untuk urusan pengambilan ekuiti Syarikat-syarikat Konsesi
- 3) Persetujuan untuk sewa tapak aset-aset Bekalan Air
- 4) Penyerahan pengendalian dan pengendalian *Operation and Maintenance* Industri perkhidmatan air kepada Syarikat Air Selangor
- 5) Pemberian lesen perkhidmatan kepada Syarikat Air Selangor.

Berkenaan dengan pelaksanaan projek Langat 2. Walaupun ianya adalah sebahagian daripada perjanjian utama yang ditandatangani oleh Pentadbiran yang lama sebelum saya menjawat amanah sebagai Menteri Besar. Namun saya yakin ada ruang-ruang yang perlu digunakan sepenuhnya oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri yang baru untuk memastikan pelaksanaan projek ini dapat memberi nilai terbaik kepada rakyat Selangor secara menyeluruh. Ruang-ruang ini dapat memberi nilai terbaik kepada rakyat Selangor secara menyeluruh. Ruang-ruang ini yang saya maksudkan tadi termasuklah memastikan pembinaan projek Langat ini baik dari segi kapasiti, kos kejuruteraan dan pembinaan dinilai secara objektif oleh wakil-wakil Kerajaan Negeri supaya tidak ada unsur-unsur pembaziran yang kelak akan membebankan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Y.B. daripada Sekinchan dan juga Y.B. daripada Lembah Jaya ada bertanyakan tentang kesan jangka pendek dan jangka panjang khususnya yang berkaitan dengan kenaikan tarif air susulan penstrukturan industri air ini dan langkah-langkah untuk menangani masalah NRW. Sukacita saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kali terakhir tarif air dikaji dan dinaikkan adalah pada tahun 2006. Sejak dari itu selama 8 tahun, tidak ada sebarang kenaikan. Jika merujuk kepada perjanjian konsesi, SYABAS telah memohon sebanyak dua kali kenaikan tarif dan telah disusuli dengan satu lagi permohonan kenaikan untuk tahun 2015. Dengan mengambil kira tiga kali kenaikan tarif seperti yang terkandung dalam perjanjian konsesi SYABAS, rakyat akan dibebani dengan kenaikan yang dianggarkan berjumlah 105% berbanding dengan tarif yang sedang dinikmati sekarang. Namun demikian semenjak tahun 2008, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat berpendirian untuk tidak mempertimbangkan permohonan pelarasan tarif yang dikemukakan oleh SYABAS.

Ketika ini Kerajaan Negeri sedang meneliti implikasi ke atas rakyat sekiranya tarif dinaikkan dalam tempoh yang terdekat. Kerajaan Negeri sedang membincangkan dengan pihak Air Selangor untuk mengkaji pendirian Kerajaan Negeri bagi membela dan menjamin hak pengguna dan rakyat negeri Selangor. Dalam pada masa yang sama Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa Air Selangor dapat memberikan perkhidmatan bekalan air yang cekap dan efisien, namun sebarang langkah untuk menetapkan kadar tarif akan mengambil kira bebanan yang ditanggung oleh rakyat dan masa yang sesuai untuk kenaikan tersebut.

Perkara yang penting yang perlu di bincang dalam Dewan pada pagi ini ialah tentang NRW ataupun *Non Revenue Water*. Setelah berjaya memuktamadkan penstrukturan industri air ini, Kerajaan Negeri telah menggariskan tugas utama yang perlu digalas oleh Air Selangor dan antaranya ialah untuk memberi tumpuan kepada usaha mengurangkan NRW. Kadar air tidak berhasil ataupun NRW di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, semasa permulaan perjanjian konsesi SYABAS pada 01 Januari 2005 adalah pada tahap 42.78%, dan di bawah perjanjian konsesi SYABAS yang telah ditandatangani di antara kerajaan persekutuan, Kerajaan Negeri dan SYABAS, SYABAS telah memberi jaminan bahawa mereka akan menurunkan NRW kepada sehingga 15% menjelang tahun 2015. Walau bagaimanapun amat mendukacitakan kadar NRW ketika ini adalah masih tinggi pada tahap 34.5%.

Maka apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Air Selangor untuk menurun NRW. Tindakan secara menyeluruh akan diambil oleh Kerajaan Negeri bukan sahaja menumpukan kepada penggantian paip-paip lama tetapi juga merangkumi semua aspek yang boleh membantu untuk mencapai sasaran penurunan NRW. Tindakan menurunkan NRW ini boleh dilihat kesannya dalam jangka panjang dan Kerajaan Negeri akan memberi penekanan untuk menyegerakan kerja-kerja pembaikan paip bocor ataupun paip pecah, bukan sahaja segera daripada segi tempoh pelaksanaan kerja tetapi menumpukan kepada keberkesanan kerja yang dilaksanakan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri akan menyemak semula kemampuan kontraktor pembaikan sedia ada bagi memastikan kontraktor tersebut berkemampuan daripada segi kemahiran dan teknikal untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan.

Kerajaan Negeri juga akan menambah baik sistem aduan '*on-line*' bagi meningkatkan keberkesanan '*actively control*', dengan membolehkan semua pengguna air yang juga dianggap sebagai pemilik bersama ke atas operasi air, untuk membuat aduan ke atas sebarang kejadian paip pecah atau paip bocor yang mereka lihat. Tindakan siasatan dan pembaikan akan dibuat berdasarkan kepada aduan yang diterima. Seterusnya Kerajaan Negeri juga akan meneruskan program penukaran paip-paip lama. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri akan menambah baik sistem pengurusan maklumat paip dalam usaha untuk menentukan paip-paip mana yang perlu ditukar. Dan kos penggantian paip memang tinggi. Walau bagaimanapun



Kerajaan Negeri akan memberi perhatian kepada paip yang dalam keadaan kritikal untuk diganti terlebih dahulu. Akhirnya Kerajaan Negeri juga akan memberikan tumpuan untuk mencari punca-punca kebocoran paip sedia ada. Contohnya seperti paip yang terlindung di bawah '*monsoon drain*' yang mana tidak disedari kebocoran itu berlaku. Mencari kebocoran ini bukan saja kepada paip tetapi juga akan merangkumi semua kolam-kolam yang melimpah ataupun '*overflow*'. Dan Kerajaan Negeri juga akan memberikan tumpuan kepada penukaran meter-meter yang sedia ada.

Tuan Speaker, langkah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuang, tentang untuk memastikan supaya krisis air tidak akan timbul lagi, Kerajaan Negeri ingin menyatakan bahawa kita akan menyiapkan Projek Mitigasi 2, iaitu meningkatkan kecekapan pengagihan air terawat dari loji rawatan air SSP1 dan SSP3. Kedua, melaksanakan pembangunan Kolam Takungan di bawah projek HORAS 600 yang dijangka siap pada September 2015. Dan projek HORAS 3000 masih dalam kajian kemungkinan ataupun '*feasibility study*'. Ketiga, membuat kajian terperinci untuk meneruskan projek mengalirkan masuk sebahagian air dari Sungai Bernam ke Sungai Selangor untuk memastikan bekalan air mentah tidak lagi terjejas di masa hadapan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan tambahan. Memandangkan Puncak Niaga Sendirian Berhad dan SYABAS sudah berjaya diambil alih oleh Air Selangor Sendirian Berhad, saya ingin tahu apakah sekarang Air Selangor mempunyai hak untuk membuat susunan penstrukturan, rombakan dari segi pegawai-pegawai tinggi. Kerana sebelum ini kita dengar, SYABAS, CEO nya pernah dapat gaji RM500,000.00 satu bulan. Jadi saya nak tahu, bolehkah kita punya hak sekarang, Selangor boleh buat rombakan seperti ini. Sekian, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Yang Berhormat Sekinchan. Saya telah menyatakan tadi bahawa Air Selangor akan memulakan kerja-kerja untuk mengambil alih operasi daripada SYABAS dan juga PNSB. Dan di antara langkah pertama yang akan dilakukan dalam tempoh dua bulan seperti yang ternyata dalam perjanjian. Seramai lebih kurang 100 pegawai daripada SYABAS akan diserapkan kepada Air Selangor dan mereka akan diberikan latihan supaya memahami tentang dasar-dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan industri air ini berjalan dengan lebih efisien dan bertanggungjawab bagi menjamin kepentingan rakyat. Walau bagaimanapun saya juga telah menegaskan bahawa untuk menguasai sepenuhnya industri air ini, ia mengambil sedikit masa, kerana kita terikat dengan perjanjian utama yang telah ditandatangani oleh pentadbiran yang lama, di mana mereka

memberikan tempoh setahun kepada SPLASH untuk bersetuju dengan Kerajaan Negeri bagi memuktamadkan perjanjian tersebut. Dan ini telah saya tegaskan tadi, kita menjangkakan penyelesaian dapat dimuktamadkan dalam tempoh suku tahun ketiga tahun 2015.

**Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya Dato' Menteri Besar. Sebelum negeri membuat perjanjian yang besar di antara Kerajaan Negeri dan mana-mana pihak, adakah perlu perjanjian ini di masuk kepada Mesyuarat EXCO dan adakah EXCO telah beri kelulusan untuk perjanjian ini diambil atas ataupun ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Seri Andalas, pada prinsipnya saya kira sebarang draf perjanjian dan kandungan perjanjian yang melibatkan dua buah kerajaan, khususnya Kerajaan Negeri dan kerajaan persekutuan, perlu dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk diputuskan dan kita pernah bincang dalam perbahasan Sidang Dewan yang lalu, supaya perkara ini juga dibahaskan secara terbuka di dalam Dewan Negeri untuk mendapatkan pandangan daripada Ahli-ahli Dewan Negeri untuk menjamin kepentingan rakyat dan pengguna. Namun saya tidak pasti apakah perkara ini telah dilaksanakan dalam pentadbiran yang lama, Yang Berhormat Seri Andalas lebih maklum, kerana Yang Berhormat juga terlibat secara langsung dalam proses membuat keputusan tersebut. Namun seperti yang saya nyatakan tadi, walaupun keputusan-keputusan ini telah diambil sebelum saya diberikan amanah tetapi masih ada ruang memastikan dalam pelaksanaan Langat 2 itu, Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk memberikan tekanan kepada kerajaan persekutuan, memastikan tentang kos dan juga kerja-kerja yang hendak dilakukan itu tidak membebankan pengguna akhirnya. Kerana apa maklumat yang kita dapat setakat ini, dari segi *design* dan juga kos operasi dan *Maintenance* bagi Langat 2 itu agak tinggi yang akhirnya akan dipindahkan kepada pengguna dan ini akan menyebabkan kadar tarif yang tinggi. Maka saya telah mencadangkan dan menegaskan jawatankuasa bersama Kerajaan Negeri dan kerajaan persekutuan itu mesti mempunyai kuasa eksekutif untuk menentukan penilaian-penilaian ini, berdasarkan prinsip-prinsip yang terbuka dan telus dalam menjamin kepentingan rakyat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Teluk Datuk.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih, Y.B. Speaker. Soalan saya, 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK : PEMBINAAN *INCINERATOR* DI SHAH ALAM DAN KUALA LANGAT**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan pembinaan *incinerator* di Shah Alam dan Kuala Langat?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai kepakaran yang cukup untuk menguruskan selia *incinerator* ini?
- c) Adakah pembinaan *incinerator* ini dapat memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang tempatan selepas siap?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Teluk Datuk. *Incinerator* merupakan salah satu daripada perbagai teknologi moden yang digunakan secara meluas di kebanyakan negara-negara maju. Sehingga saat ini, tiada perancangan khusus Kerajaan Negeri untuk membina *incinerator* di Shah Alam dan juga Kuala Langat. Pengurusan serta kepakaran penyeliaan sesebuah loji *incinerator* bergantung pada '*bisnes model*' yang dirancang. Oleh sebab tiada perancangan khusus Kerajaan Negeri untuk membina *incinerator* di Shah Alam dan Kuala Langat, maka perkara ini tidak ditimbulkan. Juga sememangnya setiap loji *incinerator* yang beroperasi akan memberikan peluang pekerjaan. Namun demikian, oleh sebab tiada perancangan maka jumlah peluang pekerjaan yang akan tercipta dengan pengoperasian *incinerator* masih belum dapat dipastikan. Sekian.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Teluk Datuk.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih pada Y.B. EXCO. Soalan saya ialah memandangkan di dalam tangan saya ada fakta, ya. Kos pengurusan yang sangat tinggi kepada kerajaan, khususnya kepada kerajaan persekutuan, yang dikatakan kos penswastaaan kepada kerajaan persekutuan telah melebihi RM300 juta. Kalau ingin, kita kata menyelenggara ataupun menyelia *incinerator*, jadi adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menswastakan pembinaan *incinerator* di negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, dari jawapan saya sudah katakan bahawa tiada perancangan bagi Kerajaan Negeri untuk membina *incinerator*. Jadi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak berkaitan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Dewan Negeri diminta dengar jawapan. Jangan terlalu sibuk nak tanya soalan, tak dengar jawapan, berulang soalan. Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Puan Speaker, soalan 39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : JUMLAH PELANCONG DAN PRODUK PELANCONGAN**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah pelancongan dalam dan luar negeri yang melancong ke Negeri Selangor pada tahun 2014?
- b) Apakah tarikan terbaru pelancongan yang dirancang di Selangor?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Puan Speaker, soalan ini dijalan bersekali soalan no. 212. Jumlah pelancong dalam dan luar negara yang datang ke negeri Selangor pada tahun 2014, sehingga bulan September, adalah seperti berikut :-

<b>Tahun</b>	<b>Pelancong</b>	<b>Bilangan Pelancong</b>
2014 (sehingga September)	Dalam Negara	2,700,341
	Luar Negara	1,940,888
	<b>Jumlah Pelancong</b>	<b>4,641,229</b>

Dijangkakan jumlah kedatangan pelancong-pelancong ke Negeri Selangor pada tahun 2014 akan terus meningkat sehingga hujung tahun kerana Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 masih giat dijalankan dan cuti persekolahan yang telah bermula. Selain itu juga, program promosi yang telah dijalankan membantu meningkatkan jumlah kedatangan pelancong-pelancong ke Negeri Selangor. Tambahan pula, Negeri Selangor merupakan pintu masuk ke Malaysia dan menyebabkan peningkatan jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Selangor.

Produk-produk pelancongan yang merupakan elemen yang penting dalam menentukan kehadiran pelancong ke sesuatu destinasi pasti dipromosikan dan ianya dikategorikan sebagai produk semula jadi dan buatan manusia. Terdapat banyak produk-produk baru yang dipromosikan oleh Tourism Selangor di Negeri

Selangor antaranya adalah Royal Klang Heritage Walk, Istana Alam Shah di Klang, Chocolate Factory di MPPJ Petaling dan bakal dibuka dan dipromosikan adalah Mixsuit Premium Outlet di Sepang, Central Plaza di ICT Daerah Petaling, Damansara Performing Arts Center di MBPJ dan juga Bandar Warisan Batu Arang di Gombak dan Dusun Garden Fairies di Daerah Hulu Langat. Dengan izin Tuan Speaker saya ingin menjawab soalan ini sekali dengan soalan 212 oleh Yang Berhormat Sungai Pelek yang telah menanyakan tentang perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam membangunkan sektor pelancongan di sekitar KLIA Kuala Lumpur International Airport.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: SEKTOR PELANCONGAN**

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan KLIA merupakan pintu antarabangsa Negara, adakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam membangunkan sector pelancongan di kawasan sekelilingnya?

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur merupakan salah satu hab penerbangan yang terpenting di rantau Asia Tenggara dan merupakan pintu masuk pengunjung asing terutama di Malaysia yang terbesar di negara ini. Ianya terletak di Daerah Sepang, Selangor hampir 50 kilometer jaraknya dari ibu negara Kuala Lumpur. Jadi Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Sepang telah merancang beberapa pembangunan baru untuk membangunkan sektor pelancongan di sekelilingnya. Manakala Tourism Selangor pula berperanan untuk mempromosikan tempat pelancongan tersebut. Antara cadangan-cadangan pembangunan baru oleh usahawan dan juga pemaju-pemaju adalah seperti berikut:-

1. Bandar Aeronautikal atas tanah milik Sime Darby Sdn. Bhd.
2. *Factory Outlet* di Kuala Lumpur International Outlet di sebahagian disebelah Ampar Tenang, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.

Selain daripada itu Kerajaan Negeri turut memberi galakan kepada Daerah yang mengelilingi dan yang berhampiran dengan KLIA. Dalam mempromosikan beberapa produk-produk pelancongan di Daerah Sepang dan juga Daerah Kuala Langat di Awani Sepang Gold Coast, Inap Desa Banghunis ataupun Homestay Banghunis, Bukit Jugra, Pantai Morib, Pantai Bagan Lalang dan sebagainya

**TUAN SPEAKER:** Kuang

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tuan Speaker soalan nombor 40.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK: SUMBER AIR MENTAH**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan perincian insiden air mentah tercemar sepanjang lima tahun lalu sehingga mengakibatkan bekalan air bersih terjejas?
  - b) Apakah strategi, perancangan program dan prosedur untuk memastikan bekalan air mentah negeri bebas daripada pencemaran?

**Y.B. TUAN ZAIDY B. ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan nombor 40 ini bersekali dengan nombor 46. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuang dan juga Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: SUMBER AIR MENTAH**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.
- a) Nyatakan keberkesanan operasi pengepaman air ke Sungai Selangor dan kos yang terlibat.
  - b) Status terkini projek HY.B.rid Off River Augmentation System.
  - c) Senaraikan jumlah operasi dan kos pembenihan awam di kawasan tadahan air Empangan Sg. Selangor mengikut bulan tahun ini.

Berkaitan dengan perincian insiden air mentah tercemar tindakan setiap insiden pencemaran air mentah yang berlaku sehingga menyebabkan bekalan air bersih terjejas adalah diselesaikan melalui Jawatankuasa Kecemasan pencemaran sumber Air Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar. Senarai insiden bagi lima tahun seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN KES
2010	1
2011	8
2012	20
2013	16
2014	20

Dan senarai terperinci akan dipanjangkan kepada Yang Berhormat Kuang. Dalam usaha untuk memastikan sumber bekalan air bebas daripada pencemaran Kerajaan Negeri Selangor dengan tegas melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ke atas pihak bertanggungjawab melalui melakukan pencemaran sungai. Tindakan terhadap pencemar boleh diambil melalui yang pertamanya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling 1979. Dan kedua Enakmen LUAS 1999 dan ketiga Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171. Dalam pada itu bagi memantapkan penguatkuasaan terhadap aktiviti-aktiviti pencemaran sumber air Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS menyediakan peraturan-peraturan pelepasan bahan pencemar LUAS 2010 bagi mengawal bahan pencemar yang masuk ke dalam sumber air sekali gus dapat mengurangkan kesan terhadap kualiti air. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Antara tindakan yang telah diambil adalah melalui pelaksanaan pengurusan Lembangan Sungai bersepadu RRBM seperti *plan* pengurusan lembangan Sungai Selangor 2007 - 2012 yang mana antara polisi utama *plan* ini adalah memastikan air bersih dan memastikan air mencukupi.

Selain itu bagi memelihara sumber air dan lembangan sungai yang membekal sumber air negeri kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan antaranya yang pertama Jawatankuasa pengurusan lembangan sungai yang dipengerusikan oleh EXCO infrastruktur dan kemudahan awam, Jawatankuasa pasukan petugas pengawal pencemaran Sungai Klang, Sungai Langat dan Sungai Selangor dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). Yang ketiga Jawatankuasa kecemasan Pencemaran sumber air yang dipengerusikan oleh EXCO infrastruktur dan kemudahan awam. Selain itu sekiranya sesuatu pencemaran sungai berlaku jawatankuasa kecemasan pencemaran sumber air yang diurusetikan oleh Lembaga Urus Air Selangor dan dianggotai oleh Jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat konsesi operator air yang berkenaan akan membuat siasatan bagi mengenal pasti punca pencemaran tersebut dan seterusnya mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengatasi masalah pencemaran tersebut termasuklah mengambil tindakan undang-undang. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri sedang berusaha menganjurkan aktiviti kesedaran awam dengan melibatkan komuniti setempat dan pihak berkepentingan bagi memberi pendedahan akan

kepentingan pemeliharaan sumber air dan sekitar bagi di samping menjamin serta mengekalkan kualiti masyarakat sejahtera. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh LUAS adalah seperti berikut.

1. Program pembersihan pantai dan kempen tanam pokok bakau di Pantai Tanjung Harapan.
2. Program kuah-kuah yang melibatkan komuniti dan pelajar sekolah dalam pemantauan kualiti sungai yang telah dilancarkan pada 29 Jun 2008.
3. Program kitar semula sisa minyak masak.
4. Mengadakan ceramah-ceramah dan pameran-pameran dari masa ke semasa.

Insiden pencemaran sungai boleh menjejaskan bekalan air bersih hingga menyebabkan gangguan sementara pengguna. Gangguan bekalan air disebabkan pencemaran yang berlaku akibat pembuangan sisa industri ke dalam sungai. Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil tindakan tegas termasuk merampas tanah dan tindakan mahkamah. Contohnya dalam kejadian pencemaran diesel di Sungai Gong pada bulan Ogos tahun 2013. Berkaitan dengan operasi pengepaman air ke Sungai Selangor operasi pengepaman air kolam ke Sungai Selangor telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri sebagai langkah untuk memastikan Negeri Selangor mempunyai air mentah yang mencukupi apabila menghadapi musim kemarau kelak. Sebanyak 18 unit pam dengan kapasiti 960 mld telah ditempatkan di kolam-kolam untuk menjalankan operasi pengisian pengepaman air kolam ke Sungai Selangor bagi membantu meningkatkan kapasiti air mentah. Secara tidak langsung operasi pengepaman ini dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pelepasan air dari empangan untuk distrik bagi rawatan air bagi tujuan pemprosesan rawatan air. Sebanyak 9 kolam-kolam alternatif telah dikenal pasti untuk membantu dalam operasi pengepaman seperti berikut. Yang pertama Kolam Hang Tuah, Kolam Kambing Susu A, B dan C, Kolam KL larut, Kolam Waras, Kolam MBI, Kolam Kampung Timah dan Kolam Tancung. Pada peringkat awal operasi pengepaman dilaksanakan sekitar Jun 2014 kapasiti pengeluaran air kolam yang diperolehi dari semua kolam adalah sebanyak 300 mld sahaja. Namun dengan perancangan rapi dan pemantauan berkala yang dibuat keupayaan operasi pengepaman telah berjaya mencapai sasaran pengeluaran sebanyak 800 mld pada 10 Ogos 2014. Walau bagaimanapun sepanjang bulan Ogos 2014 lembangan Sungai Selangor telah menerima taburan hujan yang banyak. Oleh yang demikian operasi pengepaman air dari kolam ke sungai telah dihadkan pengeluarannya berikutan hujan yang berterusan telah membantu meningkatkan bas flo sungai. Pada masa ini operasi pengepaman air lebihan sungai ke kolam dilaksanakan bagi mengisi kolam takungan untuk digunakan pada membantu musim kering kelak. Anggaran kasar bagi kos yang terlibat dalam keseluruhan operasi pengepaman air sungai adalah sejumlah



RM15 juta merangkumi kos pembelian, penyewaan pam, minyak diesel, kos penyelenggaraan dan sebagainya.

Berkenaan dengan status, projek waras telah pun telah pun dijawab sebelum ini dan telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Berkenaan dengan pembenihan awan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah bekerjasama dengan Jabatan Metrologi Malaysia, JMM melaksanakan operasi pembenihan awan ataupun OPA di kawasan tadahan air Empangan Sungai Selangor bagi meningkatkan kadar insentif hujan seterusnya paras air empangan. Terdapat dua kaedah pelaksanaan awan yang telah dijalankan dengan menggunakan mikroskopik dengan kerjasama pembekal perkhidmatan yang dilantik iaitu AF Jet Sdn. Bhd dan juga kedua seburan lautan garam *sodium clorida* dengan kerjasama Tentera Udara Di Raja Malaysia TUDM. Pelaksanaan OPDA ini adalah tertakluk pada kesesuaian cuaca dan kewujudan awan kumululus menara. Jumlah operasi pembenihan awan yang telah dijalankan di kawasan tadahan air Empangan Sungai Selangor dari Mac hingga 10 November 2014 ialah sebanyak 191 kali dengan jumlah kos keseluruhan RM3,497,597.59. perincian adalah seperti jadual yang saya kira akan dilampirkan kepada Yang Berhormat yang bertanya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil dulu.

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Speaker saya ingin bertanya kepada Y.B EXCO berkenaan dengan pencemaran ammonia yang berlaku seperti di Loji-loji seperti di Bukit Tampoi. Dalam sidang DUN yang lepas ada jawapan daripada Yang Berhormat EXCO Bukit Lanjan saya kira berkenaan dengan bagaimana Kerajaan Negeri mengambil langkah menukar *filter* berteknologi tinggi supaya ammonia tidak menyerap masuk ke dalam loji rawatan. Apakah perkembangan dan status terkini tentang usaha kerajaan tersebut? Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDULTALIB:** Terima kasih kepada yang bertanya berkenaan tentang kandungan ammonia di dalam sungai yang berkaitan dengan tapisan itu saya akan merujuk balik yang berkaitan ammonia di dalam sungai yang disebutkan tadi dengan kapasiti 10 sungai permasalahan tersebut lagi tidak lagi terbangkit.

**TUAN SPEAKER:** Ya Dengkil

**Y. B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya minta Yang Berhormat EXCO Bukit Lanjan respons.

**TUAN SPEAKER:** Kenapa pula Bukit Lanjan kena respons?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Sebab dia, beliau yang bertanya atau pun menjawab soalan saya sebelum ini.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer sudah jawab tadi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Boleh, Saya rasa dia ada status terkini dengan perkara ini.

**TUAN SPEAKER:** Terpulang Bukit Lanjan nak jawab atau tidak. Kalau tidak payah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Bolehlah tu.

**TUAN SPEAKER:** Tidak perlu. Taman Templer nanti boleh bincang dekat luar. Taman Templer sudah jawab. Damansara utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya nak tanya Y.B EXCO bahawa pembenihan awan adakah Kerajaan Negeri merancang membuat pembenihan awan di musim hujan sebab saya sangat risau tentang Empangan Sungai Tinggi dan Sungai Selangor. Empangan Sungai Selangor yang kurang daripada 60% sekarang dan memandangkan HORAS akan siap pada September 2015. Saya nak tanya adakah kita ada rancang untuk terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Setakat ini belum ada lagi sebarang perancangan untuk membuat pembenihan awan dalam musim hujan walau bagaimana pun dengan melihat kepada keberkesanan kolam-kolam yang ada yang mana setakat ini kita mampu membekalkan 800 mld dan untuk pengetahuan sidang sekalian Sungai Selangor memerlukan sekurang-kurang 3,000 mld untuk kita *supply* kepada loji rawatan yang berada di sepanjang Sungai Selangor dan daripada 800 mld itu dengan paling kurang *lash flow* Sungai Selangor berada di tahap musim kemarau 1,000 mld. Maka empangan hanya perlu mengalirkan baki daripada 1000 mld campur 800 mld dalam lebih kurang 1,200 mld. Dan kita menjangkakan bahawa dengan adanya kolam-kolam ini yang mungkin kita akan mempertingkatkan masa ke masa. Maka dianya tidak memerlukan untuk kita mengeluarkan air dari empangan.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih, Tuan Speaker memandangkan bagi projek HORAS akan siap pada September pada tahun depan jadi apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan krisis air tadi akan berlaku lagi pada tahun depan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Yang pertama sekali kita mengharapkan supaya peratus air di empangan kita akan mendapat bekalan yang baik dan banyak dan seperti mana disebutkan tadi dengan kita ada kolam-kolam takungan di sepanjang Sungai Selangor yang mampu membekalkan sehingga 800 mld itu, kita

beranggapan dan mengikut kiraan kita cukup dengan seperti mana kiraan yang saya nyatakan sebentar tadi.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat EXCO yang berkenaan, saya pun masih waswas lagi ya, waswas datang luas ya. Ada tak LUAS mempunyai penguat kuasa dia sendiri yang menjalankan kerja pemantauan pada semua sungai-sungai yang ada. Penguat kuasa untuk memantau sungai-sungai yang ada tidak pun untuk air, bahan mentah air sungai masuk ke untuk loji, untuk proses air mentah atau pun sungai-sungai tak terlibat dengan proses loji air, pemantauan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Ia ada dan seperti mana yang saya sebutkan akta dalam jawapan sebelum ini, terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Taman Medan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Speaker, Peraturan Tetap 24(2).

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan, silakan EXCO.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan anak-anak Negeri Selangor mendapat pendidikan awal sekolah yang berkualiti antaranya ialah menyediakan platform yang dapat menyatukan para pengusaha tadika yang berbeza latar belakang melalui Majlis Permuafakatan Tadika Selangor atau pun dikenali sebagai MPTS. Melaksanakan Program Skim Tunas Selangor iaitu Program Bantuan Yuran sebanyak RM50 kepada keluarga yang kurang berkemampuan. Ini adalah antara usaha untuk memastikan semua rakyat Selangor dapat mendedahkan anak-anak mereka kepada pendidikan awal kanak-kanak. Ketiga melaksanakan kursus atau pun program latihan kepada para guru yang terlibat dengan pra sekolah dengan memberikan penekanan kepada modul Pembangunan Insan Negeri Selangor. Dan akhir sekali menyediakan ruang dan program untuk kanak-kanak menunjukkan bakat dan potensi mereka melalui pelbagai program contohnya seperti Hari Tadika Negeri Selangor. Jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk pra sekolah adalah sebanyak RM3 juta untuk Program Skim Tunas dan sebanyak RM300 ribu untuk Program Pembangunan Pra Sekolah dan pendidikan awal kanak-kanak.

Program pendidikan pra sekolah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebagaimana ada disebut tadi ialah Skim Tunas Negeri Selangor, Program Hari Tadika Selangor dan program pembangunan dan latihan guru-guru pra sekolah di seluruh Negeri Selangor. Bagi Kerajaan Persekutuan pula program pra sekolah yang disediakan ialah pra sekolah KPM, Tabika Kemas, Tabika Perpaduan, PERMATA, Bantuan Pendidikan Pra Sekolah untuk tadika swasta, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Puan Speaker. Saya tertarik dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mengadakan majlis permuafakatan Selangor yang bertujuan untuk mengkoordinasikan dengan izin menyelaraskan berbagai-bagai pendidikan pra sekolah di Negeri Selangor. Kita ada pelbagai jabatan dan agensi dan pihak NGO yang melaksanakan program-program ini seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian KKW, Perpaduan, parti-parti Politik dan NGO seperti PERMATA. Jadi boleh tak Yang Berhormat EXCO menerangkan komponen majlis permuafakatan ini dan adakah majlis permuafakatan meliputi reputasi daripada pelbagai jabatan dan pihak-pihak berkenaan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Burong yang bertanya. MPTS ini kita memang buka kepada semua dan fokusnya ialah kepada tadika-tadika yang terlibat dalam program Skim Tunas. Dan komponen-komponen dia mungkin saya akan bagi jawapan secara bertulis dan termasuk juga ya, agensi-agensi daripada Kerajaan Pusat. Malangnya ada sebahagian agensi Kerajaan Pusat yang terima pelawaan untuk turut serta tapi ada juga yang tak berapa *friendly* dan tidak turut serta dengan MPTS.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO sejauh manakah bantuan dan program yang diadakan tentang pra sekolah ini dapat membantu memastikan kualiti pendidikan pra sekolah yang ditawarkan ini adalah memuaskan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Saya percaya apa yang Kerajaan Negeri telah mulakan melalui Skim Tunas ialah satu permulaan yang cukup baik cuma memang kita akui bahawa masih wujud banyak cabaran untuk kita melaksanakan perkara ini secara menyeluruh ya tetapi yang bagi kita *basic* ialah untuk memastikan anak-anak itu pergi ke tadika dulu kerana kita dapati masih lagi ramai anak-anak yang tidak ke tadika. Cuma yang sekarang kita nak buat ialah untuk melihat bagaimana Kerajaan Negeri dapat melebar luaskan lagi kemudahan ini. Dan ini sedang dikaji oleh *Standco* saya.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 42.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(KINRARA)**

**TAJUK : HAL EHWAL WANITA**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan data terkini bagi jumlah ibu tunggal yang telah didaftarkan di negeri ini.
- b) Apakah usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu ibu tunggal?
- c) Apakah peranan Kerajaan Negeri terhadap isu penderaan wanita dan kanak-kanak?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kinrara. Tuan Speaker jumlah ibu tunggal yang berdaftar dengan Sistem IBU adalah seramai 17,184 orang yang mana data ini diperolehi setakat Oktober 2014, sumber dari Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS). Pengendali sepenuhnya sistem IBU. Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan sebagai usaha untuk membantu ibu tunggal di Selangor antaranya membantu ibu tunggal ini melalui bimbingan dan latihan yang telah disediakan dan pinjaman Mikro Kredit melalui SkimSel untuk wanita atau pun ibu tunggal di luar bandar dan MIMBAR untuk ibu tunggal di dalam bandar. SkimSel berjaya menarik seramai 10,827 orang wanita menyertainya dan untuk MIMBAR pula sejumlah 5,038 peserta di mana 592 orang adalah terdiri daripada ibu tunggal. Selain daripada itu, kita juga telah membuat satu program jom *shopping* untuk ibu tunggal pada 2013 dan sejumlah 3,766 orang ibu tunggal mendapat faedah dengan peruntukan sejumlah RM376,600.00. Selain daripada itu ibu tunggal sering diberi keutamaan dan keistimewaan didalam program-program Kerajaan Negeri terutamanya didalam program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor serta program-program kebajikan dan juga program-program di bawah PWB.

Selain daripada itu, ibu tunggal juga diberi keutamaan untuk mendapat sumbangan program-program perayaan, sumbangan '*back to school*' dan sumbangan tambang bas percuma untuk anak-anak ke sekolah. Selain itu juga, bantuan keusahawanan dan perniagaan dalam bentuk peralatan serta mesin untuk membantu golongan ibu tunggal ini menjana pendapatan sendiri untuk jangka masa yang panjang. Ibu

tunggal juga banyak mendapat bantuan di bawah Lembaga Zakat Selangor dan juga di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mereka yang layak.

Kerajaan Negeri Selangor sangat prihatin dan mengambil berat soal isu penderaan wanita dan kanak-kanak. Melalui peruntukan yang disediakan di bawah program *One Stop Crisis Centre* atau OSCC, Kerajaan Negeri telah pun menyerahkan kit-kit OSCC ke hospital-hospital yang mempunyai unit khas OSCC ini serta Kerajaan Negeri juga membuat lawatan ke hospital-hospital tersebut serta meninjau pelaksanaan program yang dijalankan. Kerajaan Negeri juga melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita mengadakan kempen-kempen kesedaran OSCC antaranya adalah Wanita Menentang Jenayah atau *Womens Against Crime* di daerah-daerah yang terdapat hospital yang memiliki perkhidmatan OSCC ini.

Antara 6 hospital kerajaan di Selangor yang mempunyai perkhidmatan atau pun kemudahan OSCC ini adalah Hospital Ampang, Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Tengku Ampuan Rahimah serta Hospital Kajang. Kerajaan Negeri juga melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita mengadakan kempen-kempen kesedaran Wanita Menentang Jenayah di beberapa kawasan PBT dan daerah untuk tahun 2014 sebanyak 4 program *Womens Against Crime* ini telah dilaksanakan di empat buah daerah.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Puan Speaker soalan No. 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : PERUNTUKAN INFRASTRUKTUR UNTUK KAMPUNG-KAMPUNG  
Melayu DAN KAMPUNG-KAMPUNG TRADISI**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan khusus untuk pembangunan infrastruktur?
- b) Berapakah jumlah yang dicadangkan supaya kampung-kampung tradisi mempunyai taraf infrastruktur yang terbaik?
- c) Apakah usaha kerajaan untuk tegak dan selarikan tiang elektrik di kebanyakan kampung tradisi terutama di jalan utama.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker. Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan khusus tahunan untuk pembangunan kampung Melayu dan kampung tradisi di bawah peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang dikawal selia oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor. Peruntukan tersebut disediakan untuk tujuan projek pembangunan luar bandar yang menumpukan kepada kerja-kerja baik pulih kemudahan asas, kemudahan asas desa dan jalan-jalan kampung di bawah kawalan Pejabat Daerah. Pelaksanaan projek-projek membina baru, baik pulih dan menaik taraf pembangunan infrastruktur kampung Melayu dan kampung tradisi adalah berdasarkan kepada permohonan yang telah dikemukakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor atau pun UPEN, sama ada daripada Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Ketua Komuniti, aduan penduduk serta pemantauan yang dibuat sendiri oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Permohonan tersebut dirujuk kepada Ahli Dewan Negeri kawasan berkaitan.

Pemilihan projek-projek tersebut adalah berdasarkan kepada keperluan dan tahap kritikal sesuatu permohonan projek. Kerajaan Negeri prihatin terhadap keperluan pembangunan di kawasan luar bandar termasuk kawasan kampung Melayu dan kampung tradisi di Negeri Selangor dan sentiasa komited di dalam melaksanakan agenda pembangunan luar bandar terutamanya pembangunan infrastruktur dan sosial untuk ditambah baik. Bagi menunjukkan kesungguhan tersebut, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan khusus setiap tahun sebanyak RM12.9 juta bagi tujuan pembangunan infrastruktur kampung Melayu dan kampung tradisi dalam perancangan Malaysia Ke-10 bagi tempoh 4 tahun iaitu pada tahun 2011 sehingga tahun 2014. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM85,713,559.19 dengan melaksanakan 3,263 projek pembangunan infrastruktur seperti pembaikan jalan, longkang dan perparitan, jambatan, balai raya, balai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan kampung tradisi, dewan serba guna serta kemudahan sukan melibatkan 9 daerah di Negeri Selangor. Selain daripada menyediakan peruntukan khusus tersebut Kerajaan Negeri juga sedia mempertimbangkan permohonan daripada masa ke semasa sekiranya keperluan pelaksanaan projek pembangunan tersebut adalah terdesak. Bagi tujuan pengambilalihan utiliti di kawasan kampung serta atau pun termasuk tiang elektrik, ianya dilaksanakan sekiranya jalan tersebut terlibat dalam proses kerja-kerja naik taraf atau pun pelebaran jalan sama ada oleh Pejabat Daerah atau pun Jabatan Kerja Raya. Walau bagaimanapun, keperluan pengagihan utiliti tersebut adalah di bawah tanggungjawab oleh pihak syarikat pembekal utiliti berkaitan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih Puan Speaker soalan tambahan saya adalah kita tahu dekat kampung ini ada jalan umum yang terletak di atas tanah-tanah peribadi. Nak guna MARRIS tak boleh, nak cari peruntukan khas yang lain pun tak boleh, jadi adakah Kerajaan, apakah cara nak

bantu sebenarnya, orang ramai guna tapi memang terang-terang tanah milik peribadi.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Kita sedia maklum ada jalan-jalan seperti ini yang digunakan sebagai jalan awam kepada penduduk tempatan terutamanya yang mana sebahagiannya adalah dibiayai di bawah peruntukan ICU atau pun projek luar bandar. Dan Kerajaan Negeri telah membuat keputusan dan juga dibincangkan dalam sidang yang lalu supaya sekiranya ada jalan-jalan seperti ini yang melalui tanah-tanah persendirian ianya boleh dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Daerah tempatan untuk dilakukan pengambilan. Dan sekiranya ini berlaku dan berjalan dan Kerajaan Negeri bersedia untuk menaikkan taraf jalan-jalan tersebut, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi dengan ini saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 semua peringkat.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Kuang, 20 minit ya Kuang.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terima kasih Speaker. Tambah 5 minit. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu Kuang ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberikan keizinan kepada Kuang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul bajet 2015 Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua dalam Dewan Undangan Negeri yang Ketiga Belas. Kuang juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang baru dari Bukit Antarabangsa juga kepada EXCO-EXCO yang kekal dan EXCO-EXCO yang baru dilantik. Semuanya berpunca daripada satu pergolakan yang begitu hebat hinggakan rakyat menjadi huru-hara berbulan-bulan juga lamanya untuk menyingkirkan Yang Berhormat Pelabuhan Kelang yang pada ketika itu menjadi Menteri Besar. Pengundi Kajang juga yang memilih pada pilihan raya yang ketiga belas dikhianati setelah Yang Berhormat Kajang meletakkan jawatan untuk memberi laluan kepada si suami iaitu ketua umum untuk bertanding tetapi kerana halangan perundangan akhirnya si isteri iaitu presiden parti bertanding. Yang Berhormat Kajang yang baru dicanangkan...

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Peraturan Tetap.



**TUAN SPEAKER:** Ya, Peraturan Tetap yang mana?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Peraturan 36 (i). Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkannya sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkannya itu. Dan sekarang kita sedang membincangkan bajet untuk tahun hadapan. Itu perkara yang tidak berkaitan dengan bajet tidak harus dibincangkan di sini. Ini bukan perbahasan menjunjung kasih. Tolong faham ke Kuang.

**TUAN SPEAKER:** Betul Sungai Pinang. Kuang, tolong hadkan kepada isu bajet.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terima kasih Sungai Pinang. Ini mukadimah.

**TUAN SPEAKER:** 20 minit sahaja. Terus kepada isi.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terus kepada perkara yang saya nak bawakan dalam persidangan untuk membahaskan bajet ini perlu saya mengeluarkan mukadimah kerana mukadimah itu penting. Kalau kita nak pinang anak orang pun kita ada pantun sebenarnya baru kita boleh pinang. Itu kita perlu dalam perkara tersebut. Sekinchan, dulu saya berkawan dengan Sekinchan ni tapi sekarang kat luar dewan saya kawan tapi dalam dewan saya tak nak kawan dah. Kerana saya tak nak kawan Sekinchan ni 6 tahun dia bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini dia ni jiran. Tapi bila Yang Amat Berhormat dah bagi tahu Timbalan Speaker ni PAS punya nak lawan juga. Walaupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar tak ada dalam bilik musuh Yang Amat Berhormat Menteri Besar BN nampak dan jelas tapi kalau Sekinchan ni kawan kalau jadi musuh macam api dalam sekam.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta laluan Kuang.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tak nak bagi laluan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tak nak kawan ke?

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ya, Sri Muda boleh.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih kepada Kuang. Saya nak berbalik kepada peraturan tetap tadi di hadkan mukadimahnya terlalu jauh menyimpang kalau nak masukkan sedikit bolehlah. Tapi saya nampak terlalu jauh

menyimpang dan minta Kuang balik kepada persoalan pokok sebab ramai lain rakan-rakan yang berucap.

**TUAN SPEAKER:** Kuang, lihat jam sudah 5 minit berlalu. Itu belum lagi poli pertama. Teruskan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya ni sebagai peringatan. Saya tengok Menteri Besar kita yang baru elok segaknya. Jadi Menteri Besar dah bagi tahu Timbalan Speaker ini untuk PAS dia nak lawan lagi buat apa. Macam api dalam sekam.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta laluan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kalau Menteri Besar ini ada senjata dia boleh tembak terus Barisan Nasional kerana kawan makan dari dalam.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta laluan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ya Sekinchan. Saya tak nak kawan. Kalau kat luar saya boleh kawan. Dalam ni saya tak nak berkawan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih atas hasutan itu.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya teruskan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan bajet tahun 2015 ada menyentuh soal penyelidikan melalui strategi kedua. Menjana pertumbuhan berkualiti pelaburan, pendidikan, perumahan rakyat dan pelancongan. Namun begitu hanya pendidikan tinggi sahaja yang dalam radar Yang Amat Berhormat Menteri Besar seperti dana RM60 juta untuk universiti Selangor. Kemudian ditambah lagi RM10 juta Tabung Basiswa Selangor untuk penuntut UNISEL. Dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS). Dan juga hadiah untuk anak masuk universiti dan sebagainya. Persoalannya bagaimana dengan pendidikan menengah rendah dan mereka yang keciciran dalam pelajaran. Kelompok-kelompok ini tidak diberikan tumpuan istimewa dalam bajet yang dibentangkan dan ke mana perginya dasar kerajaan dipedulikan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya tak nak bagi masa sebab tinggal 15 minit.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku duduk. Biar Kuang habiskan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ada masa nanti saya bagi. Mungkin Kerajaan Negeri beranggapan kelompok ini boleh diuruskan oleh Yayasan Selangor namun Yayasan Selangor juga gagal menguruskan pendidikan anak-anak Selangor keseluruhannya dengan berkesan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, minta penjelasan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya tak bagi.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku tolong duduk.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kampung Tunku kawan Sekinchan pun sama macam api dalam sekam. Kuang amat prihatin dengan soal pendidikan anak bangsa khususnya organisasi Yayasan Selangor. Kuang juga telah bangkit di dewan ini dan berbicara tentang tadbir urus Yayasan Selangor tempoh hari dalam dewan yang sebelum ini bagaimana perbelanjaan yang membazir dalam program-program Yayasan Selangor dan juga tadbir urus yang longgar dan penyelewengan di Yayasan Selangor di bawah pengurusan lama yang dipilih oleh Menteri Besar yang lama.

**TUAN SPEAKER:** Kuang tunggu. Tunggu dulu, tunggu dulu. Kampung Tunku, sudah kata tak boleh. Dah 3 kali. Tak payah bangun lagi. Biar Kuang habiskan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Api dalam sekam ni memang bahaya. Saya tak nak kawan. Sesungguhnya hasil keprihatinan Kuang dan juga Yang Berhormat Barisan Nasional yang membangkitkan isu-isu tersebut suatu ketika dulu maka pengurusan kanan Yayasan Selangor yang membuat onar tersebut telah ditamatkan. Difahamkan kini sudah ada jawatankuasa tertentu ditubuhkan oleh Yayasan untuk mengelakkan penyelewengan. Saya tidak mahu kawan kecuali peraturan dewan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sebab isu yang dibangkitkan sudah 6 tahun lepas dah.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ni Yang Amat Berhormat bahaya ni gunting dalam lipatan. Saya bersetuju dengan penubuhan jawatankuasa sumbangan derma dan kebajikan, jawatankuasa pemantau projek dan teknikal, jawatankuasa kewangan dan aset pelaburan yang ditubuhkan, saya mendapat maklum. Semua ini adalah hasil perjuangan kami dulu Barisan Nasional dalam menegur dan memperbetulkan keadaan padahal pada ketika itu mantan Menteri Besar tetap mempertahankan pengurusan atasan dan mahu memberi peluang. Asalnya Yayasan Selangor ditubuhkan dengan ketetapan untuk membela pendidikan anak bangsa khususnya yang tinggal di luar bandar. Objektif Yayasan Selangor antara lain menyediakan peluang dan kemudahan untuk pelajaran pelajar-

pelajar anak Selangor di peringkat rendah menengah penyelaras dan pelaksana kemahiran dan pembangunan insan dan mengurus dan menyelaras aktiviti komersial, harta-harta dan pelaburan yang menjana kewangan. Kini misi Yayasan Selangor adalah untuk menyediakan prasarana pendidikan yang efektif dalam membentuk generasi insan kamil dan dengan misi menjana dana mengenal pasti kumpulan sasar membiayai pendidikan untuk semua. Selaras dengan misi untuk menyediakan prasarana pendidikan yang efektif saya ingin membangkitkan status projek pembangunan asrama Tun Dr. Ismail, Toh Puan Norashikin. Yayasan Selangor dengan pembangunan iaitu dengan projek pembangunan semula Lot 20010 dan Lot 545, Seksyen 90 Bandar Kuala Lumpur. Asrama-asrama ini berfungsi menempatkan pelajar-pelajar luar bandar untuk bersekolah dan mendapat pendidikan di kawasan bandar. Seramai kira-kira 450 orang pelajar tidak lagi menikmati kemudahan tersebut apakah status terkini projek pembangunan semula tersebut setelah dikemukakan, dimulakan minta maaf. Inisiatifnya pada tahun 2012.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik minta mencelah.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kota Anggerik. Hujung-hujung nanti saya bagi.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya nak sekarang. Saya nampak Kuang baca teks lama.

**TUAN SPEAKER:** Jangan baca teks, Kuang. Teruskan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ini saya nak tanya status sejak tahun 2012, ini dah 2014. Syarikat Tetuan Gabungan Granite Terengganu Sdn Bhd adalah pemaju yang dilantik secara tender terbuka malangnya tinjauan saya di Kampung Pandan, saya pergi ke Kampung Pandan ye Sekinchan, bukan duduk kat Sekinchan saja. Memang api dalam sekam. Tinjauan saya di Kampung Pandan baru-baru ini belum nampak sebarang perubahan asrama ini. Sekinchan mana tahu, dia duduk Sekinchan. Berapakah nilai kerugian pendidikan anak bangsa yang tidak ternilai. Roboh dah roboh dah. Bina tak bina lagi. Dah berapa tahun. Bagaimana nasib pelajar luar bandar yang selama ini mendapat tempat di sana hari ni sudah tidak ada lagi tempat. Dan waktu itu kita nak tanya Yayasan Selangor bila nak bina, dulu dah bentang tempoh hari di ruang legar dewan. Awal bentang nak bina projek berbagai-bagai rupanya bentang saja. Bina tak ada. Kita juga memahami hasrat Yayasan untuk menjana dana dari projek ini dan dijangka menghasilkan pulangan sebanyak RM345 juta bersih 30% dari nilai pembangunan dasar yang dianggarkan 1.2 bilion namun pihak yayasan melihat gagal merancang dan melaksanakan dengan teliti sehingga sudah hampir 3 tahun tiada apa-apa lagi pembangunan yang berlaku. Banyak masa lagi. Daripada jadi api dalam sekam baiklah cakap tak ada *point*. Untuk itu saya juga hendak melihat bagaimana kesenggangan yang dilakukan oleh Yayasan Selangor mulai tahun 2012 Yayasan

Selangor telah menamatkan pemberian pinjaman pelajar di peringkat diploma dan ijazah di Institut Pengajian Tinggi dan hanya memberi pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar meneruskan pengajian dalam bidang kemahiran iaitu keutamaan pinjaman kepada golongan pelajar-pelajar yang tercicir. Mulai dari tahun 2013 pula tiada lagi pinjaman pelajaran pelajar-pelajar dalam bidang kemahiran sebaliknya fokus Yayasan Selangor pada aktiviti pendidikan kepada pelajar peringkat sekolah menengah sahaja.

Puan Speaker, untuk itu tidak hairan lah Institut Kemahiran Yayasan Selangor di tutup pada tahun 2010, di mana komitmen Kerajaan Negeri untuk membantu pendidikan dan latihan kepada anak-anak Selangor yang kurang cemerlang dalam pelajaran sekali lagi saya ingin melihat komitmen Kerajaan Negeri terhadap kelompok ini dalam bajet yang dibentangkan.

Saya juga ingin membangkit tentang aset pembangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang Kuala Lumpur bangunan 12 tingkat yang keluasan 140,360 kaki persegi saya difahamkan bangunan ini telah dikosongkan oleh penyewa kerana mahu dinaiktaraf agar menjadi lebih kompetitif dan mendapat menjana kewangan yang lebih tinggi kepada Yayasan Selangor semenjak tahun 2011 telah dikosongkan. Malangnya pada pandangan saya juga menunjukkan bangunan ini masih terbiar tiada apa-apa pembaharuan. Difahamkan kontraktor yang dilantik sudah lari dari bulan Jun 2014 pihak yayasan memutuskan agar pembangunan semula bangunan ini diurus sendiri oleh yayasan.

Kini kajian kemungkinan anggaran kos dan lantikan juru perunding sedang dilakukan. Sekali lagi Kerajaan Negeri melalui Yayasan Selangor gagal untuk mengurus aset pendidikan negeri difahamkan jumlah kutipan sewa bulanan bangunan ini boleh mencecah di antara RM300,000.00 hingga RM400,000.00 sebulan. Antara penyewa utama ialah Maybank Akibat gagal merancang dengan teliti aset ini menjadi liabiliti kerana ia tidak mengeluarkan hasil bayangkan yayasan sudah kehilangan hampir RM19.2 juta apabila RM400,000.00 dikalikan dengan 12 dikalikan dengan 4 tahun maka itu hasil penyewaan selama 4 tahun.

Kebimbangan saya tentang aset yang menjana sumber kewangan kepada yayasan ini dan asasnya Yayasan Selangor telah mencatat kerugian pada tahun 2010 sebanyak 5.1juta walaupun mencatat keuntungan pada 2011 dan 2012, namun tahun 2013 kembali mengalami kerugian iaitu hampir 1juta. Ini ditambah lagi dengan pinjaman oleh Kerajaan Negeri kepada Yayasan Selangor iaitu sehingga Mei 2014 berjumlah hampir 32juta kita menuntut penjelasan Kerajaan Negeri bagi maksud kenapa kecuaiian dalam perancangan berlaku sehingga menggadaikan peluang pendidikan anak bangsa dan kelebihan di pihak yayasan perlu ada jalan keluar yang teratas untuk menyelesaikan masalah ini.

Puan Speaker, saya juga ingin menyentuh mengenai KSSB, mengenai pengeluaran pasir saya ingat saya pernah dihalau di dewan ini kerana menyentuh mengenai pasir. Saya dimaklumkan dibawa ke SELCAT tapi sehingga ini perbicaraan saya tak dengar lagi keputusannya. Saya lihat KSSB sebuah anak syarikat yang kita tubuhkan

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Puan Speaker saya rasa

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** untuk ...

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pinang

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** mencelah)

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** (mencelah)

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Pandangan awal telah pun dibuat, mengelirukan dewan

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** mencelah

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** dah bentang orang ini patut di halau keluar ni.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Biar EXCO jawab, ini pun api dalam sekam juga ini.

**TUAN SPEAKER:** Kuang

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Bagi ruang masa bercakap.

**TUAN SPEAKER:** Kuang

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Cakap fakta tak betul..

**TUAN SPEAKER:** Kuang

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Api dalam sekam..

**TUAN SPEAKER:** Kuang, isu KSSB telah dibentangkan dalam penyata, penyata itu adalah dokumen yang orang awam pun boleh baca, saya minta pergi semak dulu sebelum menuduh tiada jawapan diberikan di dalam dewan.

Yang kedua apa Sekam, Sekam ini tolong hentikan tengok masa pun sudah mencukupi saya benarkan 5 minit lagi tolong gulung.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Puan Speaker ini baik hati orang nya. Seronok Puan Speaker, Cuma Puan Speaker, hasil pasir ini saya tak dengan YAB membentangkan dalam bajetnya hasil pasir ini yang untuk dibelanjakan untuk rakyat dan sebagainya. Barangkali YAB boleh *check* KSSB ini hasil yang banyak boleh menambah perbelanjaan untuk menjaga rakyat di Selangor saya pun tak nak cakap banyak cuma satu perkara saya nak bagi YAB sebab YAB ni rajin turun padang. Masa itu kawasan-kawasan kecurian pasir saya nak sebut yang pertama tapak Puchong PRIMA, yang kedua Labohan Dagang, Banting yang ketiga Bukit Beruntung dan Batang kali ini kawasan kecurian pasir kemudian yang keempat Ulu kali Rasa, Hulu Selangor yang kelima Tapak Sungai Long, Kuala Sungai Long, yang keenam kawasan Bukit Changgang, Kuala Langat yang ketujuh Sungai Gelung, Kajang ini penguatkuasa mana ini. Saya pula boleh dapat

**TUAN SPEAKER:** Kuang, macam mana boleh dapat, mana Kuang tahu tempat sini ada kecurian pasir.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya siasat dan boleh siasat, kalau tiada boleh hukum saya. Kawasan Bukit Changgang, Kuala Langat, Sungai Jelok Kajang, Taman Perindustrian Puchong

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Puan Speaker, saya rasa Kuang terlibat dengan kecurian pasir ini sebab dia tahu, sebab dia yang terlibat

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ini sangkaan jahat, sangkaan jahat tarik balik, tarik balik, sangkaan jahat.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Mungkin Kuang dia terlibat kalau tidak macam mana di tahu telitinya saya pun tak tahu dia tahu, polis tak tahu, dia tahu

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sangkaan jahat, tarik balik, tarik balik.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SUNGIB:** Sabar, sabar

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan, minta penjelasan,

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tapak operasi KSSB

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kuang, Kampung Tunku minta penjelasan

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Taman Desa Menteri Kelompang, Batu ½ 8 Gombak.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDİ:** mohon menceleh minta penjelasan

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Hulu Langat, Batu 14 Hulu Langat

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kampung Tunku minta penjelasan, berani kerana benar, benarkan lah.

**TUAN SPEAKER:** Yang lain tolong duduk dulu, Kuang kena gulung ni

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Minta penjelasan

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku, Kinrara tolong duduk, Kuang nak gulung ni

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** senaraikan

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Kuang

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tak payah la, sekiranya berlaku benar ini adalah hasil Kerajaan Negeri saya yakin dengan YAB Menteri Besar sekiranya maka itu, Yang Berhormat Speaker, saya mohon untuk bersama-sama dalam mesyuarat ini dan menyokong. Sekian, *Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER:** Pembangkang ada lagi sapa nak berbahas. Saya bagi peluang Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia.* Sekichan sabar Sekinchan. Terima kasih Puan Speaker kerana memberi peluang kepada Sungai Panjang untuk mengambil dalam debat perbahasan belanjawan Selangor 2015 Pembangunan Kualiti Rakyat Diperduli namun sebelum itu agak kekok juga untuk berbahas pada hari ini kerana dalam sidang ini ada satu wakil rakyat bebas ada dua wakil rakyat separa bebas.

Jadi orang bertanya kepada saya yang duduk bebas ini kat mana? Yang duduk separa bebas ini kat mana?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Puan Speaker saya menghargai..

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang



**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Baru mukadimah pun belum silakan, silakan.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Saya minta, Sungai Panjang perbetulkan balik separa bebas itu tak betul, dua ADUN ini tidak pernah dipecat dari PAS, tidak pernah dipecat jadi jangan campur urusan parti kalau tidak tahu fakta itu sebab namanya separa bebas dia tidak bebas seluruhnya, cuma dia digantung setahun.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Bagi saya peluang dulu, saya menghargai keputusan dalam ucapan belanjawan ini terhadap ukuran kemiskinan yang dikaji semula, daripada 520 pendapatan isi rumah kemiskinan tegar, 850 purata garis kemiskinan kebangsaan dan akhirnya merujuk kepada angka sebanyak 1500 ini 30 % daripada rakyat Negeri Selangor dikategorikan dalam kategori miskin. Sebaik sahaja kenyataan itu dikeluarkan saya mendapat banyak maklum balas terutamanya dari guru-guru KAFA di seluruh Negeri Selangor yang mana pendapatan guru KAFA pada hari ini adalah sebanyak RM1,300.00 yang mana RM1,300.00 ini kalau dikategorikan dari 1500 itu sudah di bawah garis kemiskinan dan RM1,500.00 ini 800 itu disumbangkan oleh kerajaan persekutuan dan 500 itu disumbangkan oleh Baitulmal dan juga Kerajaan Negeri, janji Kerajaan Negeri kepada mereka. Sebelum pilihanraya 2013 mereka akan diberi kenaikan sebanyak RM200.00.

Tuan Timbalan Speaker, tahniah Tuan Timbalan Speaker, jangan risau api dalam sekam, kami bersama-sama tuan. Jaminan 2 perkara penting yang diberikan iaitu peningkatan sebanyak RM70 juta daripada SkimSel dan juga daripada RM40 ke RM60 juta terhadap MIMBAR itu bukan satu perkara yang sangat dihargai Cuma beberapa kali isu kemiskinan ini dibangkitkan oleh terutama dari Hulu Klang terhadap pangkalan data orang miskin kita tidak mahu tunjuk RM100 juta kita tidak mahu RM60 juta itu diberikan kepada orang yang silap kerana ketiadaan data yang menyeluruh sebab itu apa ukuran data yang akan digunakan kerana kerap kali dalam isu kemiskinan ini memilih orang yang betul itu merupakan satu perkara yang bukannya mudah kerana apa berdasarkan kategori-kategori ini kita tidak mahu dalam masa yang sama orang ini penerima zakat dalam masa yang sama orang ini menerima Skim Sel dan sebagainya. Sebab itu keperluan data-data yang sangat penting pada ketika itu pada ketika ini, merupakan satu perkara yang mesti diambil perhatian yang dibahaskan dalam ucapan belanjawan ini terhadap penjenamaan semula Selangor State Investment Centre (SSIC) dan disebut juga di sini terhadap Negeri Selangor mempunyai sebanyak 153 projek yang diluluskan kadar yang tertinggi dengan nilai pelaburan terbanyak RM4.5 billion tetapi perkara yang ditutup ialah Negeri Selangor ini jatuh ke tangga kelima dari segi jumlah pelaburan, kita jatuh di bawah Johor, kita jatuh di bawah Sarawak kita jatuh di bawah Pahang, kita jatuh di bawah Pulau Pinang jadi perkara-perkara ini juga dari segi pelaburan ini kita tidak boleh terlalu mendabik dada kerana apa? Kerana Lembaga Pelaburan

Malaysia MIDA dan koridor yang ada di Negeri Selangor ini sudah tentulah mereka membantu daripada aspek pelaburan saya melihat

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Bila saya mengkaji

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Peraturan Tetap

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila berapa, peraturan tetap berapa

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Duduk dulu, duduk dulu

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Peraturan Tetap berapa...

**Y.B. DATO TENG CHANG KHIM:** Duduk dulu. Duduk dulu. Peraturan 36(6). Sangka jahat, sebab sebentar tadi Sg. Panjang menyatakan kedudukan Selangor dari segi dari segi pelaburan jatuh ke 5 ditutup. Saya rasa tidak benar, itu satu yang tidak sebab dari hari semalam pun apabila saya menjawab soalan, saya dah jelaskan. Selangor berada di tangga ke-5. jadi tidak ada, jangan, jangan..duduk..duduk. jadi saya rasa dan saya tak ada masalah pihak mana-mana nak membahaskan kedudukan Selangor , pelaburan, baik ke buruk. Tidak apa. Tapi fakta tu mesti betul. Jangan kata kita tutup. Kita tak pernah tutup. Semalam saya jawab dalam dewan ini. Jadi tutup tu tidak betul. Jadi saya, kita, niat tu kurang baik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sg. Panjang, pastikan fakta yang.. adalah betul.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kurang baik tak semestinya jahat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teruskan Sungai Panjang,

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya hanya rujuk kepada teks perbahasan ini. Yang dikemukakan dan teks perbahasan ini.

**Y.B. DATO TENG CHANG KHIM:** Jangan kata..saya baru saja...saya jawapan dah tahu.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Minta kebenaran dari Speaker dulu. Minta kebenaran daripada Speaker. Speaker apa aturan dia boleh bangun berdiri speaker. Speaker...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Panjang duduk sekejap. Dan Sg. Pinang duduk sekejap. Fakta Y.B. kemukakan hendaklah merujuk kepada fakta yang benar dan sekiranya ditulis di situ nyatakan di muka surat berapa untuk memastikan bahawa fakta yang benar-benar dirujuk perkara tersebut. Dan saya berharap tidak ada fakta yang mengelirukan dalam dewan ini. Saya silakan, teruskan Sg. Panjang.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya tidak sebut fakta yang mengelirukan. Saya hanya berhujah berdasarkan kertas *pink* yang dikeluarkan. Tuan Timbalan Speaker, apakah jaminan penjenamaan semula. SSIC ini akan membawa kepada pelaburan yang lebih menyeluruh kepada negeri Selangor sebab berdasarkan laporan sehingga September 2013, hanya sekitar RM100,000.00 sahaja keuntungan yang dibawa oleh SSIC. Dan saya melihat juga dari segi nilai geran, berapa banyakkah sebenarnya, nilai geran yang diterima oleh SSIC ini dan atas perkara tersebut mengapa kah perlunya penjenamaan-penjenamaan semula. Tuan Timbalan Speaker, saya rasa menghargai terhadap kenyataan apabila dalam konteks kemelut tenaga. Disebut tentang sebanyak 7537mega watt *per hour*, dan 40% daripada permintaan tenaga ini kalau kita tidak lakukan sesuatu, akhirnya kemelut tenaga ini boleh berlaku di negeri Selangor pada tahun 2016. Kalau kemelut tenaga ini berlaku, sudah tentulah aspek daripada segi pelaburan, aspek daripada segi kesejahteraan rakyat, aspek daripada segi mengganggu kehidupan itu akan berlaku. Namun perkara ini memerlukan kebijaksanaan politik, dan perkara ini memerlukan kewibawaan politik daripada pihak Kerajaan Negeri. Kerana apa, dalam kes Kampung Terentang di Rawang, perkara ini sudah terlalu lama semenjak 2008 tidak diselesaikan. Jadi ini tahun berapa, ini tahun 2014. Dan kalau perkara ini tinggal 2 tahun saja, kalau perkara ini tidak diselesaikan. Krisis tenaga, krisis elektrik ini akan berlaku di Negeri Selangor.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Timbalan Speaker, saya mohon penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Rawang, minta. Sila Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya minta penjelasan Sg. Panjang macam mana dia dapatkan statistik atau kenyataan krisis elektrik tu, ada tak dia *spoke person* kepada TNB ataupun pihak tertentu. Itu saya minta penjelasan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ok, saya merujuk kepada bahawa pihak Kerajaan Negeri akan mengambil inisiatif, ya, akan mengambil inisiatif, terhadap kemelut tenaga. Jadi saya membawakan satu contoh kes di Kampung Terentang. Maknanya perkara yang sudah cukup lama yang sepatutnya boleh diselesaikan. Sama ada penyelesaian itu dipihak TNB atau penyelesaian itu di pihak Kerajaan Negeri. Itu tentu saya mengungkapkan kenyataan perlu ada kebijaksanaan dan kewibawaan tindakan politik untuk menyelesaikan perkara ini. Saya fikir itu saja. Saya ada tujuh...

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Timbalan Speaker, sebab ini Sg. Panjang sentuh tentang Rawang dan saya rasa dia ADUN baru penggal pertama. Dia tidak tahu proses yang dilalui itu, jadi adalah salah untuk dituduh kita lambat dan tidak selesaikan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sg. Panjang telah jelaskan tadi. Teruskan Sungai Panjang.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tuan Timbalan Speaker, saya nak rujuk kepada isu yang hebat diperkatakan tentang isu perumahan. Disebut beberapa kali berkaitan dengan isu perumahan, dan saya menghargai kebijaksanaan Kerajaan Negeri terhadap perkara yang disebut, perkara-perkara yang boleh mengurangkan harga rumah. Tapi berdasarkan kajian saya, ada beberapa perkara sebenarnya terhadap dasar dan polisi Kerajaan Negeri yang langsung tidak mesra, yang akhirnya menyumbang kepada kenaikan harga rumah. Sebagai contohnya premium untuk menukar syarat guna tanah, kalau 2008 hanya 3%, sekarang 17%. Peningkatan kepada berapa peratus ini? Lebih daripada 300%. Kemudian *charge* pemajuan, sebelum 2008, tidak ada *charge*, kemudian sekarang 13%. Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan, dulu kosong sekarang 3%. Maksudnya apa, maksudnya penyumbangan kepada harga rumah yang tidak teratur, tidak sempurna di negeri Selangor ini, juga disumbangkan oleh polisi Kerajaan Negeri yang tidak mesra terhadap perkara ini. Jadi kalau perkara ini tidak diambil kira, jadi bagai manakah kenyataan yang boleh disebut sebagai Rakyat Di peduli. Atau benarkan rakyat ini benar-benar dipedulikan. Tuan Timbalan Speaker, saya ingin merujuk kepada perkara yang juga penting iaitu soal banjir. Rakan daripada Sg. Air Tawar, daripada Sabak, tidak semena-mena daerah Sabak Bernam banjir. Pertembungan 2 jabatan, antara JKR dan juga JPS saling salah menyalah antara satu sama lain. Siapakah yang patut mengawal selia parit sepanjang FR5 ini, Federal Road 5. Daripada pasir panjang ke Sabak Bernam. Akhirnya Menteri Besar turun mengumumkan ada bajet untuk perkara tersebut. Persoalan isu yang saya nak timbulkan mudah, mengapakah tunggu banjir, baru peruntukan mahu turun. Adakah kita ini mengurus berdasarkan krisis *management*, pengurusan krisis yang akhirnya apabila berlaku insiden, baru perkara itu mahu kita selesaikan. Dan saya rujuk beberapa kontraktor apabila saya turun di Lapangan, mereka sebut Y.B. ini pun peruntukan bukan bayar tahun ini, tapi peruntukan ini bayar tahun hadapan. Persoalan yang saya nak timbulkan mengapa tidak ada satu keperluan mengurus ini dibuat sepanjang tahun untuk mengelakkan perkara-perkara banjir ini daripada berlaku di daerah Selangor Utara. Saya juga menghargai Kerajaan Negeri apabila mereka menyebut tentang penterjemahan karya-karya yang tersohor, yang akan dikawal selia oleh perpustakaan tetapi Kerajaan Negeri, lawat-lawatlah perpustakaan di Selangor Utara. Lawat-lawatlah di perpustakaan di daerah Sabak Bernam dan kalau kita lihat bangunan yang besar tetapi *facilities*, kemudahannya kelas 4 atau kelas 5, lawatlah Perpustakaan Bergeraknya, yang langsung tidak ada hawa dingin, hanya menggunakan kipas RM70 yang letak di atas yang berpusing

biru yang kecil itu. Dan dalam masa yang sama, kita meninggalkan soal keperluan asas perpustakaan. Mengapa, kerana di sinilah anak-anak rakyat Selangor belajar mentelaah, tetapi dalam masa yang sama kita mementingkan untuk menterjemah karya-karya yang tersohor. Soalnya adakah ini maknanya rakyat dipedulikan, sebab itu modul asas dalam perbahasan saya menyebut beberapa perkara-perkara penting ini, mesti diambil perhatian. Tuan Timbalan Speaker, saya nak merujuk juga dengan soal kemudahan prasarana sukan. Di dalam prasarana sukan, di dalam belanjawan ini disebut perkara 53, Penubuhan Aset sukan negeri Selangor. Beberapa Stadium, sebagai contohnya Stadium Shah Alam, stadium kota raya, stadium Klang, Stadium Selayang, akan diurus oleh mereka. Mengapa tidak mereka mengambil terus stadium-stadium kecil yang ada di peringkat daerah. Daerah Sabak Bernam, kita ada stadium Sg. Besar, kita ada stadium di Pekan Sabak. Kalau tuan-tuan pergi melawat ke stadium di Sg. Besar, trek bitumennya telah ditukar ke trek jalan, tar, kita nak berlatih dengan tar jalan. Mengapa tar jalan ini dikemukakan, mengapa tar jalan ini ditukar. Rupa-rupanya ada satu proses penganjuran terhadap industri permotoran kereta dan juga motor, sampai kan tar bitumen stadium untuk keperluan *jogging* dan lari akhirnya ditukar kepada tar jalan untuk program bermotor. Kajian saintifik yang saya buat, pertanyaan dengan ahli-ahli sains yang bagus, mereka menyebut memang tar jalan bukanlah tar yang sangat sesuai. Sebab itu saya mencadangkan beberapa penambahbaikan, jangan hanya ambil stadium besar, ambil stadium kecil juga perlu termasuk sama sebab stadium-stadium di daerah kecil sebagai contohnya stadium yang ada di Sg. Besar, di Pekan Sabak. Kalau tuan-tuan tengok daripada segi kemudahan fizikalnya saya fikir sangat menyedihkan. Juga disebut beberapa kali EXCO Sukan, juga disebut oleh Hulu Klang tentang bagaimana menambah baik pasukan bola sepak Selangor dan dijawab oleh EXCO Sukan. Pertama daripada segi kemudahan struktur untuk sukan futsal yang mana ini boleh membina kemahiran peribadi, kemahiran fizikal, kemahiran skil bermain bola sepak. Faham kah kita berapa banyak ada padang futsal yang tidak terpelihara yang ada di negeri Selangor. Di dalam kontak daerah Sabak Bernam sendiri, ada hanya 3 atau pun 4 yang dikawal selia oleh mereka itu pun setelah beberapa kali permasalahan ini dikemukakan menerusi media massa. Dua padang futsal di dewan Sri Bernam, satu di pekan Pasir Panjang akhirnya dikawal selia hanya kerana setelah beberapa kali tiang gol itu diikat dengan buluh. Bayangkan bagaimana tiang besi di kalangan kawasan kampung ini, tiang golnya diikat dengan buluh dan beberapa kali siri-siri pendedahan barulah peruntukan mahu turun. Saya nak sebutkan perkara ini sebagai isu-isu yang bersifat lokal tetapi memberi kesan yang sangat besar terhadap dasar dan polisi kerajaan itu sendiri. Akhirnya. Saya tahu renungan mata Timbalan Speaker, kerana ia kita bukan api dalam sekam, kita faham. Saya nak menutup, disebut perkara terakhir tentang iaitu pegawai pejabat hisbah. Namun kita jangan lupa terhadap enakmen Kebebasan Maklumat 2010 atau pun 2011. Ya dan sebelum melaksanakan yang baru, status yang lama mesti dibuat penambahbaikan. Izinkan saya menutup perbahasan ini dengan mengingatkan terhadap angkat sumpah Dato' Menteri Besar terhadap 10 perkara aku janji yang mana akhirnya kalau berniat menderhaka kepada Sultan,

tidak mematuhi aku janji yang dilafazkan, salah lah dan redhalah menerima hukuman Allah serta ditimpa beberapa daulah almarhum-almarhum Sultan-sultan negeri Selangor ini. Sungai Panjang. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih. Bukan daulah, daulat. Ok. Saya bagi Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Tuan Speaker. Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Saya nak mula dengan pantun Timbalan Speaker.

*Pulau Ketam Jauh Ke tengah  
Kampung Delek bersimpang tiga  
Selat Kelang julung bermadah  
Harap Kerajaan peduli teliti*

Selat Kelang mengucapkan syabas dan tahniah kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan barisan EXCO yang telah berjaya mengemukakan cadangan belanjawan 2015 yang bertema 'Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipedulikan'. Selat Kelang mewakili penduduk Pulau Ketam mengucapkan berbilang-bersang terima kasih dan keladi kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar serta rombongan siri Program Terjah ke Pulau Ketam yang lepas. Jadi saya mengingatkan Dato' Menteri Besar dan semua Pegawai kerajaan yang telah pun bersama-sama di dalam Program Terjah ke Pulau Ketam itu tentang aduan serta rintihan penduduk di Pulau Ketam. Pertamanya tentang Lot 7A, jeti awam yang diperlukan oleh penduduk Pulau ketam di mana untuk maklumat Dato' Menteri Besar dan semua ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini, jeti awam di Lot 7A ini digunakan oleh penduduk Pulau Ketam tetapi sudah sekian lama, mereka terpaksa menggunakan jeti swasta di tempat Asaniaga dan jeti ini tidak begitu *user friendly*, minta maaf tak berapa *friendly*, tak *user friendly* kerana bayangkan orang yang sakit apendiks, ibu mengandung, anak-anak yang sakit untuk turun naik di jeti yang tidak *user friendly* ini terlalu tinggi, terlalu curam, dan bayangkan apabila Selat Kelang menganjurkan program Jom *Shopping*, Skim Mesra Usia Emas, mereka yang sakit ini nak turun naik mengambil masa yang begitu lama dan juga memberikan satu impak yang tidak begitu baik kepada Kerajaan Negeri. Jadi, saya mewakili suara daripada penduduk Pulau Ketam di mana mereka memohon Kerajaan Negeri membina ataupun membaik pulih jeti yang sedia ada di Lot 7A di Pelabuhan Kelang.

Juga saya merujuk kepada info kampung bagi Kampung Pulau Ketam dan Kampung Sg. Lima yang disediakan oleh Pejabat Daerah Klang semasa program terjah Y.A.B. Dato' Menteri Besar di mana jumlah penduduk di kedua-dua kampung ini adalah hampir 8000 orang. Kemudahan yang disebutkan di sini macam-macam ada, tokong 12, itu Pulau Ketam, campur semuanya 15, dewan serba guna ada, sekolah rendah, sekolah menengah ada, balai polis ada, klinik desa ada, air paip 99%,

elektrik 100%, telefon pun ada. Apa yang saya nak bawa di sini ialah bersempena dengan, selari dengan tema belanjawan Kerajaan Negeri Selangor 2015, 'Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipedulikan' Pulau Ketam ini diduduki oleh penduduk-penduduknya lebih dari 100 tahun. Dengan ada segala kemudahan awam itu, yang diberikan oleh kerajaan, sama ada Kerajaan Negeri mahupun pusat, tetapi yang anehnya ada satu permintaan yang saya rasa adalah hak bagi penduduk di Pulau Ketam iaitu mereka menuntut seperti penduduk lain iaitu hak milik tanah di Pulau Ketam. Saya merujuk kepada Kanun Tanah Negara 1965 di mana mereka ini sebenarnya layak diberi geran tanah hak milik tidak melebihi 99 tahun, ada di dalam Kanun Tanah Negara. Jadi, saya berharap Kerajaan Negeri Selangor mengkaji, mempertimbang serta meluluskan hak penduduk Pulau Ketam yang sekian lama duduk di sana sebagai warga Malaysia yang sah dan saya mengharapkan *Insyallah* Kerajaan Negeri akan memberikan pertimbangan dan kelulusan yang sewajarnya. Di dalam info ini juga, lebih 107 orang, orang Melayu Islam tinggal di Pulau Ketam dan Sg. Lima ini. Mereka terdiri daripada mereka yang telah bersara, mereka yang sedang bertugas atau berkhidmat di Polis Diraja Malaysia yang juga berkhidmat di klinik desa, juga sebagai guru, TNB, Syabas dan sebagainya juga ada Pejabat Perikanan di sana tetapi mereka tidak mendapat kemudahan solat Jumaat. Mereka ini 107 penduduk di situ. Jadi saya mengharapkan Kerajaan Negeri Selangor menyediakan kemudahan untuk golongan minoriti ini selain daripada tanah yang saya minta Kerajaan Negeri memberi hak milik tadi.

Selat Kelang mengalu-alukan strategi (1) di dalam Belanjawan 2015 iaitu membesarkan lapisan kelas menengah Program Hijrah. Namun Selat Kelang memohon kerajaan Selangor mengurangkan birokrasi SkimSel dan Mimbar supaya orang yang susah, orang yang miskin, benar-benar boleh dibantu dengan pantas, secara tuntas dan holistik. Dan dipantau dalam kerangka mentaliti sukses di kalangan pemutus dasar, jentera pelaksana atau *delivery system* dan peserta Program Hijrah. Mereka sudahlah susah, apakah mereka diprogramkan supaya mereka mempunyai akses kepada informasi yang tepat, *link* ataupun hubungan dengan jabatan dan agensi kerajaan. Adakah mereka mempunyai, dengan izin, *support group* yang benar-benar mampu membimbing mereka supaya mereka ini boleh berjaya kerana jumlah yang telah diperuntukkan sebegitu banyak Adakah Kerajaan Negeri mempunyai *critical pathway to success*, dengan izin, bagi merealisasikan pembangunan berkualiti yang dikehendaki? Selat Kelang mengesyorkan kolaborasi bersinergi di antara pelbagai jabatan dan agensi kerajaan serta semua, dengan izin, *Stakeholders* yang berkenaan. Bagi wanita, Selat Kelang kurang puas hati dengan peruntukan yang hanya RM1 juta untuk pembangunan wanita. Adakah wajar kerajaan Selangor untuk melaburkan secukupnya untuk kaum hawa kerana wanita merupakan 50% daripada pengundi dan juga penduduk Selangor? Saya kurang jelas apakah visi dan misi kerajaan untuk mengupayakan kaum wanita di Selangor ini. Adakah Kerajaan Negeri Selangor hanya mahu mensasar kepada golongan tertentu sahaja atau mahu memberdayakan wanita secara tuntas? Adakah Kerajaan Negeri hanya mahu memfokus kepada keperluan,

minat dan kecenderungan? Sebahagian wanita sahaja seperti memasak dan menjahit. Saya rasa ini Damansara Utama pernah mengutarakan dulu.

Apa jadi kepada majoriti wanita? Siapakah yang akan menyelami isu dan masalah mereka. Realiti di Selangor, ibu muda yang berkerjaya mempunyai masalah yang siapa mahu menyelesaikannya? Kementerian Wanita? Ataupun adakah kerajaan Selangor mahu ke depan memikirkan semua ini? Maka saya mengesyorkan Kerajaan Negeri membuat kajian untuk mengetahui dan memahami isu-isu wanita di Selangor. Kalau kita tidak benar-benar faham, bagaimana mungkin kerajaan akan merangka polisi penting yang tepat. Senario Selangor mempunyai pelbagai latar belakang, bahkan dengan *stray source*, dengan izin, atau punca tekanan hidup yang banyak, sudah tentu keperluan wanita Selangor juga sangat berbeza atau dengan izin, *diversify*. Selat Kelang mencadangkan kerajaan melibatkan semua Adun dan pemimpin wanita untuk berbincang bersama. Dan saya mengusulkan agar kerajaan memberi peruntukan khusus untuk pembangunan wanita dan keluarga. Seperti yang disebutkan oleh EXCO Wanita tetapi kita tidak dapat lagi peruntukan yang mengupayakan pusat wanita berdaya itu sendiri dan saya mencadangkan seorang penyelia wanita berdaya di setiap DUN yang diberi elaun yang berpatutan untuk menyelaraskan, merancang dan juga mengaktifkan segala aktiviti wanita dan ditempatkan di pejabat ADUN. Saya mengesyorkan sekurang-kurangnya RM50,000.00 setahun untuk tujuan ini. Jangka panjang, ini boleh membantu membangun keluarga bahagia dan mengurangkan masalah perceraian dan keretakan rumah tangga yang telah dikenal pasti menjadi punca utama gejala sosial dan segala masalah yang melibatkan pelajar. Selat Kelang juga amat bersetuju dengan strategi menjana industri berbudaya ilmu dan intelektual. Saya mengingatkan pihak kerajaan bahawa selain daripada gerakan membaca perdana, gerakan menulis perdana, juga telah dimulakan sejak hari ilmu dimasyhurkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor pada 26 Jun 2010. Selat Kelang berharap Kerajaan Negeri tidak mengesampingkan usaha awal membudayakan ilmu dan dikembangkan secara serius pada semua kawasan DUN dan diberikan peruntukan khusus untuk setiap kawasan DUN menjalankan aktiviti ke arah membudayakan ilmu di semua kawasan DUN. Baru lah Selangor layak menjadi negeri hub ilmu.

Selat Kelang minta Kerajaan Negeri mengkaji secara objektif keperluan setiap kampung sama ada kampung tradisi mahupun kampung baru berserta pangsapuri yang banyak di negeri Selangor ini. Keperluan sebenar setiap kampung atau kelompok rakyat mesti diketahui oleh kerajaan dan berusaha mencari sumber dana yang mencukupi untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam untuk kesejahteraan penduduk. Selat Kelang berharap Kerajaan Negeri mendapatkan gambaran sebenar keperluan di lapangan dan memastikan penglibatan ADUN dan sistem, *delivery* kerajaan, dengan izin, efisien dan efektif. Maka saya menekankan di sini, *keyword total holistic solution* kepada Kerajaan Negeri Selangor, bukan *piecemeal solution*. Saya juga memohon Kerajaan Negeri Selangor senarai



semakkan dan status serta kualiti semua dewan, semua padang, masjid surau, kemudahan sukan, kemudahan belia, kemudahan untuk wanita.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, isu denggi telah menelan masa, wang ringgit, tenaga manusia, kerajaan tempatan, Kerajaan Negeri dan juga kerajaan Pusat. Persoalannya, kenapakah kos perbelanjaan hanya untuk masalah yang disebabkan oleh nyamuk? Semua biasa mendengar, tiada aedes, tiada denggi. Persoalannya, adakah semua pihak yang boleh mengubah keadaan dilibatkan selain daripada semua program yang telah diadakan? Berapa penghuni rumah bersama dalam kempen mencegah aedes? Berapa suri rumah, suri rumah yang terlibat? Berapakah orang pelajar kita mahu membudayakan sikap ambil peduli, prihatin, peka tentang masalah-masalah yang boleh berpunca dan boleh dicegah sebenarnya? Semua orang tahu mencegah adalah lebih baik daripada merawat. Difahamkan ada Adun juga, yang beberapa Adun termasuk Kota Anggerik pernah kena denggi. Adakah Kerajaan Negeri tahu berapakah orang pelajar, berapa kampung, berapa pangsupuri yang terlibat di dalam kempen cegah aedes ini? Jadi, saya mencadangkan Kerajaan Negeri juga memperuntukkan khas cegah aedes tuntas sebanyak RM1,000.00 sebulan setiap DUN dan saya untuk makluman Timbalan Speaker dan Dato' Menteri Besar ada 4 modal insan di dalam, di antara Ahli Dewan Negeri Pakatan Rakyat ini adalah doktor perubatan, jadi, kami juga mengharapkan kesihatan negeri Selangor ini, dijaga, diberi peruntukan yang mencukupi supaya kita bukan sahaja melihat, sedih dengan masalah atau tahap kesihatan rakyat di negeri Selangor ini. Ijok sudah tentu bersetuju di mana kita melihat kencing manis, darah tinggi, strok dan sebagainya, ini adalah kena mengena dengan gaya hidup ataupun sikap penduduk. Jadi saya mengharapkan Kerajaan Negeri Selangor jangan membangunkan masalah kesihatan mengatakan itu adalah *federal issue*, dengan izin. Jadi, kerajaan Selangor mesti proaktif melihat bagaimana di dalam kuasa pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor itu boleh membantu menjaga, memastikan tahap kesihatan rakyat negeri Selangor ini di paras yang terbaik.

Tuan Timbalan Speaker, saya mengucapkan terima kasih atas peruntukan Jambatan Ketiga Klang diteruskan. Namun Selat Klang mewakili semua penduduk, peniaga dan semua empunya harta di sekitar fasa dua projek Jambatan Ketiga Klang menyeru agar Kerajaan Negeri khususnya JKR memastikan setiap inci tanah atau premis yang bakal diambil atau dengan izin *acquired* untuk tujuan menjayakan projek tersebut adalah benar-benar perlu dan dijustifikasikan. Selat Klang memohon agar proses pengambilan balik tanah dilakukan dengan pendekatan *win win* dengan izin. Justeru perbincangan dan dengan izin *engagement* atau hubung jalin dengan pihak yang terlibat dan diberi pampasan yang munasabah dan meminimalkan kesan psikologi kehilangan harta benda yang terlibat terutama kalinya apabila ianya melibatkan rumah yang keluar dari titik peluh penghuni rumah itu tersebut. Selat Klang juga memohon Kerajaan Negeri Selangor meneliti dan mengkaji semula dasar di mana pasar malam dipulangkan pengurusannya kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung kerana itu adalah di antara sumber-sumber

yang ada pada JKKK yang mudah-mudahan *Insya-Allah* akan membantu mereka. Akhir sekali, Tuan Timbalan Speaker saya memohon Kerajaan Negeri Selangor meneliti, mengkaji satu aset yang besar yang tiada nilai, tidak boleh dinilai sebenarnya, iaitu Pulau Ketam ini sebenarnya adalah satu aset yang mempunyai potensi sejarah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Keaslian Kampung Nelayan yang kaya dengan budaya.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Selat Klang, Kota Anggerik minta laluan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya nak tanya pada Selat Kelang, dia ADUN Pulau Ketam ke ADUN Selat Kelang?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Ini cerita semua pasal Pulau Ketam tetapi ini saya minta kepada Kerajaan Negeri Selangor agar menjadikan Pulau Ketam ini sebagai *edu-tourism centre* dengan menggunakan segala potensi yang saya sebutkan tadi, kerana kita lihat ini di antara yang telah berjaya dilakukan di Pulau Ketam walaupun tidak ada T.O.L. beberapa tahun tetapi mereka berjaya menganjurkan 2014 Pulau Ketam *International Art Festival* dan menurut informasi daripada JKKK Pulau Ketam, pelancong yang pergi ke Pulau Ketam yang dikatakan tidaklah berapa tidaklah seperti dan sebagainya tetapi mempunyai 4,000 hingga 8,000 pelancong yang datang hujung minggu ke Pulau Ketam jadi saya mengharapkan Kerajaan Negeri tidak terus mengelak dan mengetepikan aset yang tiada ternilai ini supaya boleh membantu membangunkan secara menyeluruh Pulau Ketam sebagai *edu-tourism centre* dan saya mengharap kelulusan Pejabat Daerah Klang untuk baik pulih dewan yang hanya RM30,000.00 itu tidak mencukupi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kalau boleh sempena dengan kita mahu jadikan kota seni membudayakan ilmu, saya mengharapkan dewan ini juga dilengkapi dengan perpustakaan kerana itu boleh menjadikan ianya satu *tourism centre* satu pusat informasi. Akhir sekali saya menyeru kepada Kerajaan Negeri Selangor juga membantu daripada segi infrastruktur di mana Selat Klang ini Pulau Ketam adalah satu pulau yang berasingan tetapi di dalam Selat Klang ini ianya begitu kecil, padat jadi ia memerlukan infrastruktur yang baik dan orang Selat Klang ini juga ramai bekerja di pelabuhan-pelabuhan. Jadi saya mengharapkan tumpuan infrastruktur juga diberi kepada seluruh Kampung Delek, Sungai Udang selain daripada Jambatan Ketiga Klang yang ada ini. Jadi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas bajet yang sedia ada ini dan saya mengharapkan ianya boleh diimplementasikan dengan yang paling baik. Saya menyokong bajet ini.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK:** Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK:** Terima kasih, *friendly*. Terima kasih. *Bismillahir rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih Timbalan Speaker, yang saya hormati Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa. Saya sekali lagi mengulang apa yang Ketua Pembangkang sebut juga mengambil kesempatan bagi pihak Permatang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pemilihan Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa sebagai Menteri Besar dan tahniah juga kepada Tuan Timbalan Speaker melalui pemilihan walaupun kami tidak mengambil pendirian, bukan tak ada pendirian kami nak tengok, ini masalah Pakatan Rakyat, rakan-rakan dan Ahli-ahli Yang Berhormat, para pemerhati, pegawai-pegawai kerajaan dan Tuan-tuan yang saya hormati sekalian. Pertama saya hendak ucap terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker, memberikan ruang kepada pihak Permatang untuk sama-sama membahaskan Usul Belanjawan Selangor Pembangunan Berkualiti Rakyat di Peduli. Saya percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar memerah keringat untuk mencipta atau mewujudkan belanjawan ini dan saya mengambil peluang ini untuk menyentuh beberapa perkara. Yang pertama sebelum saya menyentuh mengenai bajet, saya nak respon satu dua perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan daripada pihak penyokong kerajaan. Yang pertama, Kinrara semalam saya menyebut tentang Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Kinrara saya nak bagi tahu dalam dunia ini, negara yang paling tinggi toleransinya ialah Barisan Nasional yang memerintah negara kita. Yang Berhormat boleh tengok..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nanti dulu, baru *intro*, duduk dulu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** *Intro* pun ada soalan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak benarkan, bagi saya *intro* dahulu. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina kat Malaysia ni ada selain dari Negara Cina. Singapura yang selalu dirujuk oleh DAP tu tak ada sekolah cina, di Indonesia tak ada, di Filipina pun tak ada, di Malaysia dan baru-baru ini Perdana Menteri pun dah bagi jaminan akan diteruskan, tak payah ungitlah. Ini toleransi Barisan Nasional termasuk Sekolah Tamil pun kita beri, tidak ada toleransi dalam dunia selain dari negara kita Malaysia kerana kita menghormati semangat, roh bersama-sama membangunkan negara. Jadi saya rasa, Kinrara kena tengok balikkah sebelum hendak hujah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku minta laluan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak bagi dulu sebab masa ini singkat sangat. Kampung Tunku saya tak bagi.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tak sampai..

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kampung Tunku saya tak bagi, tak ada apa yang hendak dijelaskan, dah *clear* dah. Saya ucap tahniah kepada Sekinchan. Kampung Tunku duduk dulu, bagi saya cakap. Sekinchan dengar je. Saya *friendly* tak ada masalah. Saya ucap tahniah Sekinchan berkobar-kobar, bagus, akan mempertahankan integriti, akan perjuangkan kalau ada berlaku ketirisan, akan berbagai-bagailah dan semalam pun tegur kepimpinan yang lama kerana belanja RM2.6 juta, tahniah. Tapi tidak konsisten, itu tidak konsisten termasuk rakan-rakan daripada Pakatan Rakyat, daripada PKR tidak konsisten. Sebab saya boleh sebut dalam contoh ini, sewaktu sidang yang lepas saya bentang, saya bahas hampir satu jam sampai Paya Jaras pun bising kat saya sampai pukul 7.00 tak habis lagi sidang. Isu mengenai penjualan tanah di Canal City Eco World. Isu mengenai bagaimana Kerajaan dapat perjanjian berat sebelah di antara Tropicana penjualan 1,172 ekar tanah. Saya bahas, saya berdebat dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada waktu itu sampai satu jam lebih, tak ada seorang pun saya tengok dari Pakatan Rakyat, bangun sokong saya kebenaran fakta ini. Tak ada seorang pun. Saya tengok semua diam, hari ini saya berhujah berdua dengan Menteri Besar sampai Paya Jaras kata faham ke tak faham sebab kita dedahkan semua perkara ini. Tapi waktu itu semuanya saya tak sebutlah Tuan Speaker perkataan hipokrit itu, tak seronoklah, dalam dewan saya nak sebut perkataan-perkataan yang baik saja. Tidak konsisten tetapi oleh kerana kepentingan politik pada waktu itu tak ada siapa nak sokong saya. Saya faham, saya percaya dalam maklumat ini ada dalam pemikiran dan pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun Ahli-ahli Pakatan Rakyat sebab selepas nak jatuhkan Menteri Besar Pelabuhan Klang, keluar laporan ini yang dibuat oleh Setiausaha Agung Saifuddin Nasution. Antara dakwaannya hendak jatuhkan Menteri Besar ialah kerana penjualan tanah. Mana konsistensinya, saya terangkan. Baru nak keluarkan apa yang saya hujahkan di dalam dewan itu juga yang di hujahkan oleh Setiausaha Agung PKR akhirnya Pelabuhan Klang jatuh, dia pun jatuh tak jadi Setiausaha Agung lagi. Orang kata padan mukalah. Yang Berhormat, konsistenlah. Kalau kata ada soal tak benar ok saya bercakap dalam dewan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Yang Berhormat Permatang

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang, Sekinchan minta laluan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya bagi sekejap lagi. Saya tahu perjanjian ini berat sebelah.

**Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI:** Minta laluan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik minta laluan

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bagi saya hujah sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Nanti dulu Kota Anggerik bagi dia habiskan dulu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya hujah betul faktanya. Apa yang saya sebut dalam dewan boleh semak di *handsard*, apa yang di dikeluarkan sama, tak ada banyak beza mungkin satu dua perkara sedikit pandangan saya, pandangan dia berbeza tetapi di mana konsistensi, di mana perjuangan nak akan ketelusan bila sebut tak sebut tapi bila ada kepentingan politik, sekarang bila hendak jatuhkan Menteri Besar yang lama ini di antara dakwaan, dihantar kepada saya tengok pekeliling semua sampai ke parti-parti pun ada, tak konsisten. Yang kedua Sekinchan, saya sebut lagi Sekinchan ini, nak kata BN gigit jari fasal krisis menteri tak ada sebab tak ada kena mengena Barisan Nasional. Langkah Kajang Yang Berhormat Ahli-ahli Pakatan Rakyat yang buat bukan kami yang terlibat pun. Ini dah 3 hari merajuk tidak datang-datang ini DUN Kajang ni, lama merajuknya. Ini ibaratnya ialah kami tak terkilan pun Sekinchan, soal tak jadi pilihan raya kecil itu bukan urusan kami. Bukan kami yang mencipta fasal sebab tak ada kena mengena, kenapa nak tuduh? Ibarat saya nak tunjukkan sebagai contoh, Yang Berhormat bergaduh sesama sendiri, telanjang sama-sama sendiri, bergaduh, bercakar sama sendiri akhirnya yang ini pun telanjang, yang ini pun telanjang, tiga-tiga telanjang macam pesta telanjang di Pulau Pinang, lepas itu Yang Berhormat ramai-ramai dah semua telanjang, Barisan Nasional kami tengoklah orang telanjang. Buat laporan polis..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker..

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nanti dulu, buat laporan polis kata tuduh Barisan Nasional mengintai orang telanjang

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Peraturan Tetap, menggunakan bahasa yang biadab. Kata ini Tuan Speaker telanjang, yang ini telanjang. Telanjang tu biadab speaker.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya sebut pesta telanjang di Pulau Pinang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang duduk, Sungai Pinang jelaskan dulu apa cakupannya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** 36(6).. 36(4) jelas jangan guna bahasa yang biadab. Duduk dulu Peraturan Tetap, duduk..

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Speaker.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Yang Berhormat duduk

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Speaker buat keputusan

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Peraturan nombor berapa? sebut-sebut berapa.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** 36(4) duduk..duduk Peraturan Tetap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang duduk dulu, Permatang dulu dulu Permatang..

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tak dia..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sungai Pinang baca Peraturan Tetap.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Dah baca, duduk.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pinang bacakan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Baik-baik ini kena belajar lagi ni. Peraturan Tetap

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kenapa hendak masa ni?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang duduk sekejap, saya akan bagi masa Permatang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Dua penggal lagi tak faham. 36(4) adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadab. Dua kali, yang pertama dia kata telanjang, telanjang, telanjang, ini bahasa biadab. Keduanya tadi Permatang menyebut Kajang ini mengecut dah 3 hari, itu biadab. Bukan biadab sahaja, itu adalah sangka jahat kerana Kajang berada di luar negara belum sampai. Jadi bahasa itu biadab dan ini sangka jahat dan saya minta Tuan Timbalan Speaker, duduk dulu..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang duduk dulu, sekejap.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Speaker bagi bukan arahan dari EXCO .. Speaker. Speaker bagi arahan dulu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Duduk dulu, tak faham ke? Fahamkan dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang duduk dulu, duduk dulu, *okay*, Permatang duduk dulu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak boleh terimalah Speaker ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya tahu, sebab itu saya belum habis lagi. Belum cakap, duduk dulu. Permatang duduk. *Okay* saya dah habiskan sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tenang-tenang.

**Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik duduk. *Okay* kita bahas secara matang, jangan gunakan perkataan yang sama, telanjang jangan guna dan teruskan bahas.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya bukan kata, saya rasa tidak ada apa yang saya sebut.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Sungai Pinang tak payah ganggulah, bagilah dia peluang. Kita dah faham dah, jangan ganggu lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kita masa terhad.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Peraturan Tetap lagi, saya nak minta petua.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Peraturan Tetap berapa?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tadi saya bangkitkan dua isu Peraturan Tetap, satunya penggunaan perkataan yang biadab, yang keduanya sangka jahat terhadap Yang Berhormat Kajang. Saya minta perintah daripada Timbalan Speaker tentang perkataan yang digunakan, Kacang mengecut 3 hari.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** *Okay*, nanti duduk..duduk. saya tidak akan keluarkan perintah sekarang, saya minta Permatang bangkit teruskan perbahasan

tetapi amaran saya jangan mengulangi-mengulangi satu tohmahan kepada Kajang, jangan mengulangi perkataan telanjang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Boleh? Kalau boleh Permatang teruskan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak nampak tiga hari itu sahaja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** *Okay* teruskan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tak apa, saya tak cagak takut pun.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** *Okay* Permatang teruskan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Jantan apa? Sangkaan jahat tarik balik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang ini nak terus ke tak nak teruskan. Teruskan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak minta tarik balik perkataan itu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teruskan, teruskan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Eh..ni anak jantan lah. Y.B. Tuan Speaker, saya nak sebut juga mengenai Sekinchan. Dalam dewan ni yang mulakan bawa perkataan buruk Sekinchan. Penggal yang lepas, Y.B. sebut 'sapu tanah satu Malaysia'. Kita panggil SATIM. Siapa yang mulakan? Bila Ketua Pembangkang sebut ketum, Y.B. marah. Yang memulakan Y.B. dulu. Haa..dah tak payah...cukup. Itu kenyataan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya nak tanya..waktu itu...

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya dah tak nak bagi dah. Cukup...saya nak teruskan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Apa salah? Apa salah? Tolong tunjukkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan...minta laluan. Permatang..bagi tak lagi?



**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak teruskan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Okay. Sekinchan duduk. Tak bagi laluan. Sekinchan duduk. Jangan tuduh sembarangan..duduk..duduk...duduk.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Speaker, terima kasih. Saya nak sebut satu dua perkara. Saya senyum ni. Saya nak menyebut mengenai jawatankuasa. Yang ni saya nak beri pandangan saya secara peribadi. Selepas tahun 2008 kita alu-alukan penubuhan beberapa jawatankuasa dalam dewan, termasuk saya sendiri dua penggal menjadi jawatankuasa SELCAT. Kita tubuhkan banyak Jawatankuasa ABAS, Jawatankuasa PAC, Jawatankuasa termasuk SELCAT yang saya anggotai. Tiap-tiap penggal kita bagi laporan cukup tebal. Bagi laporan tiap-tiap jawatankuasa. Saya kesianlah Jawatankuasa Hulu Kelang ni..cukup rajin buat laporan dan saya hargai..terima kasih. Berapa banyak masa kita guna, berapa banyak kewangan yang kita belanja, tenaga dan sebagainya tapi saya nak bertanya kepada pihak kerajaan. Saya tak nak mengkritik tapi saya nak persoalkan. Sejauh mana laporan-laporan ini diambil tindakan? Saya nak bagi contoh laporan SELCAT. Kita bersidang daripada tahun 2008...Yayasan Selangor, tu yang sahabat saya Kuang sebut mengaku, kesilapan, pengurusan, kelemahan, kita tegur kita bagi pandangan. Y.B.-Y.B. semua tengok yang Kuang sebut tadi. Saya bukan nak ulang..itu perkara yang dah disebut. Bukan isu lama. Isu tu masih berjalan. Di tengah-tengah bandar, tengah-tengah pekan Kuala Lumpur yang sepatutnya mendapat pendapatan yang begitu besar, bangunan Bukit Bintang terbiar sampai hari ni dah empat tahun. RM19-RM20 juta sepatutnya dikutip hasil daripada sewaan. Asrama yang dua itu hari ini sepatutnya dapat didik pelajar dah empat tahun kosong tak ada pembangunan apa-apa. Apa berlaku juga dengan bangunan Yayasan Selangor di Petaling Jaya semakin lama semakin kurang penyewa. Kita tegur. Tetapi oleh kerana laporan ini tidak mendapat respon, saya nak minta kalau boleh Y.A.B. Menteri Besar yang baru tengok semua laporan-laporan ini. Bagi respon. Kerajaan kena ambil kalau tidak..tak ada maknanya kita bersidang kita buat jawatankuasa

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Y.B. Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku dan Kirana minta laluan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bagi habis dulu. Sikit lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang nak bagi ke tak bagi?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak bagi..tak bagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Haa...tak bagi.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Laporan yang bagus ini tolong ambil dan beri respons. Saya nak minta kalau boleh setiap kali dewan kerajaan kena bagi respons apa juga tindakan-tindakan yang diambil. Kalau patut pecat pegawai yang tak bertanggungjawab yang mengaku...ambil tindakan. Kalau patut turun pangkat...ambil turun pangkat dengan syarat dia dah buat pengakuan dan laporan ini disediakan oleh dewan dan kita minta...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya nak sokong ni.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak benarkan...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya nak sokong ni. Tak bagi laluan?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku minta bagi...tak bagi?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya teruskan je lah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak bagi.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Jadi saya minta kalau boleh laporan ini diteliti dan diberi laporan kepada dewan..beri penjelasan sebab ini kita kena menghormati dewan yang wujudkan jawatankuasa kita bersidang kita buat tapi akhirnya laporan tak dapat.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Saya ada soalan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kinrara minta.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak teruskan jelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bagi tak bagi?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak bagi...tak bagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak bagi Kinrara. Duduk.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya juga nak sebut...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** *No friend.*

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok. Saya bagi...saya bagi Kampung Tunku...pasal dia kata *no friend* tadi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Haa..Kampung Tunku sila.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya menyatakan dengan jelas sebenarnya untuk kenyataan ataupun cadangan yang dikemukakan oleh Permatang...Kampung Tunku sokong..iaitu kerajaan perlu ada maklum balas. Soalan saya ialah kepada Y.B. Permatang ialah walaupun kita mengadakan banyak kali mesyuarat dan sebagainya tetapi apa yang paling penting ialah kehadiran anggota-anggota pembangkang iaitu Barisan Nasional itu sendiri juga menjadi satu isu. Contoh dia saya nak bangkitkan..saya ingin bertanya kepada Y.B. Kuang, Permatang, sekiranya Kuang tadi menyebut tentang isu-isu curi pasir tapi beliau sendiri sebenarnya adalah anggota Jawatankuasa PADAT yang memantau perjalanan Pejabat Tanah dan Galian dan juga Pejabat Tanah dan Daerah di setiap daerah tapi kehadiran beliau sekali sahaja. Bagaimanakah penjelasannya?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** *Okay.* Saya ingat itu saya tak payah jelaslah. Itu kerajaan yang kena jelaslah. Bukan saya. Saya Ahli Jawatankuasa juga. Biar kerajaan bagi laporan. Saya ingat itu biar ada laporan lah. Saya nak terus mengenai satu perkara lagi yang hari ini menjadi perbahasan dan juga disebut oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam laporan belanjawan mengenai rumah mampu milik. Saya tengok ramai ahli-ahli Wakil Rakyat, pembangkang kerajaan bersetuju. Ini masalah kita bersama. Masalah rakyat Negeri Selangor yang mana saya hari ini banyak cadangan yang saya tengok ada yang boleh diterima dan saya juga nak ambil perbahasan mengenai rumah mampu milik. Y.A.B. Menteri Besar, kita sedia maklum kesukaran hari ini. Saya tengok..saya terima kasih kepada EXCO Perumahan selepas EXCO...apa ni...yang menjaga perumahan bagi saya jawapan bertulis selepas saya minta dalam sidang yang lepas. Terima kasih diberi. Saya tengok memang ada peranan PKNS dan juga peranan swasta. Saya lihat dalam konteks untuk menyediakan rumah mampu milik ini kita kena merentasi sempadan politik. Kita kena tolak perbezaan politik. Mungkin antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ada...tidak sama dari segi ideologi dan juga kefahaman. Tetapi saya nak menyeru dalam dewan ini kerana yang penting adalah rakyat Negeri Selangor perlu mendapat manfaat daripada rumah yang hari ini begitu sukar sekali untuk diperolehi kerana kadar rumah dan sebagainya. Dan siapa yang saya nak seru hari ni..saya nak minta supaya kerajaan memikirkan balik bagaimana nak mengembalikan semula peranan PKNS sebagai pemaju rumah yang mampu menjadikan rumah mampu milik di Negeri Selangor. Sahabat saya daripada Sungai Panjang tadi sebut beberapa perkara yang menyebabkan kenaikan harga rumah, caj-caj pembangunan, premium tanah yang tinggi dan sebagainya yang memberikan kesan kepada ini. Dan saya nak minta supaya PKNS memainkan peranan yang besar bukan saja bergantung kepada perumahan Selangorku yang disyaratkan kepada pemaju-pemaju swasta. Kita nak PKNS muncul, tampil sebagai pemaju utama kepada pembangunan rumah-rumah mampu milik. Sebagaimana Kerajaan Persekutuan menyediakan rumah-rumah PRIMA, SPNB, agensi khusus. Sebab itu kita nak supaya untuk menyelesaikan masalah perumahan di Negeri Selangor ini..saya nak menyeru supaya usahasama, suasana menang-menang di Selangor

supaya hari ini saya pun tanya dengan PRIMA berapa banyak yang PRIMA dah buat di Negeri Selangor? Ada beberapa halangan. Sebab itu kita nak supaya saya nak menyeru dalam dewan ini Tuan Speaker, kalau boleh beri ruang bersama. Kita bina rumah mampu milik untuk rakyat Negeri Selangor. Ini kepentingan bersama. Sebagaimana kita selesaikan isu air atas kepentingan bersama bukan kepentingan mana-mana pihak pun sebab yang untung rakyat dalam Negeri Selangor. Kalau Kerajaan Negeri ada halangan-halangan daripada segi peruntukan, Kerajaan Persekutuan ada bajet yang besar. Ini perlu difikirkan bersama. Juga saya nak minta supaya PKNS diberikan kemudahan ruang-ruang tanah diberikan kadar nominal terhadap dengan izin..dengan apa ni..premium, diberi tidak perlu diberikan caj-caj pembangunan sebagainya. Berikan mereka keistimewaan supaya mereka boleh bina rumah yang baik. Hari ini jalan-jalan Negeri Selangor saya terima kasih kepada rakan-rakan dari Bukit Gasing sebut banyak hari ini jajaran-jajaran baru dibina di kawasan-kawasan seperti di LATAR, WCE yang akan dibina. Ini semua kawasan-kawasan pembangunan kalau kita bina rumah mampu milik di kawasan koridor baru ini saya percaya kalau kemudahan dekat ada apa ni.. *transport* yang apa ni..kemudahan pengangkutan yang baik sekalipun jauh sedikit mereka mampu. Dan juga kita nak minta supaya kerajaan menyediakan Kerajaan Negeri menyediakan bukan sekadar bina rumah tetapi bagaimana sistem pembiayaan. Bagaimana nak bantu supaya pembeli-pembeli rumah..kita kata rumah mampu milik RM40,000.00..pada kita mungkin pada Sekinchan RM40,000.00 mungkin murah..pada kita. Tapi bagaimana ada setengah-setengah keluarga RM40,000.00 pun mereka tak layak nak pinjam. Pergi kat bank pun tak dapat. Bagaimana skim pembiayaan yang boleh dibantu oleh pihak Kerajaan nak bantu rakyat ini sebagaimana kita harapkan. Bukan saja nak bina tapi nak kena bantu juga mereka bagaimana skim pemilikan supaya pembiayaan juga mereka dapat. Sebab itu saya nak menjurus sekali lagi dalam isu rumah ini..beri peluang kepada PRIMA, SPNB dan agensi-agensi pusat untuk sama-sama membangun dan membantu rakyat Negeri Selangor supaya pembangunan dapat dibantu. Sebab selama ini pun yang bangunkan Negeri Selangor ini bukan Kerajaan Negeri berseorangan. Kerajaan Persekutuan lah hari ini yang banyak merangsang ekonomi di Negeri Selangor. Pembangunan MRT kita tengok apa kesannya jangka panjang cukup besar..akan kemudahan pengangkutan dan sebagainya. Kerajaan Negeri mungkin tak ada buat apa-apa pun. Y.B. Speaker, EXCO, dulu jadi EXCO pun rancak rancang macam-macam. Hari ni tak buat apa-apa pun. Duduklah..nanti jawab masa ni. Duduk..duduk..tak payahlah nanti gulunglah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk..duduk..dia nak habiskan.

Tuan Speaker, saya bukan nak tanya soalan dulu. Saya..sebab saya bangun ni saya nak tanya soalan sebab kalau tak ada jawapan yang jelas saya tak dapat memberi jawapan yang baik untuk dia.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kerajaan akan ada masa untuk menjawab nanti. Sekarang ni...

Tuan Speaker, memang ada masa untuk jawab tapi kalau hujah dia tak faham..saya tak dapat jawab dengan baik. Sebab itu saya nak dapat hujah dia

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Eh..ni nak berhujah ke? supaya nanti saya jawab dengan baik. Sebab ada kekeliruan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** *Okay.* Permatang bagi tak pertanyaan ni?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak bagi.

*Okay.* Jadi nanti tak ada jawapan yang baik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** *Okay.* Duduk..duduk. Permatang minta habiskan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak sentuh juga mengenai isu kawasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Minta habiskan. Masa dah..

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ini saya dapat jawapan daripada EXCO. Ini EXCO kena terimalah. Mengenai Taman Sungai Yu Indah. Ini kawasan rumah mampu milik. Taman Sungai Yu Indah ini 300 lebih unit. Saya ingat dah tak kurang sembilan kali saya tanya dalam dewan sama ada mulut ataupun bertulis. Yang terakhir saya terima jawapan EXCO..minta maaf saya boleh buktikan jawapan terakhir ya..bahawa rumah ini akan disiapkan pada tahun 2014. Ini dah masuk bulan Disember dah Y.B. Tapi saya tengok di tapak tidak ada apa-apa pun kemajuan. Jadi kalau boleh ini rumah mampu milik rakyat dalam kawasan DUN Permatang yang mereka dah kena potong gaji potong bayaran dah hampir tujuh lapan tahun tapi rumah ini nampaknya masih lagi dalam keadaan yang sama beberapa tahun yang lalu. Ini rumah mampu milik yang akan membantu rakyat dalam kawasan saya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Pembangkang minta habiskan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang terakhir. Saya juga nak minta kepada kerajaan supaya mempertimbangkan kerana dalam kerajaan yang lepas saya ada memohon mengenai kerjasama ataupun ihsan..saya boleh sebut perkataan ihsan mengenai tanah di Agrotek Bestari Jaya. Saya dimaklumkan dalam sidang yang lebih Menteri Besar yang lama beri jaminan bahawa kawasan ini diberi tempoh setahun lagi dan tempoh itu akan hampir tamat. Dan saya nak menyerulah

kerana kawasan ini saya dimaklumkan digazet dalam termasuk dalam kawasan pembinaan HORAS 3,000. Jadi saya nak menyeru kerana di sini ramai hampir berpuluh-puluh orang petani-petani, nelayan yang menjadikan kawasan ini sebagai sumber makanan pembekalan utama makanan, sayur-sayuran, ternakan dan sebagainya kepada Kerajaan Negeri Selangor. Kementerian Pertanian dah belanja hampir RM10 juta untuk infrastruktur di sana. Jadi saya nak minta supaya keprihatinan Y.A.B. Menteri Besar tolonglah panjangkan lagi tempoh ini atau diberikan rundingan bersama bagaimana nak selesaikan masalah ini sebab sebahagian besar petani-petani dan nelayan ini buat pinjaman bank. Dengan bank-bank komersial..kalau mereka diberhentikan, diminta keluar bagaimana mereka nak membayar bank dan menguruskan perniagaan mereka. Jadi saya nak mohon kepada pihak kerajaan supaya berikan pertimbangan dan apa ni..memberikan penjelasan mengenai perkara ini supaya petani-petani ni pesan kat saya kalau boleh dibawa lagi dalam dewan ini. Dan yang terakhirnya, saya nak minta kalau boleh kerajaan berikanlah pandangan-pandangan mengenai tanah-tanah TOL. Kerana selama ini dalam dasar yang lama kita tengok TOL tidak diberikan kebenaran untuk diperbaharui. Hari ini ramai kawan-kawan kita termasuk penduduk-penduduk yang tak ada diberikan pemilik-pemilikan mereka tinggal, bina rumah, ada juga yang bina kediaman..bagaimana keadaan ini kita nak selesaikan atas tanah-tanah TOL ini termasuk di kawasan Kampung Baru Pasir Penambang di kawasan saya hampir ada 45 keluarga yang dulunya di zaman Barisan Nasional mereka diberikan TOL untuk apa ni..duduk sementara dan sebahagiannya membina kediaman. Mereka ini golongan-golongan nelayan yang memang tidak ada tempat lain pun nak tinggal. Jadi saya harap supaya kerajaan berikan dasar yang baru mengenai tanah-tanah TOL ini dan ini akan memberikan kepentingan kepada rakyat-rakyat dalam Negeri Selangor keseluruhannya bukan sahaja di kawasan saya tapi saya rasa di seluruh Negeri Selangor ini. Jadi Timbalan Speaker, saya ucap terima kasih memberikan peluang kepada saya kepada Sekinchan saya mohon maaf pasal masa pun dah nak habis dan *Insyah-Allah*..terima kasih..terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. DR. YAAKOB BIN SAPARI:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Speaker, saya wakil pengundi DUN Kota Anggerik ingin rakamkan tahniah kepada Y.A.B. Bukit Antarabangsa atas pelantikan Y.A.B. sebagai Dato' Menteri Besar yang baru. Sebagai tanda penghargaan saya rakamkan dalam serangkap pantun :-

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TIMBALAN SPEAKER:** *Assalamualaikum* dan selamat sejahtera..disambung perbahasan pada petang ini. Silakan Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih Timbalan Speaker. Nampaknya strategi saya ambil minit terakhir tu mengena. Saya sebut tadi sebagai merakamkan rasa terima kasih saya, mewakili pengundi dan penduduk DUN Kota Anggerik, serangkap pantun untuk Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

Y.A.B. Bukit Antarabangsa bijak bestari,  
Pejuang reformasi yang sangat tersohor,  
Biar kukuh rakyat disantuni,  
UMNO jangan harap nak rampas Selangor.

Tuan Speaker, tu lah barisan pembangkang bila kita minta izin nak mencelah dia tak kasi. Bila kita nak berucap dia tak ada. Tuan Speaker, semenjak Pakatan Rakyat mengambilalih Kerajaan Negeri Selangor tujuh tahun yang lalu nasib orang Melayu terus dipertahankan. Program-program dilaksanakan untuk memastikan bahawa orang Melayu di Negeri Selangor sangat bernasib baik sebab mereka di bawah Pakatan Rakyat. Tadi kita dengar 10,827 SkimSel dan 5,038 Mimbar yang mana sebahagian besar mereka orang Melayu. Tak timbul istilah kalau UMNO kalah orang Melayu hidup merempat. Itu hanya momokan-momokan daripada Presiden UMNO yang takut hilang kerusi..takut kalah. Dia kata kalau UMNO kalah orang Melayu jadi bangsat. Tidak betul. Sebab kita buktikan di Negeri Selangor. Nasib orang Melayu baik di bawah Pakatan Rakyat. Keduanya, soal agama. Di bawah Pakatan Rakyat juga kalau kita lihat program-program keagamaan bersemarak seluruh-seluruh masjid penuh dengan program. Merujuk ucapan Belanjawan Selangor 205 yang bertemakan 'Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipedulikan' yang berteraskan enam prinsip. Sebagai sebuah negeri termaju di Malaysia yang menjadikan industri dan perkhidmatan sebagai teras ekonomi memang sangat sesuai untuk menjadikan ilmu sebagai teras wahana pembangunan negeri. Sebab itulah bajet 205 memfokuskan agar sumber insan, sumber daya insan ini dimajukan untuk pembangunan Negeri Selangor. Nampaknya UNISEL dan KUIZ sebagai wadah kecemerlangan ilmu menjadi tumpuan dalam belanjawan kali ini. Selain peruntukan untuk membaikpulih asrama, sistem pembetulan dan kemudahan ICT yang berjumlah RM60 juta. Saya nak menyambut baik peruntukan RM10 juta untuk Tabung Biasiswa Selangorku dan RM12 juta sebagai bantuan awal pengajian. UNISEL dan KUIZ sebagai IPT milik negeri harus terus maju tidak sangat terikat dengan akta universiti kolej universiti yang selama ini menjadi alat oleh Kerajaan UMNO dan BN untuk mencengkam pemikiran rakyat. AUKU merupakan akta lapuk

yang diperkenalkan oleh Kerajaan BN. Sejak tahun 70an lagi telah menyekat budaya berfikir di kalangan ahli akademik dan juga mahasiswa. Lebih malang pemimpin universiti utama seperti VC atau TNC yang di kalangan mereka yang luklak dengan pemikiran UMNO dan bersenal-senal para akademik yang dapatan kajiannya bertentangan dengan selera kerajaan dianggap sebagai pembangkang. Bahkan mereka diturunkan daripada jawatan pegawai pentadbiran apabila dapatan-dapatan kajiannya tidak bersesuaian dengan kehendak kerajaan. Akibatnya IPTA tempatan gagal untuk bersaing dengan universiti terkemuka di dunia. UNISEL hendaklah mempelopori budaya kebebasan akademik kepada pensyarah UNISEL. Kerajaan Negeri bersedia untuk menerima teguran mahupun cadangan dan para akademik seandainya dasar-dasar atau pelaksanaan polisi negeri didapati merugikan kepentingan rakyat. Para pensyarah juga hendaklah juga diberi peluang mendengar wacana ilmu. Kita mengalu-alukan seandainya ada pimpinan UMNO yang sudi untuk datang berforum di UNISEL. Para pelajar juga hendaklah dibenarkan untuk menyertai parti politik. Ini akan menjadikan mahasiswa UNISEL lebih kreatif dan inovatif. Pada pentadbir UNISEL jangan takut untuk berhadapan dengan mahasiswa. Memang sifat mahasiswa itu mereka '*anti-establishment*'. Kita jangan terikut-ikut dengan sebahagian profesor universiti yang berjiwa kerdil dan tidak merdeka. Sebagai contoh baru-baru ini bila mantan Timbalan Perdana Menteri dan juga mantan Menteri Kewangan hendak berucap di Universiti Malaya, ia telah dihalang oleh pentadbir universiti. Ini maknanya universiti tidak bebas. Bahkan kalau dulu budaya wacana ini sangat maju di universiti. Bahkan saya sendiri selaku ADUN Kota Anggerik yang mana UiTM berada di Shah Alam tidak pernah dibenarkan untuk memberi syarahan dalam ITM. Sedangkan saya sendiri pernah menjadi pensyarah universiti. Kalau kita lihat universiti-universiti terkemuka di dunia, di negara maju seperti di Eropah atau US, Jepun bahkan kini di Indonesia berapa ramai tokoh-tokoh politik baik kerajaan atau pemerintah dibenarkan memberi syarahan di universiti. Nasihat saya pada barisan UMNO dan BN dalam dunia serba canggih jangan nak kongkong pemikiran rakyat. Budaya ilmu ini tidak hanya tertumpu di universiti saja. Bahkan masjid dan surau juga hendaklah menjadi pusat ilmu. Saya dapati beberapa kuliah diajarkan di masjid dan surau tetapi malangnya tiada silibus yang *standard* diajarkan di semua surau masjid. Maknanya bebas untuk ustaz ustazah mengajar. Saya cadangkan supaya sekurang-kurangnya ada tiga teks utama agar pemikiran *standard* dapat diajarkan di universiti di masjid dan surau. Saya juga mencadangkan supaya KUIZ menyediakan silibus yang peringkat sijil atau diploma untuk menjadikan sebahagian masjid-masjid ini sebagai universiti terbuka. Tak pasti Selat Klang dah dilaksanakan ke belum ni. Dulu dicadangkan supaya ada satu masjid atau surau, masjid-masjid menjadi '*open university*'. Di mana pengajar peringkat sijil atau diploma boleh diajarkan di masjid. Prinsip kebenaran juga hendaklah dilaksanakan. Para ulama hendaklah diberi kebebasan dalam menyampaikan ilmu. Di Negeri Selangor, pemberian tauliah mengajar oleh JAIS hendaklah dipermudahkan asalkan pengajaran mereka bersesuaian dengan prinsip ahli sunnah wal-jamaah. Saya lihat di negeri-negeri di bawah UMNO dan BN ulama-ulama disekat. Pendakwah terkenal umpamanya Ustaz Azhar Idrus tak boleh



berceramah di Negeri Johor. Dah sampai nak ceramah, Pejabat Agama, Kadi datang kata tak ada tauliah. Tetapi kita harapkan di Negeri Selangor kita beri kebebasan kepada ulama-ulama untuk menyampaikan ilmu seluas mungkin. Inilah kenikmatan yang diterima oleh rakyat di bawah Pakatan Rakyat. Seterusnya ialah pendidikan komuniti. Saya tidak nampak ada peruntukan khas ataupun khusus untuk menjadikan prinsip pendidikan sepanjang hayat ini dilaksanakan agar sebahagian besar rakyat Negeri Selangor dapat program-program samada program jangka pendek atau jangka panjang. Tuan Speaker, saya sangat menghargai usaha Y.A.B. Menteri Besar dalam program terjah sana terjah sini. Nampaknya sentuhan Y.A.B. Menteri Besar ini sangat mengena. Pulau Ketam yang dulu saya lihat kotor, bila Menteri Besar turun jadi bersih. Apa yang saya perhatikan bila MB turun bersih. Saya turun di kawasan Sungai Air Kuning, seminggu sebelum MB turun pam tak jalan, tak nampak mesin tepi sungai, rumput panjang. Bila MB turun automatik pam jalan, mesin pun ada..bersih kawasan longkang. Jadi, saya menyanjung tinggilah tapi saya kesian pada Menteri Besar kerja banyak nak terjah sana terjah sini. Saya rasakan kakitangan kerajaan perlu ada SOP tersendiri. Budaya '*chisel and hammer*' (pahat dan pemukul) ini tidak boleh berterusan. Pegawai kerajaan kena tahu bahawa tugas-tugas mereka ini untuk berasaskan '*standard opportunity procedure*' yang ada. Tak ada sebab untuk kawasan MBSA kotor umpamanya. Setiap inci tanah di kawasan ini ada kontraktor yang mana dana rakyat digunakan untuk bersihkan. Tak perlu nak terjah memang tugas kita untuk memantau kawasan ini. Seandainya ada pegawai yang boleh naik motor pusing taman dalam masa dua jam takkan tak nampak sampah, tak nampak jalan berlubang? Takkan nak tunggu Wakil Rakyat, Menteri Besar turun baru nampak. Saya mengharapkan supaya kakitangan kerajaan agar mengikut prosedur-prosedur ini jadi kerja ni kerja sepanjang tahun. Tuan Speaker, saya dapati prestasi perbelanjaan pembangunan selama hampir tujuh tahun sangat rendah. Saya difahamkan sehingga bulan November tahun ini, hanya 63% peruntukan pembangunan yang baru digunakan. Bulan November 63% lagi sebulan. Tidak ada makna peruntukan besar yang disediakan oleh pihak kerajaan seandainya agensi pelaksana tidak mampu untuk membelanjakannya. Berbagai-bagai alasan diberikan. Saya harapkan dengan adanya Menteri Besar yang baru ini, prestasi pembangunan tahun hadapan sekurang-kurangnya ialah 99.9% sebab rakyat di bawah menantikan projek pembangunan dan untuk kawasan DUN Kota Anggerik, pertama terima kasih banyak kerana peruntukan RM30 juta diberikan untuk membaiki bumbung Masjid Negeri. Perkara ini telah saya bangkitkan dalam dewan yang lalu dan terima kasih banyak sebab Masjid Negeri ini adalah lambang untuk Negeri Selangor. Mudah-mudahan dengan peruntukan ini dan baiki lagi bumbung Masjid Negeri Selangor. Namun, cadangan saya untuk memperbaiki Tasik Shah Alam masih belum dilaksanakan. Ketika itu EXCO membaca teks penuh sampai berapa kandungan oksigen dalam air tetapi hari ini dah dua kali dewan keadaan Tasik Shah Alam masih tidak banyak berubah. Kualiti airnya masih rendah dan banyak lagi '*abundance*' yang tidak dilaksanakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik satu minit lagi.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** 1 minit. Baru mula, satu lagi ialah saya sebut soal jalan U10 yang menjadi jam tiap-tiap hari. Begitu padat cuma jalan dua hala saya minta supaya pihak JKR mengkaji semula Jalan daripada Simpang *Guthrie Highway* ke Puncak Alam yang menjadi kawasan U10 yang jadi sesak kepada penduduk sebab jam. Saya jumpa OKU dia kata Y.B. suruh sampaikan kepada Kerajaan Negeri tak ada ke ruang niaga untuk orang-orang OKU. Dia kata kami nak urut pun pergi belakang bangunan. Jadi saya cadangkan supaya ada ruang niaga khas diberikan kepada OKU. Yang akhirnya saya dapati daripada *Federal Highway* keadaan jam teruk sangat. Daripada Shah Alam ke PJ kalau bertolak pada 7.00 pagi sampai 8.30 pagi. Ketika Yang Berhormat turun ke Petaling lewat sebab jam teruk sangat. Saya cadangkan supaya *elevated highway* dibina di atas *Federal Highway* yang boleh berhubung Klang sampai ke luar pantai. Jadi yang atas *highway*, atas *Federal Highway*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku minta, Kampung Tunku minta mencelah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada mungkin kalau kita menyediakan kawasan Lembah Klang ini dengan sistem pengangkutan awam yang lebih menyeluruh dan lebih lengkap daripada kita menambah kepanjangan jalan dan lebuh raya kerana ini secara tidak langsung akan menggalakkan lebih ramai orang menggunakan kenderaan persendirian. Barang kali saya pun cadang kalau pada masa depan MB nak terjah khususnya di kawasan Petaling Jaya ini tak paya nak kenderaan biasa kita pakai pas dan akan tengok macam mana kehidupan rakyat yang terpaksa berhimpit-himpit dalam perkhidmatan pengangkutan awam.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya setuju dengan Kampung Tunku kalau saya jadi Menteri RM22 billion penjimatan minyak yang Kerajaan dapat itu RM10 billion untuk bas. Ini janji ketika nak naikkan harga minyak, minyak naik bas tak ada. Dia kata kenaikan penjimatan ini Kerajaan Pusat akan memberi tumpuan kepada baik pulih pengangkutan dan saya setuju supaya pengangkutan awam di Negeri Selangor ini diperbaiki. Satu saya mohonlah agar perkhidmatan bas seperti di PJ itu dipanjangkan di Shah Alam supaya sistem pengangkutan bas ini lebih baik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik masa dah cukup.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih. Tuan Timbalan Speaker....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Timbalan Speaker, YAB Dato' Menteri Besar, sahabat Y.B. sekalian. Terutamanya terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap dalam sesi Perbahasan Bajet 2015 pada kali ini. Tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor yang diterajui oleh YAB Dato' Menteri Besar atas pembentangan bajet Selangor 2015 yang mana pada telah dilakukan pada 24 November yang lalu. Yang bakal membelanjakan sekitar 2.42 billion di mana sebanyak 53.19% daripadanya adalah untuk dimanfaatkan bagi Belanja Mengurus. Manakala sebanyak 46.1 81% bernilai 1.13 billion digunakan *Insyah-Allah* bagi pembangunan. Berbanding jumlah yang dijangkakan atau pun hasil yang dijangkakan sebanyak 1.97 billion. Ahli-ahli Y.B. sekalian pentadbiran baru sudah kenal pasti menawarkan muzik retak dan gendang serta tarian yang baru bermakna cara dan coraknya adalah juga baru dengan menambah nilai terhadap dasar-dasar yang baru yang telah dilakukan di pentadbiran atau pun Kerajaan atau pun pasukan yang lalu. Ini sesuai dengan kehendak semasa yang memerlukan pembaikan terhadap aspek pengurusan pendekatan pentadbiran. Maka sebab itu ianya perlu diterjemahkan melalui perancangan. Dalam pemikiran bukan sekadar pemikiran atau pun di bilik-bilik kuliah. Malah ia diharapkan diimplikasikan melalui tindakan praktikal oleh seluruh pasukan kerja YAB Dato' Menteri Besar yang kita kasihi. SYABAS dan tahniah saya ucapkan kepada YAB Dato' Menteri Besar yang telah memulakan langkah untuk melakukan terjah dan terjahan sini. Dalam kesempatan ini saya suka mengingatkan kepada Kerajaan dan juga pentadbiran yang baru serta semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian agar mengambil langkah penting melaksanakan amanah yang telah diamanahkan.

- 1) Bagi membetulkan kepincangan atau pun kelemahan serta ketidakaturan dalam pengurusan jika ada supaya ianya dapat dilihat dengan lebih berkesan. Melalui sistem *monitoring* atau pemantauan yang efisien.
- 2) Bagi membetulkan pelaksanaan terhadap peruntukan pembangunan dengan bersendikan akhlak perkiraan dosa serta pahala akauntabiliti yang holistik di samping prosedur dan peraturan yang mampu mencegah dan seterusnya mengelakkan pembaziran dan seumpamanya.
- 3) Membuat penilaian menyeluruh terhadap hasil negeri supaya pengurusan sumber negeri ini dapat dimanfaatkan dan dengan lebih telus dan adil untuk rakyat jelata.
- 4) Untuk menolak diskriminasi dengan melaksanakan sifat kebajikan saksama dilaksanakan tanpa mengira kaum, tanpa mengira agama mahupun yang berlainan fahaman politik dan syabas serta tahniah sekali lagi saya ucapkan Pentadbiran YAB yang baru ini di mana beliau dapat mengumumkan telah mengumumkan sebanyak RM200,000 kepada wakil-

wakil rakyat pembangkang dalam melaksanakan program Mesra Rakyat di tempat masing-masing.

Ada 6 teras utama dalam pembentangan bajet 2015 yang telah dibentangkan. Antara teras utama dalam Belanjawan yang telah dibentangkan adalah membesarkan lapisan kelas mendengar melalui program hijrah. Ianya bertujuan untuk meningkatkan garis kemiskinan rakyat di Selangor kepada nilai sebanyak RM1,500 dan ini disasarkan atau pun dianggarkan 30% daripada jumlah untuk negeri Selangor yang seramai kira-kira RM1.5 juta penduduk di negeri Selangor dengan melaksanakan aktiviti keusahawanan. Melihat kepada jumlah ini Tanjung Sepat agak kurang yakin untuk kerajaan membantu seramai RM1.5 juta rakyat di negeri Selangor yang dikategorikan di bawah atau pun dalam garis kemiskinan sebanyak 30% seperti mana yang dinyatakan dalam ucapan Bajet YAB tadi. Adalah dicadangkan agar satu jumlah munasabah sasaran pencapaian harus diletakkan untuk tempoh tertentu khususnya dalam kita membelanjakan bajet 2015 yang telah dibentangkan hari Isnin yang lalu. Dengan cara ini aspek pelaksanaan dan pemantauan program akan dapat dilakukan secara berkala. Jika terdapat kelemahan maka tindakan susulan serta pembaikan akan dapat dilakukan secara berkesan.

Program SkimSel merupakan program yang sangat baik. Diharapkan ianya bukan sekadar untuk menghabiskan peruntukan jumlah RM100,000 tetapi pelaksanaannya juga haruslah lebih spesifik dalam aspek jumlah dan kualiti sasaran yang ingin dicapai.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tanjung Sepat, Bukit Gasing mahu mencelah.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Saya mohon penjelasan daripada Y.B. Tanjung Sepat. Adakah Tanjung Sepat mencadangkan garis paras kemiskinan ini diturunkan kepada satu angka yang lebih rendah mungkin RM1,000?

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Y.B. Bukit Gasing. Saya tidak bersetuju tentang pendapat untuk diturunkan garis kemiskinan RM1,500 ini sedangkan kita maklum bahawa negeri Selangor adalah merupakan sebuah negeri yang termaju di Malaysia. Maka sudah tentu keperluan untuk meningkatkan garis kemiskinan ini kepada satu tahap yang munasabah agar rakyat di negeri Selangor dapat menikmati hasil yang terdapat di Selangor ini dengan lebih baik lagi. Saya teruskan, dalam usaha untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan berkualiti mewujudkan kawasan kegiatan ekonomi baru adalah suatu langkah yang terbaik. Ini adalah merupakan satu dasar yang perlu dipuji mewujudkan kawasan pertumbuhan ekonomi yang baru tidak cukup sekadar menyediakan zon atau pun kawasan tanpa persediaan perancangan dan pelaksanaan yang menyeluruh. Ini amat penting bagi memastikan jaringan jalan raya yang efisien, sistem pengangkutan yang berkesan, bekalan air dan elektrik, bekalan air bersih dan juga

bekalan elektrik secukupnya di samping sumber tenaga buruh dan bahan mentah yang dapat diteruskan dari masa kesemasa. Bagi mengurangkan kos sara hidup seharian ketua keluarga isi rumah pendekatan yang holistik wajar dilakukan untuk meningkatkan pendapatan boleh belanja dan bukan hanya untuk kita sebagai kerajaan. Memberi pemberian *one-off* secara bermusim. Maka sebab itu di dalam pembentangan bajet yang telah dikemukakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Barisan lalu. Tidak ketinggalan dalam memberi fokus kepada Masyarakat petani dan desa atau pun masyarakat petani juga masyarakat nelayan.

Rakyat di negeri Selangor ada kawasan kota dan bandar. Ada kawasan luar bandar dan juga desa. Terdapat juga di sana perbezaan daripada segi untuk mendapatkan pendapatan bagi menampung kos isi rumah masing-masing. Di luar bandar dan desa masyarakat petani dan nelayan perlu dibantu dengan lebih berkesan. Kalau di desa atau pun di lautan mereka ini memerlukan kelengkapan yang patut diberi oleh Kerajaan atau pun dibantu oleh Kerajaan bagi meneruskan atau menambahkan pendapatan masing-masing. Kalau masyarakat di daratan atau pun di desa yang memerlukan tanah yang luas untuk usaha pertanian bagi meningkatkan pendapatan isi rumah masing-masing. Saya suka mencadangkan di dalam Dewan Yang Mulia Ini agar Kerajaan memberi kelonggaran dan memberi kemudahan untuk memberi kebenaran lesen menduduki sementara bagi usaha-usaha pertanian khususnya kepada anak-anak muda yang ketinggalan dan keciciran dari segi pendidikan mahu pun untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik di tempat atau pun di kota, di bandar-bandar besar. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian oleh kerana permintaan terhadap rumah mampu milik ketika ini adalah merupakan melebihi daripada tawaran. Saya mencadangkan agar rumah mampu milik ini dibuka kepada lebih banyak Syarikat atau Pemaju Swasta yang mempunyai keupayaan terutama dari segi kewangan di kawasan-kawasan Utara dan Selatan di negeri Selangor ini. Keperluan pembangunan di kawasan-kawasan ini sudah pasti akan membantu pertumbuhan ekonomi dan merencanakan pembangunan yang sekata di negeri Selangor. Dalam merealisasikan keinginan rakyat untuk memiliki rumah kediaman sendiri Kerajaan seharusnya memberi ruang dan peluang memiliki rumah kepada rakyat seluruhnya. Maka saya mencadangkan agar kerajaan juga membuka kawasan baru dengan menyediakan tapak-tapak rumah kediaman sekurang-kurangnya sebagai sokongan sebahagian daripada matlamat satu keluarga satu kediaman yang sempurna kepada rakyat Negeri Selangor. Ini dengan kata lain bagi mereka yang tidak mahu duduk di rumah, di kota-kota ataupun di rumah-rumah pangsa seperti burung merpati, mereka ini juga disediakan tanah-tanah lot kediaman untuk mereka ini mendirikan rumah dengan keupayaan masing-masing. Bagi menyokong permintaan kemasukan yang tinggi di sekolah-sekolah tahfiz maka perlu juga kerajaan mengambil inisiatif dan perhatian serta tindakan wajar untuk melaksanakan penerusan usaha yang telah dilakukan oleh kepimpinan Negeri Selangor yang lalu. Oleh yang demikian, kerajaan haruslah meneruskan pelaksanaan dan mewujudkan serta menambahkan Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) di seluruh daerah dalam negeri Selangor. Maka oleh yang demikian Tanjung

Sepat memohon agar sejumlah peruntukan khas yang mencukupi wajar diberikan bagi meneruskan cadangan ataupun bagi merealisasikan setiap daerah itu mempunyai Maahad Tahfiz Sains yang kita cita-citakan. Dalam kesempatan ini juga satu perkara yang sangat saya mengharap kepada pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar agar juga memberi perhatian yang khusus kepada Ketua-ketua Kampung ataupun kepada masyarakat di desa dalam mengendalikan ataupun mengurus serta membangun, membaik pulih prasarana kampung-kampung dengan peruntukan RM12 juta yang telah dinyatakan dalam bajet yang diumumkan pada hari Isnin yang lalu, saya memohon supaya peruntukan ini diagihkan sama rata untuk setiap daerah dan seterusnya ianya diurus dan ditadbir ataupun dibincangkan oleh ADUN kawasan masing-masing supaya agihan peruntukan ini dapat dinikmati oleh seluruh kampung di Negeri Selangor ini. Di sebelah selatan Selangor khususnya di kawasan Kuala Langat yang kita tahu dan maklum adalah merupakan kawasan pertanian yang agak besar. Dalam kesempatan ini saya memohon Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memberi pertimbangan yang wajar untuk mengkhususkan supaya kawasan Kuala Langat ini yang telah dijanjikan atau yang telah diumumkan dalam bajet tahun 2014 yang lalu, bahawa kawasan sejumlah kawasan di kawasan Tanjung Sepat ini dijadikan kawasan tanaman nenas yang terbesar di Negeri Selangor dan Insya-Allah sebagai pengeluar nenas yang terbaik dan terbesar di seluruh Malaysia ini, Insya-Allah. Maka dengan ini sekali lagi saya mengharap supaya pentadbiran baru ini supaya dapat memberikan kelulusan tanah TOL yang berstatus pertanian bagi melaksanakan atau meneruskan aktiviti-aktiviti pertanian di kawasan yang dinyatakan. Tanjung Sepat mencadangkan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Sungai Pelek untuk turut serta dalam Perbahasan Ucapan Belanjawan Negeri Selangor 2015 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Tuan Speaker, saya mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Dato' Menteri Besar yang merangkakan sejumlah peruntukan wang yang besar demi pembangunan yang berkualiti dan program peduli rakyat. Saya bersetuju dengan strategi belanjawan Kerajaan Negeri Selangor 2015 melalui perkara 27 dalam teks ucapan Belanjawan Selangor dan diyakini mampu mencapai objektifnya. Tuan Speaker, Sungai Pelek tidak mahu ketinggalan dalam mengambil bahagian dan mengambil peluang yang disediakan melalui peruntukan yang disediakan demi pembangunan yang seimbang khususnya di DUN Sungai Pelek.

Tuan Speaker, pintu masuk negara iaitu Lapangan Terbang KLIA letaknya di dalam DUN Sungai Pelek. Malangnya di sekeliling pintu masuk negara ini terdapat kampung-kampung yang jauh ketinggalan dari segi pembangunan. Pembangunan

yang dimaksudkan mestilah mampu mengatasi masalah-masalah yang sudah sekian lama dihadapi penduduk dan juga diperhatikan banyak pembangunan hanya ditumpu untuk memudahkan pengunjung keluar dari kawasan yang dimaksudkan, sedangkan pembangunan setempat seperti jalan raya dan kemudahan awam amat jauh ketinggalan. Tuan Speaker, di DUN Sungai Pelek sebenarnya ada sumber-sumber asas yang mampu dibangunkan bagi menjana ekonomi penduduk setempat khususnya dan menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi negeri jika dilaksanakan dengan serius dan bertanggungjawab. Di DUN Sungai Pelek ada sumber alam semula jadi seperti pantai peranginan Bagan Lalang yang mampu menarik pelancong lebih ramai jika disediakan jalan raya yang baik, sistem kenderaan awam yang efisien, sistem perhubungan awam yang berkualiti serta kemudahan asas bagi kemudahan pengunjung. Tuan Speaker, di DUN Sungai Pelek kepesatan penduduk sangat ketara dan dibimbangi jika Kerajaan Negeri Selangor tidak mengorak langkah awal untuk mengimbangkan pembangunan fizikal dan mental akan mendatangkan masalah yang sukar dibendung dan ditangani. Tuan Speaker, selaras dengan strategi belanjawan Negeri Selangor 2015, Sungai Pelek telah membawa cadangan-cadangan yang realistik untuk dilaksanakan sesuai keperluan semasa dan pelaksanaannya memang dinanti-nantikan oleh penduduk. Berikut adalah perkara asas yang perlu diatasi dan ditangani skala sementara menunggu pelaksanaan pembangunan yang lebih besar.

- (i) Mengatasi banjir kilat di kampung-kampung di DUN Sungai Pelek. Cadangan menaik taraf sistem perparitan yang sudah tidak relevan akibat pembangunan dan pembukaan tanah-tanah pertanian menjadi taman-taman perumahan. Kampung-kampung yang sering dilanda banjir kilat seperti Sepang, Kampung Labu Lanjut, Kampung Lembah Paya, Kampung Salak dan Kampung Ginching merupakan kampung-kampung yang masih bergantung pada sistem perparitan yang disediakan 54 tahun dahulu.
- (ii) Kedua, membina kompleks sukan yang lebih lengkap di bahagian selatan DUN Sungai Pelek sesuai dengan keperluan setempat yang boleh digunakan oleh semua lapisan umur.
- (iii) Menambah pusat-pusat dialisis. Banyak permintaan daripada penduduk yang kurang berkemampuan untuk menjalani rawatan tersebut kerana tidak mampu membayar kos rawatan yang tinggi dan kos tambang untuk ke pusat dialisis yang sedia ada.
- (iv) *WI-FI* percuma di seluruh DUN Sungai Pelek. Penyediaan *WI-FI* percuma adalah untuk penyebaran maklumat yang lebih sesama pantas dan benar dengan melayari laman *web* yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor khasnya.

- (v) Menambah peruntukan kepada JKKK melalui Pejabat Daerah untuk pembangunan kampung-kampung tradisional, kampung-kampung baru dan kampung kaum India. Peruntukan tersebut adalah untuk baik pulih segala terhadap balai raya dan dewan orang ramai kerana baik pulih biasanya lambat dilaksanakan akibat kurang peruntukan. Premis sedia ada kebanyakan sudah terlalu lama dan usang dan perlu dibaiki segera untuk menjaga imej Kerajaan Negeri.
- (vi) Papan iklan yang memaparkan wajah mantan Menteri Besar haruslah diturunkan supaya rakyat mengenali Menteri Besar mereka yang baru.

Tuan Speaker, saya amat mengagumi kesungguhan Dato' Menteri Besar bahawa pentadbiran beliau benar-benar ingin menyejahterakan rakyat dengan berbagai-bagai strategi dan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan pembangunan yang berkualiti, rakyat dipedulikan. Mudah-mudahan rakyat Negeri Selangor akan menikmati hasil belanjawan tersebut.

Tuan Speaker, Sungai Pelek mengakhiri ucapan dengan menyokong Belanjawan 2015 dengan bertema Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipedulikan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Timbalan Speaker, Ahli Dewan Undangan Negeri yang dihormati, Paya Jaras ingin mengambil bahagian di dalam membahaskan ucapan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan sebelum saya melanjutkan ucapan ini, Paya Jaras ingin mengucapkan Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah dilantik memikul tanggungjawab dengan ucapan (bahasa Arab) semoga diberkati Allah. Kami berdiri bersama-sama dengan kerajaan yang ada, semoga kerajaan yang ada ini menjadi lebih baik dari kerajaan yang sebelum ini yang mana kerajaan sebelum ini ternyata lebih baik daripada kerajaan yang sebelumnya, Kerajaan Barisan Nasional. Tuan Guru Nik Abdul Aziz pernah menyebut ketika beliau menjawat jawatan Menteri Besar dengan kata 'Kita sebagai pemimpin mesti membuat sesuatu yang lain daripada kerajaan dahulu', kerana hujah Tok Guru dia kata kalau kita buat apa yang kerajaan terdahulu buat, lebih baik jangan ambil kerajaan ini, kekalkan yang ada. Dengan sebab itulah kita yakin bahawa pembentangan dan keberanian belanjawan yang ada ini kita lihat boleh menyelesaikan banyak masalah yang ada di Negeri Selangor.

Untuk makluman Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, sewaktu kita krisis jawatan Menteri Besar beberapa bulan baru ini, rakyat berjumpa dengan kita. Apa kata rakyat? Mereka kata kita tak kisah siapa nak jadi Menteri Besar, asalkan duit



Kerajaan Negeri Selangor itu turun kepada rakyat untuk mereka manfaati. Sebab itu lah hari ini saya menyebut apa yang pernah saya sebut dalam beberapa ketika dahulu bahawa tugas kita adalah menghubungkan satu keadaan yang ada (*vacuum*), *bridging a vacuum system*. Sebagai contoh, kalau orang Islam yang datang ke Pusat Khidmat kita, orang susah, orang fakir, kita tahu bahawa mereka ini akan rujuk kepada Pusat Lembaga Zakat untuk bantuan tetapi *vacuum* yang ada kalau yang datang ini orang yang bukan beragama Islam, Cina, India, bukan beragama Islam, maka kita tak tahu nak bawa ke mana kesusahan mereka ini. Di situ ada *vacuum* yang mana saya kira Kerajaan mesti menangani isu ini. Sebab itu saya mengalu-alukan konsep hijrah yang diperkenalkan dengan harapan bahawa kita bentuk satu sistem yang boleh membantu semua orang jangan ketinggalan dalam Negeri Selangor ini. Beberapa perkara yang saya kira kita kena ambil perhatian dan saya kira kita mempunyai penjawat awam yang baik di Negeri Selangor kita. Saya percaya penjawat awam yang ada mereka ini mahu bekerja dengan baik dan mereka bekerja dalam sistem yang direka bentuk oleh kita. Belanjawan, semua Menteri Besar bentang belanjawan, kerajaan UMNO, kerajaan Pakatan, Kerajaan Kelantan. Semua bentang belanjawan. Isinya, semua ada isi cuma yang membezakan adalah bagaimana birokrasi untuk menurunkan belanjawan kepada rakyat. Kita pernah dihadang dengan Selangorku, geran Selangorku RM50 juta tetapi saya boleh kira berapa yang sampai kepada kita. Kerana apa? Kerana mungkin ada birokrasi yang tidak selesai di sana. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang terjah sana, terjah sini. Saya kadang-kadang terfikir macam mana rasanya kalau Menteri Besar datang ke Paya Jaras. Teringin juga kadang-kadang. Mungkin Dato' Menteri Besar terlepas pandang Paya Jaras dalam MBSA, kita jemput datang tempat kita lihat 13 kampung, 42 ribu pengundi berbagai-bagai, suatu tempat yang disebut sebagai ADUN *International*. Apa yang tak ada di sana? Orang Melayu, orang India, orang Cina, orang Minang, orang Jawa, orang Kemboja, orang Aceh, orang Boyan, apa semua ada situ. Pakistan, semua ada di situ. Saya tak tahu fasal apa semua nak berkumpul di Paya Jaras, tapi mereka ada di sana. Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya ingin menarik perhatian baru-baru ini ada satu keluarga yang mempunyai anak yang dianggap sebagai Orang Kurang Upaya, semua orang kenal Raja Rohaisyam. 2 orang anak OKU, seorang telah meninggal dan pada waktu ini pada waktu kita bersidang ini keluarga Rohaisyam ini berada di Jakarta, membawa anak mereka untuk membuat perubatan untuk anaknya yang OKU ini. Orang Selangor keluarga Selangor, duduk di Selangor tetapi terpaksa pergi ke Jakarta untuk mencari perubatan pada anak OKU ini. Persoalannya kenapa kita tidak ada fasiliti ini di Negeri Selangor kita? Saya pernah sebut dalam Dewan ini kita minta bahawa Kerajaan Negeri mengambil OKU ini sebagai satu dalam sistem. Jangan *in passing* (jangan sekadar), ya kita dengar pelbagai ADUN-ADUN kita berucap tentang OKU ini. Tetapi, kita tidak ada sistem yang mantap dalam Selangor ini yang mengambil kira tentang keadaan OKU ini. Kita, boleh jadi tidak terlibat dengan keluarga OKU, tetapi mungkinkah keluarga OKU ini tertanya-tanya bilakah bantuan ini akan sampai kepada mereka? Bilakah lagi mereka boleh menumpang jasa kepada kerajaan bagi

membantu anak-anak OKU ini? Mereka terlantar, mereka datang kepada kita baru kita tahu. Tak mari kepada kita, kita tidak tahu. Kerana itu saya mahu, saya minta, saya merayu kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar masukkan OKU ini sebagai dalam sistem Kerajaan Negeri. Mereka perlukan satu pusat sokongan. Wujudkan di daerah-daerah Pusat Sokongan OKU supaya mereka boleh menampung dan bergerak sesama sendiri di sana. Kita pun (di peringkat ADUN-ADUN) kalau OKU datang kepada kita, kita tahu di mana nak rujukan OKU-OKU ini. Saya nak bawa ucapan ini tidak dalam konteks belanjawan sangat kerana saya nak bangkitkan beberapa perkara yang saya kira sangat perlu (kalau tak bangkit menjadi masalah kepada kita di Paya Jaras).

Y.A.B. Dato' Menteri Besar,

Tanah rizab Melayu yang kita tahu semakin terhakis, yang kita tahu dah tinggal 15% lagi. Saya kira Kerajaan Negeri Selangor harus melihat kepada tanah rizab Melayu yang tinggal tak berapa banyak lagi. Tanah TOL, suka tak suka, mahu tak mahu, kita kena tangani masalah TOL. Kita bekukan TOL di peringkat pejabat daerah. Menimbulkan masalah besar kepada ADUN-ADUN kita. Kita nak halau orang keluar, dia duduk tanah TOL. Kita biarkan kosong, banyak pencerobohan berlaku. Kita putihkan dengan prosedur TOL.

Saya nak mencadangkan bahawa serahkan balik kuasa TOL ini kepada pejabat daerah supaya Adun dan Pejabat Daerah boleh bekerjasama menentukan kebaikan bagi tanah tersebut. Pemberimilikan tanah-tanah, program-program pemberimilikan 5A harus kita teruskan. Itulah program-program yang saya kira popular yang ada di dalam negeri Selangor.

Saya ucapkan terima kasih kepada Dato' PTG (Dato' Kamarulzaman) bersama pasukan *task forcenya* yang diketuai oleh Puan Syahirah telah beberapa kali (lebih 5 kali) turun ke Paya Jaras atas arahan MMKN untuk menyelesaikan masalah-masalah tanah yang ada di Paya Jaras. Tetapi sekarang ini yang saya difahamkan, perkara ini berada di pejabat daerah dan saya kira dan saya mohon disegerakan kelulusan di peringkat MMKN.

Kes masjid, kes Kampung Masjid, kes terbengkalai, kes rumah terbengkalai kita juga harus tangani. Saya difahamkan di Kampung Masjid ini ada satu rumah pangsa kos rendah yang terbengkalai. Saya difahamkan bahawa tanah ini berpindah milik sewaktu pemaju ini dalam keadaan telah dibankrapkan (Iliquidasi). Dan pertukaran tanah ini saya difahamkan juga berlaku berpindah kepada saudara mereka juga. Kalau betul (kalau betul) ini terjadi, maka mereka akan men *delay* kan perkara ini di mahkamah. Yang susahnyanya rakyat yang ada di Paya Jaras yang telah membeli rumah tersebut. Saya minta kerajaan meneliti kerana tanah di Sungai Buloh ini (sekarang ini) telah melambung nilainya dan boleh jadi Y.B. EXCO Perumahan

mempertimbangkan untuk pengambilan semula dan kita dirikan projek yang lebih baik daripada itu.

Sekolah Agama Rakyat yang ada di Merbau Sempak yang ditubuhkan sejak tahun 1953. Satu-satunya sekolah yang mempunyai 771 orang di atas tanah sebesar 0.5ekar (sangat kecil) dengan kemudahannya sangat daif. Saya kira kerajaan yang ada ini harus melihat, mengembalikan kesegaran kepada sekolah-sekolah agama, guru-guru sekolah agama, guru-guru KAFA. Mereka yang terlibat dalam pendidikan yang ada di Negeri Selangor ini.

Timbalan Speaker,

Ada satu perkara yang saya agak terganggu iaitu berkenaan dengan pemaju yang melanggar syarat-syarat tanah ini. Y.A.B. Dato' Menteri Besar, saya lihat ada juga pemaju-pemaju ini yang cuba buli orang, jadi besar kepala, keras kepala, tak nak dengar nasihat. Saya akan sebut nama kalau perlu. Ada satu kes di Kampung Melayu Sungai Buloh. Di atas lot 136 (bersebelahan dengan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan), pemajunya bernama Anjung Serantau membuat projek perumahan tidak mengambil kira keadaan sekeliling, tutup longkang kampung, tutup perparitan, akibatnya banjir berlaku yang sangat menyusahkan penduduk di situ. Bila kita berjumpa, bila rakyat berjumpa tidak diendahkan. Saya difahamkan perkara ini telah disaman, tetapi *vacuum* yang ada dalam sistem kita ini, saman. Salah, saman. Salah, saman. Salah, saman. Bila saman, masih berlaku lagi banjir, masih lagi berlaku masalah lumpur. Masih berlaku. Bagaimana kita nak selesaikan masalah ini? Saya minta kerajaan Selangor lihat (kalau perlu tarik balik kelulusan, kalau perlu roboh balik semua rumah itu), betulkan perparitan yang ada di Kampung Melayu Sungai Buloh itu. Sekurang-kurangnya dengar, sekurang-kurangnya berjumpa dengan kita. Jangan sombong, jangan angkuh.

Ada lagi satu pemaju di Kampung Melayu juga yang disebut sebagai Park Chun Construction. Membina berbagai-bagai rumah kedai yang besar sehingga mengeneipi (cuba mengeneipikan) rumah masyarakat (ada dua orang India) yang mempunyai kedai di situ. Ada geran dan satunya belum ada geran. Ada cubaan untuk memindahkan mereka. Saya memberi amaran jangan ada cubaan untuk mendera rakyat kita di Sunai Buloh. Jangan ada cubaan mendera rakyat kita di Paya Jaras walaupun dengan pembangunan-pembangunan yang besar. Saya melihat perkara ini mesti diselesaikan. Jumpa kita.

Surau. Pelbagai tanah belum diselesaikan. Masalah tanah (pengambilan tanah). Saya hebahkan masalah yang melibatkan surau ini, banyak yang telah dipersetujui di peringkat JAIS, di peringkat PBT. Tetapi perkara ini banyak. Saya tidak tahu di mana silapnya. Persidangan Dewan kita bawa isu Surau Taqwaniyyah. Isu surau pengambilan di Kampung Melayu. Kita bawa di setiap Sidang Dewan, tapi saya tidak tahu di mana sangkutnya dalam sistem Kerajaan Negeri sehinggakan kita tak

boleh selesai hingga ke hari ini. Bila kita tanya, dalam proses. Bila kita tanya, dalam proses. Saya tak tahu proses apa yang sehingga hari ini berlaku.

Isu cukai tanah yang telah terlebih cukai oleh Kerajaan Negeri di pangsapuri disebut Seri Puri Management Corporation. PTG pada tahun 2004, telah bersetuju memulangkan balik lebih cukai yang telah dicajkan pada tahun 2004. Dan MMKN pada 2005 bersetuju meluluskan pemulangan balik sejumlah RM148,682. Tetapi belum berlaku sehingga hari ini.

Seterusnya, isu-isu yang melibatkan sungai. Isu-isu yang melibatkan jalan yang makin lama (saya lihat), isu ini Jalan Kubu Gajah ialah saya minta kerajaan mempertimbangkan untuk menaik taraf jalan negeri B131 di persimpangan Jalan Persekutuan FT54 kerana kesesakan yang berlaku di situ sangat-sangat menguji keimanan. Laluan terowong yang berlaku di Seri Indah. Untuk maklumat Y.A.B. Dato' Menteri Besar, ada satu kawasan Seri Indah A di dalamnya mempunyai penduduk sekitar 2,000 ke 3,000 orang. Tiap-tiap hari terpaksa melalui bawah jambatan *highway* disebut satu 'terowong'. Itulah saja satu-satunya jalan yang berlaku. Pernah satu ketika lori rosak tersangkut di bawah jambatan tersebut. Nak lalu tak boleh, nak keluar pun tak boleh. Di mana logika nya? Sebab itulah saya mohon Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk mewujudkan satu jalan alternatif yang lain. Ada tanah yang menghubungkan di antara Kampung Seri Indah ini dengan Hospital Kusta. Boleh. Saya kira dalam tak sampai 1km. Pertimbangkan wujudkan jalan alternatif supaya tidak timbul masalah di kemudian hari.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Y.B. Paya Jaras, satu minit lagi.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Berapa minit?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Satu sahaja.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Satu saja. Dan saya berterima kasih kepada Y.B. EXCO dalam jawapannya tadi bahawa semua jalan-jalan umum yang duduk di atas persendirian, boleh dipertimbangkan untuk pengambilalihan. Saya nak bawa satu kes di hadapan Makmal Kesihatan juga. Untuk makluman Y.B. EXCO, semua jalan (sebahagian jalan) yang ada sepanjang jalan-jalan itu berada di atas tanah persendirian. Kerana itu, kualitinya tidak boleh dibaiki kerana tidak ada peruntukan yang boleh kita bawa ke situ.

MBSA baru-baru ini, saya difahamkan Y.Bhg Datuk Bandar MBSA telah bersetuju meluluskan cadangan untuk membenakan tapak pasar raya moden di Paya Jaras. Saya berterima kasih kepada MBSA yang telah beberapa kali turun (Dato' Jaafar beberapa kali turun) ke Paya Jaras melihat masalah dengan sendirinya dan saya suka melihat projek pasar moden ini berlaku dizaman pemerintahan Y.A.B. Dato'

Menteri Besar yang ada. Selain daripada tong sampah yang diberikan, mohon disegerakan tong sampah yang disebut pagi tadi.

Akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada penjawat-penjawat awam yang telah membantu khususnya saya (saya tak tahu ADUN-ADUN yang lain) dalam menangani beberapa masalah terutama baru-baru ini, kita berhadapan dengan masalah pelantikan Ketua Kampung baru yang agak lama. Saya berterima kasih kepada saudara Johari Anuar (Timbalan Pengarah UPEN) yang bekerjasama dengan kita (sering bersama) dan sehingga selesai masalah pelantikan ketua kampung. Juga kepada Dato' DO Petaling, Dato' DO Gombak yang memberi sokongan kepada kita dan saya harap kes-kes tanah yang berlanjutan dapat diselesaikan segera di bawah belanjawan yang ada, belanjawan cakna rakyat, belanjawan yang peka kepada rakyat. Sekian, Paya Jaras menyokong belanjawan yang ada. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menengahkan beberapa isu yang perlu diambil kira. Sebelum itu, untuk memperingati supaya tidak tersasar perbahasan saya pada ini, saya ingin membaca semula perkara-perkara yang telah pun diucap oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar supaya semuanya jelas.

Pentadbiran ini (Perkara 126), saya baca semulalah untuk memperingati saya dan tuan-tuan. Pentadbiran ini akan mengusahakan berbagai-bagai cara untuk menambah baik dan memupuk persefahaman kaum dan toleransi antara agama di Selangor. Semua pihak perlu menghormati kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara ini dan mengamalkannya agama masing-masing sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Negeri ingin menegaskan sentimen pelampau dan juga provokasi kaum. Provokasi kaum. Provokasi kaum (saya baca tiga kali supaya tuan-tuan faham apa benda yang saya nyatakan sekejap lagi nanti), dan fanatik agama tidak mempunyai tempat dalam pentadbiran negeri Selangor.

Yang Berhormat Tuan-tuan sekalian,

Seiring dengan penerimaan Selangor terhadap Dato' Menteri Besar yang baru, ada satu isu yang sangat melukakan dan sangat mengguris hati rakyat yang beragama Islam khususnya di negeri Selangor dan umumnya di Malaysia. Isu yang mengundang pelbagai spekulasi dan pandangan dari pelbagai peringkat umur, baik kanak-kanak, remaja, dewasa hinggalah ke peringkat veteran. Semuanya bercakap

tentang isu ini. Isu yang sangat mendukacitakan itu dan boleh menganggap sebagai tidak sensitif terhadap masyarakat Islam ialah penganjuran pesta arak. Ini sebagai *feed back* untuk peringatan kita di masa akan datang. Pesta arak yang diadakan besar-besaran di negeri Selangor atau dikenali dengan October Fest oleh Carlsberg.

Kita amat faham bahawa arak adalah minuman keras yang boleh diminum oleh orang-orang bukan Islam. Namun, larangan minuman arak ini kepada orang Islam adalah sangat jelas dalam ajaran Islam. Kalau dulu, semasa pemerintahan Barisan Nasional pembangkang mengatakan bahawa kita akan menghapuskan penjualan-penjualan arak ini, tidak dibenarkan di premis-premis tertentu. Tetapi malang

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku minta penjelasan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Y.B. Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar bagi ke tak bagi Kampung Tunku?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK :** Saya ingat tak bagilah sebab selama ini ADUN-ADUN lain cakap pun saya tak pernah kacau. Oleh itu, janganlah kacau.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya tanya soalan Yang Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku minta, bagi ke tak bagi?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Anak pipit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya tanya soalan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Anak pipit berkicau-kicau, janganlah kacau.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya tidak kacau. Saya hanya untuk menjelaskan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Saya tak benarkan sebab masa.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku, Sungai Air Tawar tak benarkan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin menolong.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Saya tak benarkan! Sedikit pun tak ada. Sebab saya tak pernah kacau *you all* (ADUN-ADUN) berucap.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya tidak kacau. Saya tidak ada niat untuk kacau. Saya hanya ingin memperjelaskan. Menolong memperjelaskan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Adalah sangat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok Kampung Tunku duduk dulu. Duduk sehingga dibenarkan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ok. Saya akan cuba nasib nanti.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK :** Adalah sangat malang, dukacita dan mungkin rasa marah kepada penganjur October Fest seolah-olah tidak peka dengan sensitiviti masyarakat Islam di mana termaktub di dalam Perlembagaan bahawa Islam adalah agama persekutuan iaitu Malaysia. Apa salahnya October Fest ini diadakan secara tertutup. Tak salah tertutup. Ini dewan besar-besar. Buatlah kat dalam dewan. Ini secara terbuka. Diheboh-hebohkan seluruh negeri..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta laluan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan minta, Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Kawan lama.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Sekinchan semasa membahaskan usul pun saya tak kacau. Oleh itu janganlah kacau.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Eh, Sabak Bernam sama-sama tak nak bagi?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tak nak bagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tak nak kawan juga?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tak nak kawan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Oh, tak nak kawan, jaga.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, duduk Sekinchan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Terima kasih kerana sentiasa dijaga. Ni tujuan mengacau la ni dah tersasul-sasul. Ya, diheboh-hebohkan seluruh negara termasuk negeri Selangor seolah-olah pesta arak ini menjadi perayaan besar yang perlu diraikan oleh semua masyarakat di Malaysia khususnya di Selangor.

Kita amat faham pesta arak ini dianjurkan oleh orang bukan Islam. Kita pun faham. Malah, kemuncak pesta tersebut diadakan di Petaling Jaya dikatakan kawasan majoriti orang bukan Islam. Apakah yang kita tidak setuju ialah promosi yang diadakan secara meluas. Tindakan ini seolah-olah mencabar majoriti rakyat yang beragama Islam sekali gus mengetepikan sensitiviti seperti yang saya sebutkan awal tadi 'provokasi' keseluruhannya dan saya rasa tidak salah jika rakyat yang beragama Islam beranggapan pihak penganjur pesta sengaja mengadakan promosi tersebut dengan niat menarik minat umat Islam untuk menyertai bersama-sama.

Dalam sebuah negara Islam yang menjadi agama Islam sebagai agama persekutuan seperti Malaysia, hak bukan Islam untuk berpesta seperti October Fest ini mestilah dilaksanakan secara tertutup dan tidak dipromosikan secara meluas dan besar-besaran. Malah, kita juga turut berasa dukacita apabila ada sebahagian pemimpin beragama Islam sendiri menyokong penganjuran pesta arak ini dan menyifatkannya sebagai sesuatu yang tidak boleh dihalang.

Inilah fenomena plotis di mana seorang pemimpin Islam mempunyai kefahaman yang terapung-apung dan tidak stabil tentang agama Islam dan di manipulasi oleh pihak lain untuk membawa kemusnahan terhadap agama sendiri. Dan saya ada juga membaca beberapa ayat bahawa agama Kristian ini pun membenarkan meminum arak tetapi dengan syarat tidak mabuk. Bila memabukkan, dia memudaratkan kepada orang lain.

Tuan Speaker dan Tuan-tuan yang dihormati sekalian,

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh tentang (sebab ingin saya memberi peluang kepada Adun lain) '*I Want to Touch A Dog*'. Itu pun satu peristiwa yang berlaku di Selangor. Selepas saja pesta arak, umat Islam di Malaysia sekali lagi dikejutkan dengan satu pesta yang mengancam akidah umat Islam. Penganjuran program '*I Want to Touch A Dog*' telah mengundang kontroversi dan membangkitkan kembali umat-umat Islam yang baru reda dengan isu pesta arak. Walaupun mazhab Maliki menganggap anjing dan keseluruhan tubuhnya tidak najis dan tidak haram disentuh, namun pandangan dan pegangan masyarakat Islam yang lain khususnya yang bermazhab Syafii

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar, apa kena mengena dengan bajet ini? Tajuk ini?



**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tuan Speaker, kita dah sebut tadi mengikut tentang bajet agama ya. Menyentuh juga tentang JAIS. Saya dah sebut tadi itu untuk peringatan. Kan 126 (sentimen pelampau). Saya sebut tiga kali tadi 'provokasi kaum'.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok. Teruskan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Ya. Terima kasih Timbalan Speaker. Dah. Hilang dah 3 minit. Tuan Speaker pun nak kacau ya. Nasiblah saya undi dia. Begitu jugalah dengan mazhab Hambali yang menganggap anjing sebagai najis yang tidak harus disentuh tanpa uzur syarie. Izinkanlah saya cakap Tuan Speaker. Baru pertama kali ni ha, dah mula dikacau-kacau.

Y.B. Tuan Speaker,

Pada pendapat saya, program itu mempunyai tujuan yang baik. Namun, cara pelaksanaannya tidak tepat dan tidak berhati serta terlalu terbuka tanpa kawalan dan panduan jelas diberi kepada para peserta. Namun, bukanlah soal penganjur yang hendak saya pertikaikan atau persoalkan. Tapi apa yang saya mahu persoalkan ialah pendirian Kerajaan Negeri dan tindakan Pihak Berkuasa Tempatan. Kenapa Y.A.B. Dato' Menteri Besar tidak mahu mengulas kontroversi ini? Menganggap isu ini hanyalah isu kecil, isu air lebih besar tetapi seperti sedia maklum bahawa ini adalah akidah umat Islam yang perlu dikekalkan, ditaati supaya anak-anak kita melihat perkara ini ialah perkara yang objektif yang sensitif.

Y.B. Timbalan Speaker, ADUN-ADUN yang saya hormati sekalian,

Selain daripada itu, saya juga menyentuh perkara-perkara yang telah pun disentuh oleh Y.B. Sabak, Y.B. Sungai Panjang dan mungkin ada Yang Berhormat-Yang Berhormat lain iaitu tentang elaun guru-guru KAFA. Kenapa sebelum pilihan raya yang lalu, mereka ini dipanggil ke Dewan Jubli dijanjikan dengan kenaikan. Kenaikan elaun. Tetapi, sehingga hari ini seperti dinyatakan oleh EXCO tadi baru nak dikaji. Kita sedia maklum, guru-guru KAFA ini bukan berada di luar bandar, tetapi berada di bandar. Mereka terpaksa menyara diri, menyara hidup. Selain dari itu, terpaksa menyewa rumah. Sudah tentu pendapatan sebanyak RM1,300 itu tidak mencukupi. Kita sedia maklum, Y.A.B. Menteri Besar telah menyatakan elaun JKKN nya naik, elaun imam-imamnya naik. Apa salahnya elaun guru-guru KAFA ini dipertimbangkan dengan sehalus/sehebat agar

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta laluan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan minta, Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Sudah kuning. Kejap lagi merah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Itu berhati-hati saja. Kuning itu berhati-hati.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Saya pun kena berhati-hati juga bercakap ni.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ha ha ha ha ha ha....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk Sekinchan. Sungai Air Tawar, satu minit saja lagi.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Ha kan? Satu minit dah tolak-tolak tadi. Kena tambah Tuan Speaker. Dan saya harap masalah elaun KAFKA ini ditingkatkan.

Saya mewakili penduduk-penduduk Sungai Air Tawar ingin menyatakan juga di dalam Dewan yang mulia ini beberapa perkara yang mungkin telah disentuh oleh Adun Sabak. Yang pertama sekali mengenai dengan Pantai BNO. Kalau tuan-tuan Yang Amat Berhormat pergi ke situ terutamanya Sekinchan selalu menerjah ke pantai tersebut, kita akan lihat satu tempat pelancongan iaitu Kelong. Saya rasa tempat lain tak ada. Apa yang saya maklum, setiap minggu proses mereka ini menyewa dengan pulangan yang hebat. Apa salahnya sebagai negeri pelancongan, kita menarik baliklah. Mungkin Kelong ini telah diswastakan, maka ditarik balik kita buatlah untuk kita menambah pendapatan negeri kita.

Selain daripada itu, kita lihat di utara selama ini terdapat pusat ilmu iaitu SBPI, ILDAS, Pusat Akauntan Negara, Balai Pencerap Islam dan sebagainya. Tetapi malangnya, laluan ke SBPI itu terlampau sempit. Pelajar-pelajar SBPI ini bukannya semua orang UMNO. Yang saya lihat semuanya ada juga orang PAS, anak-anak orang PKR, apa salahnya dinaikkan. Pahalanya melimpah ruah daripada jalan tersebut.

Selain daripada itu, saya telah nyatakan juga ini setiap kali saya buat soalan, akan dipertimbangkan. Akan dipertimbangkan iaitu jalan utama ke Sungai Air Tawar. Baru-baru ini, tak tahulah salah siapa yang telah ditenderkan jalan tersebut. Berlopak-lopak. Kalau saya lambat tu, bermakna saya kena *slow* kat situ. Baru-baru ini Y.B. Timbalan Speaker, berlaku kemalangan jalan raya menyebabkan kematian. Siapa yang bertanggungjawab tersebut? Kerana melopak-lopak tersebut, berlaku *accident*. Ha, tanggunglah mereka yang mungkir tentang perkara ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, masa dah habis.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tadi kena kacau dalam tiga minit. Minta satu minit saja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ayat terakhir.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Ayat terakhir dan akhirnya saya berharap (saya tak memuji-muji menggunung tinggi) Y.A.B. Menteri Besar, tetapi harusnya pelantikan ini adalah ujian daripada Allah SWT. Oleh itu, jalankanlah tugas yang sebaik mungkin kepada (dia punya inputnya kebahagiaannya kepada) seluruh rakyat negeri Selangor. *Wabillahi taufiq wal hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Timbalan Speaker kerana mengizinkan saya mengambil bahagian untuk membahas. Pembangunan berkualiti, rakyat dipedulikan. Merupakan satu belanjawan yang mementingkan rakyat dari semua aspek. Belanjawan ini merupakan belanjawan yang pertama Y.A.B. Dato' Menteri Besar baru dan ia merupakan belanjawan yang mementingkan pembangunan negeri Selangor (negeri termaju di dalam negeri ini). Dan saya yakin bahawa perbelanjaan sebanyak 48.61% daripada belanjawan Selangor yang berjumlah RM2.44billion ini akan dibelanjakan secara terus dan penuh berhemah. Walaupun belanjawan 2015 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar merupakan belanjawan defisit, Balakong yakin bahawa dengan rekod prestasi kewangan Negeri Selangor yang kukuh, defisit tersebut pasti akan diatasi sempena penghujung tahun 2015.

Tuan Timbalan Speaker,

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM16.6 juta dan memberi tumpuan kepada aktiviti dan promosi pelaburan melalui usaha ekspo perdagangan bertaraf antarabangsa dan usaha *e-commerce* bagi meningkatkan pelaburan di dalam negeri. Walau bagaimanapun, Balakong berpendapat bahawa ia tidak mencukupi. Selain daripada usaha-usaha di atas, penambahbaikan dari segi infrastruktur juga memainkan peranan yang sangat penting. Mustahil bagi pelabur-pelabur untuk melabur di dalam negeri ini sekiranya infrastruktur seperti jalan, sistem perparitan dan lampu awam tidak diselenggarakan dengan baik. Contohnya, rungutan dan kesengsaraan pekilang-pekilang di sekitar Taman Industri Taming Jaya, Taman Industri Balakong Jaya, Selesa Jaya dan Cheras Jaya semakin meningkat disebabkan keadaan jalan yang penuh dengan lubang serta lampu jalan yang selalu tidak berfungsi akibat kerosakan dan kecurian alat-alat ganti dan kabel.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Setelah krisis air yang berlaku pada awal tahun ini, Balakong menyedari betapa pentingnya bagi Kerajaan Negeri bagi melancarkan kempen menjimatkan air di peringkat negeri. Selain daripada usaha-usaha lain untuk memastikan bekalan air terawat di dalam negeri ini mencukupi dan krisis yang telah menyebabkan penduduk di Balakong menderita sebanyak 21 hari kerana tiada bekalan air tidak berulang lagi. Menurut kajian penggunaan air terawat sepatutnya adalah 150 liter seorang setiap hari. Walau bagaimana pun penggunaan air terawat di Malaysia jauh lebih tinggi iaitu penggunaan air terawat sebanyak 250 liter seorang sehari. Ini berpunca kepada tabiat penggunaan air oleh rakyat Malaysia yang kurang sihat. Lebih kurang 60 peratus penggunaan air terawat oleh setiap keluarga di negara ini digunakan untuk aktiviti-aktiviti yang sebenarnya tidak memerlukan air terawat. Contohnya menyiram air, menyimbah tandas, dan mencuci lantai. Saya menyambut baik usaha kerajaanewartakan undang-undang kecil bangunan seragam tahun 1984 pindaan 2011 supaya pemasangan sistem pengumpulan air hujan SPAH dikuatkuasakan melalui permohonan pelan pembangunan. Tetapi Balakong berpendapat bahawa UUK ini perlu dipindahkan sekali lagi supaya ia tidak terhad kepada bangunan-bangunan yang mempunyai saiz bumbung 100 meter persegi ke atas sahaja. Saya ingin mencadangkan supaya ia diperluaskan sehingga merangkumi semua jenis bangunan yang bakal dibina dalam negeri Selangor, negeri peneraju. Selain daripada itu kerajaan harus mengkaji dan merancang untuk memberi geran mengikut bangunan-bangunan pelbagai jenis yang sedia ada untuk menggalakkan pemasangan sistem pengumpulan air hujan ini. Akhir sekali saya menjunjung kasih ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor atas inisiatif baginda dalam penyelesaian kontroversi isu Al-Kitab. Tidak dilupai juga usaha yang dibuat oleh YAB Menteri Besar dalam membantu menyelesaikan kontroversi ini. Ia semangat toleransi dan saling hormat menghormati adalah penting untuk kesinambungan kemajuan negeri Selangor. Saya menghormati kedudukan Islam sebagai agama rasmi Negara kita. Saya juga memahami bahawa meminum minuman keras adalah haram bagi orang Muslim mahu pun setitik sahaja. Walau bagaimana pun adalah tidak wajar untuk melarang jualan arak di kawasan majoriti orang Muslim kerana hak orang bukan Islam untuk minum arak harus dijaga juga. Balakong berpendapat sekiranya jualan sesuatu barangan atau pun sesuatu produk tidak laris, pengusaha perniagaan tersebut akan secara sendirinya memberhentikan jualan barangan tersebut. Kita berada di dalam masyarakat berbagai-bagai kaum dan mengamalkan budaya yang berlainan. Saya berpendapat bahawa keseimbangan memainkan peranan yang penting dalam banyak perkara untuk memupuk persefahaman dan toleransi antara semua kaum supaya dengan izin *winner will not win all and loser will not lose all*. Dengan izin dan itu sahaja sekian, Balakong mohon menyokong belanjawan 2015.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker untuk membenarkan Rawang untuk turut serta dalam perbahasan belanjawan 2015 ini. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Dewan Negeri yang saya hormati sekalian, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan Selangor tahun 2015 yang bertemakan Pembangunan berkualiti, Rakyat dipeduli yang mana 53.19 peratus adalah bagi peruntukan perbelanjaan mengurus dan 46.81 peratus bagi perbelanjaan pembangunan. Ini merupakan satu pendekatan yang mana menguji kebolehan Kerajaan Negeri untuk menggunakan wang rakyat dengan cara yang telus dan bertanggungjawab agar peruntukan dapat disalurkan ke peringkat komuniti dengan efektif tanpa sistem birokrasi yang melambatkan proses penyampaian. Seperti yang kita sedia maklum dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar pada tahun 2015 Kerajaan Negeri adalah diharapkan untuk menjadi pemangkin dan *catalyst* dengan izin untuk menggerakkan pembangunan ekonomi dalam negeri Selangor. Rawang amat tertarik dengan konsep keadilan dalam pengagihan sebagai pendekatan dalam perancangan belanjawan 2015. Iaitu hasil yang ada dalam negeri akan diagihkan dengan seadilnya, tidak kira kaum dan bangsa, tidak kira kelas dan tidak kira geografi. Banyak pembangunan yang sedia ada yang kita nampak sekarang adalah tertumpu di Lembah Klang dan ini seterusnya menyebabkan kesan urbanisasi seperti kesesakan lalu lintas, peningkatan kepadatan penduduk, nilai hartanah yang semakin meningkat dan pengurusan kebersihan. Justeru itu Kerajaan Negeri Selangor perlu mengkaji semula corak pembangunan yang sedia ada supaya lebih banyak Bandar satelit dengan izin dengan identitinya yang tersendiri diwujudkan dengan pembangunan berkualiti di kawasan pinggiran Bandar atau pun desa atau pun yang kita kata yang tersepit di antara Bandar dan desa yang kita panggilkan seperti Rawang bagi meleraikan keadaan kesesakan di bandar. Rawang kini pesat dengan pembangunan perumahannya yang banyak namun masih kurang dari segi persediaan infrastruktur asas, seperti sistem jalan, sistem pengaliran dan saliran dan kemudahan awam. Majoriti jalan utama dan sungai yang sedia ada adalah sudah lebih kurang 20 tahun usianya yang jelas tidak dapat menampung kapasiti penggunaan penduduk yang sedia ada. Keputusan Kerajaan Negeri Selangor yang meluluskan projek naik taraf jambatan jalan atas lebuhraya NKVE di jalan B27 serta B25 baru-baru ini amat tepat pada waktunya memandangkan keadaan kesesakan lalu lintas di Rawang yang menghubungkan komuniti tempatan di Rawang dan juga bandar sekitarnya seperti Batang Kali, KKB dan Kuala Selangor, kerana kedua-dua jalan tersebut adalah begitu keadaan kesesakan adalah begitu mendesak sekali. Rawang harap kedua-dua projek yang diluluskan ini boleh disegerakan dan dipantau dari masa ke semasa agar mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan. Rawang juga memohon Kerajaan Negeri Selangor untuk mengkaji dan menaiktarafkan Sungai Gong dan juga Sungai Bakau untuk menyelesaikan isu banjir kilat yang sering berlaku sejak bulan Disember 2013. Walau pun JKR Selangor dalam proses mengalihkan dan menaiktarafkan sebahagian kecil Sungai Gong baru-baru, itu namun itu tidak mencukupi untuk menyelesaikan isu tebatan banjir secara holistik kerana sebahagian sungai masih sempit dan sering berlaku keruntuhan tebing sungai yang

menghalang kelancaran pengaliran sungai. Rawang ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor menubuhkan satu jawatankuasa tebatan banjir untuk mengkaji, merancang dan memantau kawasan-kawasan banjir di seluruh negeri Selangor memandangkan telah ramai Adun telah membangkitkan isu banjir di kawasan masing-masing.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang saya hormati sekalian.

Perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk membesarkan lapisan kelas menengah melalui program hijrah dan sistem sokongan yang diwujudkan merupakan satu inisiatif yang baik. Akan tetapi saya ingin menyeru agar pihak Kerajaan Negeri Selangor juga perlu memberi perhatian kepada peniaga-peniaga kecil yang sekarang terbeban dengan kenaikan pelbagai kos dan pelaksanaan GST pada tahun hadapan. Walau pun YAB Menteri Besar dalam ucapan belanjawan telah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan menyemak semula pelaksanaan kenaikan fi lesen yang agak tinggi dalam pembahagian kategori yang membebaskan bermula pada Januari 2015. Namun pihak saya masih menerima banyak aduan daripada peniaga kecil khususnya di kawasan DUN Rawang kerana mereka telah terima notis tentang fi lesen yang baru dan mesti di bayar sebelum hujung tahun ini yang mana kadar kenaikan tersebut adalah antara 100 peratus hingga 300 peratus dan ada yang lebih tinggi daripada itu. Saya faham dengan keperluan Majlis Perbandaran Selayang untuk mencari sumber bagi menampung kos operasi yang semakin meningkat dan menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pembayar cukai. Akan tetapi saya berharap pihak Kerajaan Selangor perlu menanggukkan kenaikan fi lesen ini di kawasan MPS memandangkan kesan sosionya adalah begitu besar. Pada masa yang sama saya ingin menyeru pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancangan Negeri Selangor boleh memberi sejumlah peruntukan khas untuk mewujudkan lebih banyak premis komersial dan aset untuk PBT sebagai alternatif untuk PBT menjana sumber pendapatan mereka bagi jangka masa panjang.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang di hormati sekalian.

Sesungguhnya adalah menjadi impian setiap insan untuk memiliki kediaman milik mereka sendiri. Namun nilai hartanah yang semakin meningkat khususnya di kawasan bandar menyebabkan ramai yang terpaksa mengalihkan destinasi pilihan kediaman mereka ke pinggir bandar atau pun desa. Oleh itu saya ingin menyeru pihak Kerajaan Negeri supaya mengkaji semula kadar premium tanah yang sedia ada khususnya untuk kategori tanah kediaman. Sekiranya kita ingin membantu rakyat Selangor untuk memiliki rumah yang mereka mampu, premium tanah tidak seharusnya tinggi mengikut nilai pasaran sedia ada. Pihak saya difahamkan bahawa tanah jenis kediaman yang kosong juga dikenakan premium yang tinggi daripada tanah yang sudah dibina rumah dan diduduki. Oleh itu saya minta YAB Menteri Besar ambil perhatian tentang isu ini dan menstrukturkan semula kadar premium tanah yang berpatutan supaya tidak membebankan rakyat jelata. Menteri

Kesejahteraan Bandar Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Dato' Abdul Rahman Dahlan baru-baru ini telah mengumumkan pelaksanaan pengasingan sisa pepejal secara mandatori berperingkat-peringkat mulai September tahun depan sebagai usaha mengurangkan penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan sisa yang ketika ini semakin meruncing. Statistik terkini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia menghasilkan kira-kira 33,000 tan sisa pepejal setahun dan daripada jumlah itu hanya 10.5 peratus sahaja dikitar semula untuk menjadi produk lain yang mempunyai nilai tambah. Rawang ingin bertanya sejauh manakah Kerajaan Negeri Selangor bersedia dan akan melaksanakan pengasingan sisa pepejal isi rumah ini selain menggunakan cara konvensional sekarang yang tertumpu pada pembersihan dan pelupusan sisa pepejal sahaja. Saya berpendapat sudah tiba masanya bahawa Kerajaan Negeri mengkaji untuk mewujudkan undang-undang kecil atau enakmen berkenaan untuk mewujudkan mekanisme pengasingan dan pengurusan sisa pepejal. Sebagai contoh, di negara-negara maju, PBT akan mengkhaskan setiap hari untuk pengutipan jenis sisa pepejal yang berlainan sama ada plastik, kertas, aluminium, sisa makanan dan sebagainya. Dengan adanya sistem dan undang-undang seperti ini bersama dengan kempen kesedaran lama-kelamaan akan menjadi satu tabiat harian komuniti tempatan untuk mereka mengasingkan sisa pepejal dan menjalankan aktiviti kitar semula dalam kehidupan harian mereka. Akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit tentang pembangunan bakat dan kebolehan di negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah mengenal pasti peranan Selangor *Human Resource Development Centre* (SRHDC) untuk bekerjasama memberikan latihan teknikal dan vokasional serta industri yang melibatkan teknologi dan inovasi baru. Saya ingin mencadangkan bahawa skop kerjasama tersebut boleh di perluaskan supaya mereka yang tamat pengajian dan latihan akan juga ditawarkan peluang pekerjaan sama ada dalam sektor awam dan juga swasta. Saya yakin dengan kapasiti yang dimainkan dan peranan yang dimainkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor kita boleh dapat bekerjasama dengan FFM dan juga MNC untuk tempatkan bakat-bakat yang kita telah latih dalam negeri Selangor ini untuk bekerja dalam syarikat mereka. Dengan ini *job matching* dengan izin dapat dibuat berdasarkan keperluan industri dan bakat sumber manusia yang kita dapati di negeri Selangor ini. Sekian, Rawang menyokong Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2015.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah sekarang saya hadkan perbahasan sepuluh minit seorang, kurangkan mukadimah, kurangkan pantun terus kepada *point*, bajet. Hulu Kelang. Silakan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Dua puluh minit ya.

**TUAN SPEAKER:** Sepuluh minit, tapi saya boleh bagi *extension* untuk Hulu Kelang, kerana Hulu Kelang rajin bekerja bagi Jawatankuasa Pilihan. Teruskan Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker, Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terutamanya saya mengucapkan terima kasih kerana memberi ruang dan peluang bagi saya terlibat dalam Perbahasan. Saya ucapkan tahniah kepada Dato' Menteri Besar kerana bagi saya yang lebih penting adalah kerana sebaik sahaja diamanahkan menjadi Dato' Menteri Besar telah kembali ke kampungnya dan mengisytiharkan bahawa dia adalah bekas seorang penggembala kambing dan semasa remaja bekerjanya sebagai pekerja kontrak bergaji hari kais pagi makan pagi, kais petang sampai semalam. Jadi apa yang saya tekankan adalah selama ini hubungan saya dengan Menteri Besar bukan atas dasar puji memuji. Kita bekerjasama dan saya mempunyai dasar itu dasar *to keep a distance* dengan beliau dan saya harap dapat kekalkan hubungan tersebut kerana yang penting adalah prestasi dan kesungguhan kita dalam membela kepentingan rakyat. Bagi saya bajet yang telah dibentangkan ini menunjukkan satu suasana kesungguhan untuk membela rakyat. Saya mungkin ada orang yang antaranya beruntung kerana 3 hari sebelum rakyat negeri Selangor pada pimpinan yang mengetahui akan diisytiharkan seperti Menteri Besar selepas pihak Istana mengumumkan tarikh. Tarikhnya 23 September 2014 akan diangkat sumpahnya seorang jadi kita tertanya-tanya dan pada hari Ahad 20hb saya telah diminta untuk pertemuan oleh bukan Bukit Antarabangsa masih itu Ahli Parlimen saya di Gombak untuk bertemu dan dia memilih di pejabat Pusat Khidmat DUN. Walau selama 6 tahun kami bekerjasama-sama tidak pernah Dato' Bukit Antarabangsa mencecahkan kaki ke pusat DUN Khidmat Hulu Kelang tapi apabila saya sampai dia sudah mula menunggu saya seolah-olah itulah pejabatnya dan dengan nada yang rupa yang senyum tak habis, masam tak habis saya terus menghulur tangan tahniah Dato' Menteri Besar, syahdu bunyi sikitnya. Jadi saya tahu dan dia ingin menegaskan beliau ingin menjadi Menteri Besar dari Pakatan Rakyat, bukan Menteri Besar yang ditunjuk, dipilih yang dilantik oleh Istana. Walaupun itu merupakan satu ruang yang diperolehkan di dalam Perlembagaan. Dan selepas jelas gambaran yang akan berlaku pada masa itu Tuan Speaker saya memohon maaf kerana saya ingin menyampaikan ini ke dalam bentuk sedemikian kerana nak menyampaikan satu hasrat kerananya saya akan memainkan sebagai Ahli Dewan Negeri di Selangor *reserve* dengan izin kerana soalan Menteri Besar. Sebagaimana saya telah menghormati Ijok, kemudiannya Bukit kemudiannya Pelabuhan Kelang demikian harapan saya dan saya yakin adalah ..... rakyat agar Dato' Menteri Besar Selangor akan memberi khidmat yang sepenuhnya kepada rakyat tanpa mementingkan apakah kepentingan yang boleh menjejaskan keharmonian dan kesejahteraan Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor. Dan saya bersetuju dengan beliau untuk pada malam itu saya bertemu dengan Ketua Umum Parti beliau yang pada masa itu juga setahu saya belum begitu pasti siapakah yang akan menjadi Menteri Besar. Dan beliau dalam kegusaran menekankan bahawa dia ingin tegaskan bahawa sesiapa yang menjadi Menteri Besar hendaklah merupakan Pilihan Parti Pakatan Rakyat bukan sebaliknya. Dan saya mengatakan saya telah bertemu dengan Bukit Antarabangsa dan beliau juga berhasrat demikian maka besarlah harapan tuan rumah pada masa itu Y.B. Kajang pun ada, Ketua Umum PKR pun ada menegaskan



bahawa itulah hasrat dan beliau menegaskan bahawa apa yang perlu diwujudkan dalam konteks kesepakatan Pakatan Rakyat adalah seorang Menteri Besar yang menampilkan perjuangan kukuh Pakatan Rakyat Negeri Selangor yang menampilkan perjuangan kukuh Pakatan Rakyat Negeri Selangor dan pada besoknya saya dipanggil memberi pandangan saya dalam satu mesyuarat Biro Politik PKR dan saya lihat mesyuarat itu dipengerusikan oleh Y.B. Kajang dan seterusnya mesyuarat itu dengan kata-kata aluan meminta Ketua Umum memberi ucapan dan saya melihat di sebelahnya adalah ADUN Y.B. Bukit Antarabangsa yang pada masa itu saya melihat begitu kecil, kecil dengan apa kerana ambang yang besar yang bakal dipikulnya. 2 minit ya tapi saya Dewan ini berminat mendengar ucapan saya. Dan selepas itu saya melihat Bukit Antarabangsa begitu kerdil kerana amalan yang besar bakal dipikulnya dan kami mendengar harapan Barisan Nasional yang ada pada petang itu bahawa sesudah hari ini selepas Azmin yang disebut namanya memikul satu kepercayaan Pakatan Rakyat hendaklah dia bersifat tegas dan amanah dalam memikul kepercayaan rakan-rakan seperjuangan dan agar sejarah tidak berulang semula. Bermulalah daripada itulah saya berazam kalau ada satu tugas boleh yang saya akan memainkan sebagai Ahli Dewan Negeri Selangor adalah untuk memainkan peranan. Bagaimana saya boleh membantu Menteri Besar yang baru dalam memastikan tugas-tugas pemantauan diteruskan. Dan itulah sebabnya menyatakan saya pernah memberi kepercayaan yang penuh pada Ijok dan Pelabuhan Kelang untuk menjadi Menteri Besar dan saya akan memberikan tenaga saya bakat dan *talent* saya dengan izin pada Bukit Antarabangsa. Dan kekhuatiran saya adalah sekiranya Pelabuhan Kelang mengambil masa, Ijok mengambil masa pada masa itu 2 atau 3 tahun mula tidak mendengar pandangan ADUN-ADUN Pakatan Rakyat. Saya khuatir apa yang diambil oleh ADUN Ijok 2 tahun, Bukit hanya mengambil masa 2 bulan sahaja oleh Bukit Antarabangsa untuk mula tidak mendengar pandangan kita. Dan itu saya mengambil satu langkah menyatakan dengan tegas bahawa saya mahu memainkan peranan untuk memantau Dato' Menteri Besar. Dan saya bersyukur selepas 3 minggu beliau dilantik dalam satu Majlis yang diadakan di Hulu Kelang beliau menegaskan bahawa beliau melantik saya dengan tugas di peringkat negeri tapi saya tidak mahu sebaliknya kata Menteri Besar saya menghormati Hulu Kelang kerana mahu memainkan peranan untuk memantau saya. Itulah satu tugas yang saya percaya yang saya harap kalau saya tak dapat sampaikan *point-point* ini pada ketepatan masa saya ingin rakamkan kepada sama ada Barisan Pembangkang atau pun Kerajaan kakitangan awam dan sebagainya tugas yang perlu dimainkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri memuji-muji Dato' Menteri Besar. Saya tidak suka dan dengan itu saya menyeru agar semua Ahli Dewan Undangan Negeri, EXCOnya mainkan peranan untuk membolehkan Dato' Menteri Besar menjadi *team leader*, *team builder* bergerak sebagai pasukan, bekerja sebagai pasukan dan bekerja sebagai pasukan, berpasukan. Bila mula ujian dilimpahkan dan apabila setiap tingkah laku dipuji, jerjak sana, jerjak sini merupakan satu pujian sehingga setiap langkah yang diambil akan menjadi *political mileage* dengan izin oleh sesiapa di situ lah kelemahan berlaku. Tetapi sekiranya Ahli-ahli EXCO Pembangkang dan ADUN-

ADUN Pakatan Rakyat boleh dengan selesa, boleh dengan terbuka disambut dengan pikul Dato' Menteri Besar kritikan teguran yang beradab yang betul saya percaya kita berada di landasan yang benar. Dengan itu Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kerana saya ingin merakamkan perkara ini termasuklah kepada Tuan Speaker yang semalam telah memuji Dato' Menteri Besar. Walaupun *change* tapi saya kata itu yang telah dilakukan oleh Ijok. Datang mencatat, merakamkan servis 2 tahun telah berubah Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor kepada Kerajaan Tan Sri Khalid Ibrahim, dia tidak mahu Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor dalam tempoh 2 bulan sahaja berubah pada Kerajaan Azmin Ali. Kalau itulah ucapan saya yang saya rakamkan sebagai ucapan dalam sidang Dewan Undangan Negeri Selangor sudah memadai. Ini *detail-detail lain* telah ucapkan, bagi saya harapan saya yang terbaik berkorban kefahaman saya sehingga saya dikenakan tindakan oleh Parti sendiri tapi saya tidak sedih kerana saya yakin dengan pegangan saya walaupun saya telah diogah, dicekir dan sebagainya tapi saya berharap itulah sedikit sumbangan yang telah saya lakukan dan bakal terus saya lakukan. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Hulu Kelang. Dewan ini bersikap terbuka boleh kritik boleh puji. Kita alu-alukan, ah Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, Assalamualaikum dan salah sejahtera, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana beri peluang kepada saya yang baru balik dan saya telah beri notis ya pihak Pembangkang memberitahu untuk Informasinya saya beri notis bahawa saya tidak hadir pada Dewan bukan saya tuang dan kalau saya dibandingkan lah ia dengan Ketua Pembangkang Sg Burong ya ke dalam Mesyuarat PAC saya ingat saya datang lebih kerap lagi. Di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Menteri Besar baru dan barisan EXCO Kerajaan Negeri Selangor, tahniah juga kepada Ahli Dewan Negeri kerana bagi memilih yang baru dipilih sebagai Timbalan Speaker. Mudah-mudahan saudara, saudari sekalian dapat mengalas tugas dan dengan penuh amanah dan penuh bertanggungjawab sebagai mewakili Parti Keadilan Rakyat saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Ahli Dewan Negeri Pelabuhan Kelang yang telah sebelum ini mewakili Keadilan menjalankan tugas sebagai Menteri Besar selama 6 tahun semenjak 2008. Saya juga berharap agar beliau akan terus komited untuk bersama-sama memperjuangkan Keadilan walaupun *Independent* Bebas dan membersihkan Negeri Selangor daripada sebarang elemen-elemen yang boleh memberi kesan negatif kepada rakyat negeri Selangor.

Tuan Speaker saya mengalu-alukan pembentangan belanjawan negeri yang memperuntukkan sejumlah RM2 bilion, RM2.42 dengan izin bilion untuk pembangunan dan pengurusan Negeri Selangor. Khususnya terdapat beberapa peningkatan peruntukan untuk rakyat dalam bidang pendidikan. Memanglah saya alu-alukan sekalilah pendidikan yang penting sekali untuk anak muda terutamanya

dan generasi yang akan datang. Program MES yang diteruskan, pembangunan luar bandar, pembangunan sosial dan sebagainya. Saya berharap dengan peruntukan yang besar ini telah dikumpulkan rakyat Selangor akan dapat manfaat dengan semaksima mungkin. Sudah menjadi peranan kita semua termasuk Keadilan, DAP dan PAS iaitu kita mahu memastikan bahawa Kerajaan Negeri Selangor menjalankan tugasnya dengan mematuhi segala dasar atau polisi yang digariskan oleh Pakatan Rakyat. Melaksanakan janji-janji pilihan raya umum 2013 yang lalu dan yang lebih penting kita menjalankan pemerintahan negeri berasaskan nilai-nilai yang digariskan dalam perjuangan kita, iaitu memberi fokus dan keutamaan kepada rakyat. Dan memastikan tiada unsur-unsur korupsi, kronisme dan nepotisme untuk memastikan setiap sen yang diperuntukkan diberikan terus kepada rakyat. Saya percaya jika kita berjaya menjalankan tanggungjawab ini secara kolektif bersama PAS dan DAP, insya-Allah rakyat akan memberi kepercayaan kepada kita untuk sekali lagi memimpin Kerajaan Negeri Selangor pada pilihan raya yang akan datang. Saya percaya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru, yang muda, yang kacak, ha, kita akan menyaksikan suatu bentuk *teamwork* yang komited, yang saya memang mengalu-alukan Hulu Klang perkataan *teamwork*, perkataan kita bersama dalam satu pasukan yang komited, bekerja dengan penuh dedikasi untuk kesejahteraan seluruh rakyat Selangor. Tak kiralah ya UMNO ke, BN ke, Keadilan ke, bebas ke, semualah, *insya-Allah*.

Tuan Speaker, saya mengalu-alukan usaha kerajaan untuk menubuhkan Biasiswa Sagong Tasi dengan menawarkan tempat kepada anak-anak orang asli dalam proses pendemokrasian pendidikan tinggi. Inilah yang kita selalu sebutkan dulu, pendemokrasian pendidikan. Kadang-kadang ada kita ada tempat-tempat tetapi untuk mendemokrasikan supaya kita dapat peluang untuk tiap-tiap anak yang apa ni layak mendapat tempat dan peluang pada pendidikan yang lebih tinggi. Penubuhan tabung biasiswa ini sejajar dengan komitmen Pakatan Rakyat dalam usaha mencapai keadilan sosial dan pengagihan peruntukan yang adil kepada seluruh rakyat Selangor. Mungkin 10 tempat untuk anak-anak orang asli di UNISEL agak kecil namun ia merupakan satu langkah permulaan yang baik untuk masa hadapan. Diasaskan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ya, Kerajaan Pakatan Rakyat untuk memastikan masyarakat orang asli tidak terpinggir dari pembangunan sosio-ekonomi. Saya ingin mencadangkan dalam selain dalam aspek pendidikan, Kerajaan Negeri juga harus mewartakan tanah adat orang asli dalam usaha menjamin dan memelihara warisan kebudayaan mereka. Pada masa ini Selangor dan Wilayah Persekutuan menggunakan sebanyak, saya masuk topik lain ya. Pada masa ini Selangor dan Wilayah Persekutuan menggunakan sebanyak 7,537 *megawatt hour* iaitu meliputi hampir 40% daripada pembangunan tenaga elektrik di Malaysia. Daripada jumlah tersebut 28.1% merupakan keperluan penggunaan di Negeri Selangor dengan jangkaan permintaan bekalan elektrik akan terus meningkat daripada 7,752 *megawatt hour* dalam tahun 2016 kepada 8,242 *megawatt hour* dalam tahun 2018. Justeru, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, GLC dan lain-lain supaya mengambil langkah

penjimatan dan mengoptimumkan penggunaan tenaga khususnya dengan mengguna pakai prinsip-prinsip bangunan hijau atau *green building*. Saya merasa tertanya-tanya kenapakah di mana negara-negara yang lebih *advanced* dengan izin daripada kita boleh menggunakan cahaya solar walaupun mereka mempunyai 4 musim. Kita musim kita hujan atau panas tetapi tenaga solar kita tidak dihasilkan dengan optima, kita hilang tenaga ini dan kita terpaksa mendapat tenaga elektrik yang membebankan.

Saya juga turut mengalu-alukan komitmen Kerajaan Negeri yang berhasrat, ha itu ya pembangunan hijau itu. Adalah diharapkan agar khidmat pakar-pakar abotorist, doktor pokok dari Persatuan Arborist, abotorist pula. Arborist ya, minta maaf ya. Saya dah doktor manusia, doktor pokok ni kurang sikit. Dari Persatuan Arborist Malaysia atau FRIM boleh digunakan supaya pokok-pokok yang sedia ada di kawasan PBT dapat dipelihara dengan baik melalui perunding yang pakar, dengan izin dan tidak akan dipotong tanpa menepati konsep bandar hijau. Sebagai contoh di Singapura, jiran kita yang terdekat, dulu dalam Malaysia tapi sekarang dah menjadi jiran. Mereka menggunakan lebih daripada 250 arborist untuk menjaga pokok-pokok dalam kawasan bandar.

Tuan Speaker, langkah Kerajaan Negeri untuk membuka waktu operasi Perpustakaan Negeri, Perpustakaan Negeri Selangor sehingga jam 10.00 malam untuk dijadikan tempat diskusi, forum atau wacana adalah suatu langkah yang baik. Saya ingin mencadangkan agar waktu operasi dilanjutkan pada hari Sabtu dan Ahad supaya kita dapat membuka ruang yang luas kepada anak-anak untuk belajar. Di samping itu, keselamatan persekitaran perpustakaan juga perlu dipastikan dengan pelanjutan waktu operasi sebegini. Kerajaan Negeri juga dicadangkan supaya menambah baik program promosi budaya membaca buku kepada golongan muda. Kadang-kadang orang-orang muda ni lebih banyak yang merempit tetapi tidak, kurang sikit untuk membaca buku. Jadi kalaulah kita boleh membudayakan kalau ada buku pun, kalau buku yang *boring*, kita pun tidaklah dapat menarik minat membaca. Banyak juga yang lebih suka minat menonton wayang tetapi kalaulah buku itu menjadi teman sejati, itu lebih baik dan terutamanya untuk orang-orang muda.

Tuan Speaker, didalam perbahasan ini, saya ingin menyentuh persoalan yang mencakupi soal kesihatan, projek sosial, kesedaran sivik dan alam sekitar. Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri melipat gandakan usaha berkaitan dengan kesihatan. Mutakhir ini kita dibentangkan dengan fakta bahawa peningkatan kes-kes denggi begitu ketara di Selangor dan Daerah Hulu Langat, antara pencatat kes yang tertinggi di Selangor. Sekiranya Jabatan Kesihatan, Pejabat Daerah atau Pihak Berkuasa Tempatan tidak mempunyai cukup kakitangan, Kerajaan Negeri perlu menubuhkan skuad sukarelawan tempatan yang ditugaskan untuk memantau dan membersihkan tempat-tempat pembiakan nyamuk, sampah dan sebagainya. Saya cukup bimbang dengan kesedaran sivik rakyat bukan saja di Selangor malah

di seluruh negara yang suka membuang sampah merata-rata. Mengotorkan tempat awam dan lebih buruk lagi terus menjadikan sungai-sungai sebagai tempat pembuangan sampah. Amalan tidak baik ini sudah tentunya memberi kesan buruk untuk jangka panjang. Selain menyebabkan persekitaran atau tempat-tempat awam berada di dalam keadaan yang kotor sikap ini juga akan menjejaskan rakyat umum apabila berlakunya banjir. Banjir, banjir ni ya Allah, sekali diterajang, 10 minit, 20 minit dah surut Tuan Speaker tetapi saya dapat *wasap* sampai pukul 10 malam. Arus yang membawa sampah-sampah yang dibuang dalam sungai ke kawasan hilir dan akan mengakibatkan longgokan sampah di merata-rata tempat apabila banjir surut. Sampah yang tidak terkawal ini juga menyebabkan longkang-longkang tersumbat dan ia akan menyukarkan kita mengelak daripada banjir. Inilah yang berlaku ya. Saya katakan di Kajang. Memanglah ya dikatakan sungai ini di bawah kawal selia JPS. Dan saya terima kasihlah ya kepada Haji Roslan yang daripada JPS yang memberikan kerjasama yang baik, ada di tebing sungai ya apabila berlakunya banjir kilat tempoh hari. Tetapi PBT juga bertanggungjawab memantau dan mengawal selia projek-projek pembangunan yang tidak terkawal ini yang menyebabkan ya kesukaran dan kadang kala yang tidak menepati apa tu cara-cara membuat pembangunan mereka yang tidak teratur. Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri menubuhkan *Standco*, *Standing Commitee*, dengan izin banjir untuk menangani masalah banjir seluruh negeri. Cadang, saya juga cadangkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebagai pengerusi. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, ini bukan jadi satu ya polemik apa-apa. Siapa pun yang menjadi Menteri Besar, itu adalah tanggungjawab. Saya dengan apa ni hati terbuka saya katakan dalam semua ya, dalam kita mempunyai jawatan yang pentingnya amanah dan tanggungjawab. Janganlah memberikan itu satu perkiraan politik kerana itu yang kita inginkan dan kita mohon Allah memberikan kita segala kesenangan dan kemudahan untuk kita menjalankan tugas di dunia yang fana ini.

Tindakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar yang memaparkan nombor telefon beliau kepada umum, saya pun ingat 012-2020 daripada dulu supaya rakyat terus menghantar SMS kepada beliau sekiranya pihak kontraktor tidak mengutip sampah, harus diambil serius oleh semua pihak. Saya berharap selepas ini, pihak PBT akan terus bertindak pantas memantau tugas kontraktor sebelum rakyat membuat aduan terus kepada Menteri Besar.

Tuan Speaker, kita bertanggungjawab memastikan rakyat Selangor mendapat perlindungan yang sewajarnya. Maka projek-projek sosial harus dilaksanakan terutama untuk memastikan setiap rakyat Selangor memiliki sebuah kediaman yang bersesuaian dengan mereka. Memandangkan juga rumah-rumah di Kajang dengan adanya LRT, MRT dan ada ha ni dia dekat pinggir tu jadi tanah dan rumah melambung tinggi naiknya. Sebab itu saya tumpang rumah pak mertua saya.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kajang boleh berhenti sekejap je? Sekejap je. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih

belum selesai, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga selesai perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2015 pada hari ini.”

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui. Silakan Yang Berhormat Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih. Alhamdulillah lah malam ni kita habiskan semua perbahasan. Jadi di Kajang ini apabila tanah dan juga rumah tak mampu milik sebab naik harganya mendadak dan saya mengatakan bahawa kita ni boleh membuatkan satu apa ni *survey* di antara Pejabat Tanah dan Pejabat DUN di mana tanah-tanah yang sesuai untuk rumah mampu milik, *insya-Allah* di Kajang. Selain melibatkan usaha membina rumah mampu milik, kita juga bertanggungjawab untuk membantu rakyat miskin di kampung-kampung atau orang asli, bergotong royong membaiki rumah mereka jika berlaku sebarang kebocoran atau kerosakan. Saya memang menghargai langkah Kerajaan Negeri menjalankan program-program *health streaning* atau pemeriksaan kesihatan dan kita berharap program ini akan dipertingkatkan terutama di kawasan-kawasan kampung dan kawasan-kawasan pendalaman. Ini kerana kebanyakan rakyat miskin tidak mempunyai kemampuan atau tidak mempunyai kesedaran untuk memperolehi aspek-aspek kesihatan yang sewajarnya. Walaupun wujud Klinik 1 Malaysia, namun fungsinya tidak dilaksanakan dengan baik. Rata-rata rakyat yang miskin juga tidak berkemampuan untuk mendapatkan rawatan di hospital. Kalau pun pergi ke hospital, tunggunya lama dan mungkin jumpa doktor 5 minit, dan tunggu lagi ubat lagi lama. Ini menunjukkan bahawa kita perlukan tempat-tempat dan bagaimana kita buat *screaning* supaya tidaklah tumpu semuanya kepada hospital. Maka ziarah medik atau program seumpamanya harus diberi tumpuan. Saya ingat lagi dulu, masa saya kecil-kecil ada memang misi atau *nurse* yang datang melawat di kampung-kampung dan memberikan sedikit nasihat dan ini menyebabkan kemungkinan kurangnya dan dapat ditangani dengan awal penyakit-

penyakit dan pemakanan-pemakanan yang terus yang harus diberikan, ini menyebabkan kurangnya kesesakan di hospital-hospital.

Tuan Speaker, kesedaran kesihatan ini bukan sekadar menjalankan pemeriksaan kesihatan secara berkala sahaja, ia juga harus disertakan dengan khidmat pemakanan sihat. Dan kita dapati bahawa di kalangan mereka-mereka yang miskin bahawa keadaan *malnutrition* dengan izin memang ada. *Malnutrition* ini adalah tidak cukup makan jadi kalaulah kita boleh membuatkan sesuatu program untuk menangani masalah ini jadi generasi yang akan datang generasi terutamanya di antara orang-orang asli akan dapat mendapat kesihatan yang lebih baik lagi. Dulunya memang dalam warta untuk orang asli ada sepatutnya sebulan sekali ahli *medik* masuk memberikan pemeriksaan tapi kalau dalam pemantauan yang kita ada secara rambang sekarang ini tidaklah dengan sekerap yang sepatutnya diadakan. Ini mestilah ditangani terutamanya di Selangor. Selain kemampuan kewangan yang terhad, kurangnya pendidikan dan kesedaran untuk memperolehi sajian yang seimbang turut memberikan kesan kepada kesihatan rakyat dalam jangka masa panjang terutamanya memakan *junk food* dengan izin. Makanan yang tidak memberikan apa-apa *nutrition*. Tuan Speaker, akhir sekali usaha Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM200 ribu kepada wakil rakyat pembangkang membuka suatu lembaran baru dalam global politik nasional. Walaupun pembangkang Selangor menolak peruntukkan tersebut, mereka tidak boleh lari daripada amalan menganaktirikan pemimpin politik yang berlainan parti yang sudah diamalkan oleh BN, Barisan Nasional di Selangor dan di peringkat pusat. Saya tahulah, saya biasa menjadi ahli parlimen di Permatang Pauh. Apa-apa yang telah diperuntukkan pun saya nak tahu mana pergi peruntukkan tu Tuan Speaker? Saya tidak akan kata "tak pelah kalau tak bagi melalui saya tak pe, saya nak tahu manakah peruntukkan yang untuk Permatang Pauh itu pergi ke saluran ke mana? Tetapi malangnya pegawai yang bertanggungjawab takut nak beritahu kepada saya dan tidak diberikan apa-apa jawapan kepada kunjungan saya kepada pejabat. Tak pelah kalau boleh kita boleh sampaikan satu tahap politik yang matang *Insyah-Allah* untuk sama-sama kita memberikan khidmat yang terbaik kita untuk rakyat. Dengan mengamalkan politik berpuak dan sempit inilah akhirnya akan membawa UMNO terus kekal sebagai pembangkang di Selangor. Jadi dengan ini Yang Amat Berhormat, tahniah sekali lagi, *Insyah-Allah* kita teruskan amal soleh nahi mungkar. Saya mohon menyokong belanjawan 2015 negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** *Alhamdulillah. Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh*, Meru mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberikan laluan kepada Meru selepas hampir 52 kali bangun tetapi orang tak nampak. Untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ucapan Belanjawan Selangor 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Mohamed Azmin Ali. Meru,

saya mewakili rakyat Meru juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru Selangor yang telah ditabalkan menjadi Menteri Besar Selangor dan mengharapkan *Insyah-Allah* pentadbiran berjalan dengan baik. *Insyah-Allah*. Cuma saya di sini tidak mahu berucap panjang sebab banyak telah yang telah di apa nama, di ketengahkan, *straight go to the point*. *Insyah-Allah*.

Yang pertamanya tentang PWB lah, apa yang pernah dibangunkan oleh ramai ADUN-ADUN yang lain, cuma saya nak minta sangatlah ini tentang penyelia PWB atau Pusat Wanita Berdaya ini sebenarnya zaman EXCO dulu lagi pun dah ada bermasalah iaitu tentang apa nama pelantikan dan juga, pelantikan dan juga pembayaran elaun mereka ini, saya berharap *Insyah-Allah* dengan EXCO yang baru ini walaupun beliau diberitahu tentang, Y.B. ada beritahu tentang akan mengambil tindakan dan sebagainya tetapi saya minta kalau boleh dalam perbahasan jawapan nanti ada *time frame* bila nak buat tu? Di mana ada *time frame* dan kalau boleh difikirkan balikkah bagi balik elaun untuk mereka ni. Kalau *bad debt-bad debt* lah, tak boleh pun makna kena wujudkan balik.

Yang Keduaanya tentang dadah. Dadah ini masalah nombor satu negara. Tapi mungkin saya terlepas pandang saya tak nampak apa nama satu apa nama peruntukan yang dikhaskan untuk penagih dadah sedangkan untuk pengetahuan, kita punya Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pembangkang ada menyebut kononnya wujud satu apa nama *friendly approach*, ada kerjasama dengan pusat sebenarnya nak beritahu AADK ini yang diketuai di Pusat yang saya difahamkan lebih daripada 3 juta dia punya apa nama peruntukkan setahun tidak pernah sepuluh ringgit pun dia bagi kepada kerajaan Selangor. Dan saya minta sangat bahawa ini bila dadah ini, dadah ini dia tidak kira anak polis pun kena, anak orang parti-parti mana pun kena jadi kita berharap ini satu musuh satu negara dan diambil apa nama satu pendekatan yang serius dan saya minta sangatlah supaya Menteri Besar yang baru memikirkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri kalau boleh kalau *last year* kita dapat 150 ribu kalau boleh tahun ini kita naikkan sampai 250 ribu. Dan itu pun kita akan bagi kepada setiap daerah dan saya berharap sangatlah benda ni difikirkan. Kemudian tentang YAWAS tentang '*Jom Shopping*' yang baru-baru yang juga dinaikkan oleh sahabat saya Y.B. Seri Andalas. Ini pun saya terus terang saya beritahu *please* tengok balikkah. Sebab baru-baru ini dibuat '*Jom Shopping*' di Meru kononnya melibatkan 828 apa nama peserta tetapi oleh kerana tidak ada kerjasama dengan pegawai di PKN kita apa semua 828 orang tu yang datang cuma 282 sahaja. Benda yang apa orang kata *bad lash* kepada kerajaan-kerajaan Pakatan Rakyat sendiri. Dan ini sekali saya katakan ini pun bukannya perkara baru, daripada dulu dah lagi, mereka ini ada satu seolah-olah ada *gap* dengan pegawai-pegawai kita di Pusat Khidmat kita lah Pusat Khidmat Masyarakat kita. Jadi saya berharaplah supaya rombak ini dibuat ditengok balik kepada *general manager* sebagainya dan ini bukan satu saya dengar juga daripada rakan-rakan kita daripada apa nama ADUN-ADUN yang lain pun bising tentang ini. Dan saya nak beritahu Meru akan hantar satu laporan hitam putihlah kepada MB sendiri untuk menengok balik kalau



boleh apa nama diterjah-diterjahlah, diterajang-terajanglah kan. Kemudian tentang perjudian. Perjudian sekali lagi saya menetapkan supaya tindakan bersepadu, ini perlu. Ini seperti mana yang disebutkan juga oleh YDP di tempat saya di MPK juga diberitahu bahawa kuasa MPK, PBT tidak ada kuasa, mereka tidak pernah keluarkan permit tetapi mereka tidak ada, tidak adanya tindakan bersepadu daripada pihak polis. Maka susahlah, dan dulu kita punya EXCO PBT pernah mencadangkan satu cara yang baik supaya kalau di apa? Disita mereka punya ini dikenakan cukai yang cukup tinggi sebab kita tengok bahawa bila masuk benda-benda macam ini besok dorang mula balik. Besok ataupun tak sampai masa dua tiga hari dia mula balik. Tapi kita hendak biarlah satu-satu tindakan yang serius yang patut diadakan. Sampah begitu juga, sampah Meru berharap bahawa sampah ni dah banyak benda-benda baru yang dibuatlah, cuma kita nak bagi tahu kenapa? Adakah kita tidak boleh tahu. Tadi disebut senarai nama kontraktor-kontraktor yang tidak *perform*. Kalau boleh senarai nama itu kita hendak, ada halangan ke? Supaya kita dapat monitorlah, sebab apa, kita takut nanti senarai nama ni memang dikatakan di senarai hitamkan tetapi lepas itu dia bagi dekat *the same kontraktor*. Jadi kita hendak kalau boleh lepas ni kalau tidak ada halangan *insya-Allah* PBT-PBT ini boleh bagi senarai nama-nama kontraktor-kontraktor yang tidak *perform* ini dan juga siapa pemilik mereka supaya kita boleh, kita juga boleh monitor untuk apa yang berlaku ini. Dan saya nak bagi tahu bahawa saya terkejut sebenarnya bila pihak pembangkang mereka mengatakan bahawa apa nama peruntukkan belanjawan 2015 yang berjumlah 2,422,500,000 ringgit ini dia dibahagikan kepada 46.1% pembangunan dan 53.19% pengurusan, mereka mengatakan bahawa ini adalah satu apa nama defisit. Sebenarnya adakah mereka sedar bahawa Pusat sendiri pun telah bila keluarkan apa orang kata tu bila bentangkan Kerajaan Pusat sendiri bila bentangkan bajet mereka, mereka juga mendapat defisit terpanjang, empat belas tahun berturut-turut. Tapi bezanya kita punya defisit di peringkat negeri Selangor ini, '*utangnyanya orang eneng*' itu bahasa jawalah. Bermaknanya tak ada. Kita tak ada hutang. Sedangkan di peringkat Pusat, hutang tertinggi, 500 bilion, lebih daripada 500 bilion ringgit dan belanja terbanyak lebih daripada 250 bilion dan saya, saya *go through* ya, yang apa daripada sembilan strategi yang telah di apa nama dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, kita dapati bahawa saya *go through* apa nama dia punya strategi-strategi yang telah dibentangkan, saya tengok berulang kali tak ada sebut pun, tak sebut pun ini untuk orang Cina sahaja ke ini untuk orang Melayu sahaja ke, tidak sebab di kalangan orang Melayu pun ada orang miskin. Orang Cina walaupun ramai yang kaya ada jugak orang miskin. Orang India begitu juga ada yang miskin. Sebab itu dalam Islam, dia mengatakan '*khairunnas wal antum qaldinnas*'. '*khairunnas wa'antum qaldinnas*', sebaik-baik manusia dia itu dengan izin sebaik-baik manusia kata-kata Rasullah s.a.w. dia itu bermanfaat kepada manusia yang lain. Tidak sebut pun '*khairunnas wal antum fil arabiyyin*'. Tidak ya. Tidak. Dia maksudkan semua. Sebab tu Islam saya nak bagitahu banyak, beberapa kali dan dengan izin juga saya nak bagitahu Islam tidak penah menyuruh kita ini, bertindak ataupun bergerak atas nama-nama satu-satu bangsa, tidak. Dalam al-Quran ada di sebut '*bismillahhi rahmanirrahim bigannas*

*innahalaknaminkalimati anta waja'alnakhusyubalqoibailat lija'alghafu'* dengan maksud "wahai manusia aku jadikan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan iaitu Adam naif dengan izin dan aku jadikan juga kamu berbangsa dan berbilang kaum. Untuk apa? Untuk kita saling kenal mengenal, untuk kita saling hormat-menghormati dan untuk kita saling bekerjasama antara kita semua. Islam tidak pernah ajar kita untuk berperang, untuk angkat-angkat kepala lembu dan baling dan sebagainya. Tidak ya. Jadi apa nama, saya minta maaf saya tidak boleh apa ni, saya beri laluanlah kepada yang lain untuk sebab alhamdulillah banyak benda-benda yang telah di apa nama telah disentuh oleh yang lain jadi saya rasa setakat itu sahaja, insya-Allah. Assalamualaikum. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Speaker yang memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama untuk membahaskan ke atas bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada dua hari yang lepas. Tuan Speaker, saya ini dalam kesejukan. Saya dah lah warga emas ya. Sejuk ya. Tuan Speaker terima kasih kerana beri peluang kepada saya dengan waktu yang dihadkan selama sepuluh minit. Jadi perkara-perkara lain telah pun dibangkitkan, dibincangkan oleh rakan-rakan barisan Ahli Dewan Negeri sepanjang dua hari campur hari ni hari ketiga. Jadi tak ada banyak perkara yang nak saya nyatakan, cuma saya nak menyentuh juga berkaitan dengan pembentangan belanjawan yang telah dibuat yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya tertarik, saya tertarik dengan apa yang dinyatakan dalam strategi keenam ya, berkaitan dengan 'Menyemarak Ekonomi Desa'. Yang saya nyatakan yang saya tertarik ialah dengan ayat yang akan saya bacakan ini ya. "Perbahasan semasa berhubung jaminan bekalan makanan. Itu dia. Ataupun *food security* yang mencukupi menuntut Selangor untuk mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan kemahiran warga peladang, penternak dan nelayan untuk menguasai kemahiran teknologi terkini dalam bidang pertanian dan *agriculture*. Ini yang menarik kepada saya, untuk saya bangkit atau berdiri untuk membahaskan berkaitan dengan perkara yang telah pun diluahkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Dengan apa yang telah tercatat dan diluahkan, saya beranggapan di dalam dada yang Yang Amat Berhormat ada juga seperti saya, bersama saya memikirkan soal makan. Makanan kepada kita semua. Rakyat Selangor ada yang kata 6 juta, 5.6 juta. Itu baru rakyat Selangor, belum campur lagi pekerja asing dan juga pendatang asing. Ini perkara yang perlu kita fikirkan. Alhamdulillah perkara lain telah di bentang telah ada bajet dan segala-galanya sudah disebut. Tapi hari ini saya bentang tentang tanggungjawab kita ya, tanggungjawab kita semua. Saya juga sebahagiannya adalah petani sebenarnya. Jadi tanggungjawab kita bersama Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan.

Terima kasih Yang Amat Berhormat dapat bersama-sama hari perasmian MAHA 2014 dan juga Hari Peladang, Penternak dan Nelayan di *Mines*, Serdang baru-baru ini. Terima kasihlah bersama. Jadi adalah dalam jiwa saya sedikit. Saya juga pemimpin untuk bercerita tentang peladang, penternak dan nelayan. Ya, dalam perkara ini kita bersama-sama peruntukan yang dibagi pada tahun lepas, mana catatan saya tadi, ya, tahun lepas Pejabat Pertanian ada 2014, RM10 juta. Di dalam bajet yang baru dibentangkan dua hari yang lepas tambah RM14.4 juta untuk Jabatan Pertanian untuk pembangunan. Ya. Pembangunan apa dia ni. Ada tambah lagi saya dapat lihat di situ ada veterinar, tambah sedikit. Tambah RM700 ribu, jadi RM7.7 juta. Saya tak nampak perikanan, di mana duduk perikanan. Perikanan di mana duduk di mana peruntukan Jabatan Perikanan, saya tak tahu, Jabatan Perikanan Selangor ada. Tetapi di mana peruntukan, saya teraba-raba tercari-cari. Jadi, soalan yang hendak saya nyatakan di sini ialah Tuan Speaker, ya, kita sedia maklum, makanan asas kita ialah padi. *Alhamdulillah* daripada dulu dah terwujud jelapang padi Selangor. Bagi tanggung jawab negara, bagi memastikan cukup makan kepada negara kita. Padi yang bertukar menjadi beras. Tapi yang sebenarnya tak cukup. Yang kita tanam di kawasan jelapang padi pun tak cukup hendak menampung rakyat Selangor. Ya. Tuan Speaker, sebenarnya. Ya. Jadi untuk seluruh negara tak cukup. Kita baru dapat mengeluarkan beras sebanyak 65 ke 70% sahaja. Yang lebihnya lagi kita terpaksa import. Kita terpaksa import. Jadi, oleh keadaan demikianlah apabila berlaku kekecohan tentang masalah dunia, kegawatan ekonomi dan segala-galanya, makanan ini telah difikir sebagai benda yang mustahak perlu difikirkan bahawa makanan ini terlalu mustahak maka dengan sebab itulah diadakan jaminan bekalan makanan dan juga apa yang dinyatakan telah diwujudkan satu dasar yang dipanggil dasar *Agro* Makanan Negara, DAN. Ini dia. Daripada situlah maka Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah ditambah peruntukan dia dari setahun ke setahun dan tahun ini, tahun depan *insya-Allah* RM6 bilion. Di sini saya nyatakan tadi begitu serius kesungguhan yang ada di kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan saya dapat lihat dan dapat rasa dua hari yang lepas Yang Amat Berhormat sentuh perkara ini masuk ke dalam ini, maka saya minta kita bersama-sama. Bukan saya minta. Saya minta untuk rakyat sebenarnya, bukan untuk diri saya sama menjaga kepentingan rakyat tentang makan mereka. Makanan yang perlu kita sediakan. Beras, padi, begitu banyak satu tahun yang dihantar oleh pihak Kementerian kepada IADA Barat Laut Selangor. Satu tahun dibelanjakan untuk pesawah-pesawah itu sendiri. RM71.06 juta untuk pesawah-pesawah padi, dan pesawah setiap pesawah padi, setiap hektar mereka menikmati insentif subsidi dan segala-galanya tidak kurang daripada RM3,600 satu pusingan padi. Itu betapa serius kerajaan Persekutuan untuk memastikan bekalan makan juga khususnya padi dan termasuk kawasan-kawasan lain dijaga begitu rapi bagi membolehkan bekalan cukup kepada kita. Pun tak cukup, kita terpaksa import. Kalau berlaku sesuatu di luar negara beras dahlah kita tak cukup. Kalau berlaku sesuatu di luar negara, berlaku kemarau panjang segalanya, bencana alam, saya rasa kalau makanan tak masuk tentang beras ni lah. Kita penting beras. Mustahak kepada kita. Kerana itu makanan asas

kita, ini perkara yang serius. Cuma satu saya minta begini punya kesungguhan walau pun ada peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada bidang padi itu sendiri maka perlu satu perkara saya minta sekiranya berlaku ah! Ini dia. Berlaku sesuatu yang diperlukan oleh pihak IADA Barat Laut. Sesuatu perkara yang perlu mendapat kelulusan Kerajaan Negeri berkaitan dengan tanah untuk menaik taraf pengairan dan saliran mereka maka tolonglah bagi kerja sama bagi menyelesaikan perkara itu demi untuk faedah kepada para pesawah. Itu satu perkara yang dapat saya luahkan supaya membolehkan kita menjamin padi itu ada di situ dan bekalan ini sekurang-kurangnya mencukupi sebahagian daripada permintaan Negeri Selangor dan juga rakyat Malaysia amnya. Itu perkara pertama. Perkara kedua tentang pertanian. Perkara yang lain, ya, sayur-sayuran, ubi, keladi. Perkara ini perlu. Memang banyak, banyak usahawan banyak peladang, banyak petani yang mengusahakan perkara ini. Cuma pada mereka hendak membesarkan lagi. Nak memperbanyakkan keluasan kawasan-kawasan kadang-kadang kita perlu memberi galakkan sokongan pada mereka dan kadang-kadang kita perlu bagi modal pada mereka. Masalahnya satu ialah, berkaitan dengan kawasan yang terhad. Tanjung Sepat pun bangkitkan tadi. Banyak tanah-tanah kerajaan kosong, tanah rizab yang boleh ditanam serai. Taman ubi kayu. Biarlah tanaman begitu yang berbentuk begitu. Jangan tanam sawit. Ah! tanam sawit susahlah kita. Tanam tanaman yang boleh bila sampai masanya nanti kerajaan mengeluarkan notis kepada siapa ini pengusaha-pengusaha untuk mereka kosongkan kawasan itu. Kalau sawit dan lain-lain Kerajaan Negeri terpaksa keluarkan duit untuk pembersihan kelapa sawit. Ah! Itu susah. Yang membenarkan untuk tanaman-tanaman sayuran. Kerana kita Selangor sendiri pun kalau mengikut pada rekod yang saya baca apa yang ada di dalam negeri Selangor pun dia makan lebih banyak dari apa yang kita keluarkan. Nampak tu. Selangor terlampau ramai, terlampau padat manusia di dalam negeri Selangor ni. Tuan Speaker, ya, bagi membolehkan perhatian diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam perkara ini. Memberi kebebasan atau kebenaran bertulislah. Jangan beri TOL. Nanti dah jadi hak dia. TOL bila dah dapat seolah-olah macam dia punya. Kebenaran bertulis yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah membolehkan mereka bercucuk tanam, tanam yang dibenarkan sahaja bagi membolehkan apa yang ada hari ini dapat dipertingkatkan dan memberi peluang kepada petani-petani atau pun peladang-peladang meningkatkan hasil, membolehkan benda ini banyak dalam pasaran boleh dikeluarkan dihantar sendiri dipasarkan sendiri atau melalui pasar-pasar yang dipanggil apa tu pasar-pasar tani melalui rakyat kita dapat barang yang *fresh* dan juga murah. Itu dia dan membolehkan kebenaran diberi kepada mereka sebagai pengusaha atau membolehkan mereka dapat meluaskan hasil mereka. Tak cukup satu ni Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Nak jadi peladang jaya kebangsaan seterusnya diangkat sebagai anugerah perdana. Itu dia. Tak cukup satu. Sebenarnya kita ramai. Tapi itulah anugerah yang dapat satu persatu tapi inilah kadang-kadang satu contoh mereka dah ada dah buat, kalau boleh dibantu lagi dan dibesarkan lagi. Yang kecil ini yang dah ada dibesarkan lagi. Besarkan lagi jadi bertambah bilangan seperti pagi tadi soalan mulut bertentangan daging segar tadi

yang saya sentuh. Ini dia. Peluang-peluang untuk penternak-penternak yang ada ni membolehkan mereka mendapat sokongan-sokongan daripada pihak Kerajaan Negeri dan kerajaan Persekutuan dalam perkara ini membolehkan perbanyakkan lagi makanan menampung rakyat negeri Selangor itu sendiri dan juga rakyat di luar daripada Negeri Selangor. Kemudian berkaitan dengan nelayan ya, saya sebut nelayan ya, macam saya tak nampak peruntukan, tapi ada. Ada disebut oleh pihak-pihak Yang Berhormat EXCO berkaitan dengan pemberian sampan, enjin sangkut, pukut dan sebagainya. Ada saya sebut tapi saya tak nampak masuk. Jadi benda ini kadang-kadang Kementerian Pertanian ini terlalu luas satu Malaysia nak dijaga. Kadang-kadang ada nelayan kita yang kurang bernasib baik yang tidak punya kemampuan perlu pembelaan ini yang perlu diberi, bab-bab enjin, dan juga enjin sangkut atau pun sampan. Perlu diberi. Di samping itu kerajaan Persekutuan kita sedia maklum memberi sara hidup nelayan memang dah diberi bagi membolehkan mereka yang punyai apa ni kemampuan keinginan untuk ke laut dapat bantuan daripada kita sama ada kerajaan Persekutuan LKIMnya atau daripada pihak Kerajaan Negeri membolehkan mereka ke laut. Pertama nelayan-nelayan pantai atau pun nelayan tradisional. Tapi satu perkara jangan kita lupakan nelayan darat ni. Nelayan sungai ini. Saya suka bawa perkara nelayan sungai ini kerana banyak dalam soalan-soalan bertulis, saya suka bawa perkara ini. Kadang-kadang terlepas pandang. Siapa yang jaga mereka. Adakah LUAS. Lembaga Urus Air Selangor yang menjaga. Bila saya tanya dia kata Lembaga Urus Air Selangor, kadang ini masalah kadang-kadang kita tahu kemarau panjang yang berlaku di dalam satu kawasan kadang-kadang sungai habis. Ikan, udang galah habis kadang-kadang. Tak ada. Jadi bagaimana hendak pulihkan balik keadaan itu maka perlu dibantu mereka dengan dibawa benih-benih ini dilepas balik ke anak sungai. Mereka perlu, mereka perlukan sebab apa ini sokongan. Begitu juga kadang-kadang yang ada saya dah bertanya soalan bertulis pada tahun lepas, saya tanya tentang sungai Selangor tidak ada jawapan. Kadang-kadang pening kepala. Itu kawasan saya. Ah! Itu dia, sungai Selangor ya. Tak ada jawapan, tak ada susulan. Jadi perkara ini, itu perkara yang perlu kita lihat sama dan juga jeti-jeti ini. Jeti-jeti ini bukan kita boleh buat sebarang sahaja Y.B. Sekinchan ya. Ini tanah kerajaan. Ya tak boleh buat suka-suka jadi perlu, bila ada keperluan di sebelah pantai, atau pun keperluan di sungai untuk didirikan jeti bagi membolehkan nelayan pantai dan tradisional nelayan darat, membolehkan mereka menambat sampan-sampan mereka tolonglah kerja sama yang diperlukan bagilah kelulusan. Kadang-kadang peruntukan ada daripada kerajaan Persekutuan, nak buat di sana sini kadang-kadang kebenaran tanah tak ada. Jadi, bila ada permintaan begitu berilah kebenaran bagi membolehkan, membolehkan dua pihak ini atau yang penting pada kita ialah nelayan itu sendiri mendapat tempat yang elok bagi mereka turun naik menangkap ikan. Itu perkara yang ketiga berkaitan dengan nelayan. Begitu juga dari segi satu perkara yang saya hendak nyatakan di sini Tuan Speaker yang berkaitan dengan ramai hari ini kita lihat, ramai usahawan dah naik hasil daripada penternakan, hasil daripada pertanian menyebabkan mereka berpindah kepada perusahaan industri kecil dan sederhana. Ya. IKS maka menyebabkan mereka ini juga banyak dan

memasarkan barang dan perlu dibantu. Dibantu juga, perlu dipromosikan barang-barang mereka bagi membolehkan mereka membesarkan lagi, sebab itu saya katakan tadi bila hendak membesarkan lagi perlu ada kawasan. Misal kata kerepek ubi, perlu ada kawasan untuk menanam ubi. Kalau setakat kawasan yang ada hadnya seperti kawasan 10 ekar contohnya, setakat 10 ekar dia tidak boleh berkembang, sedangkan kita sedia maklum hari ini pasaran ke luar negara khususnya di Timur Tengah ada barang jadi aje. Sekarang ini. Ini masalah kita bagi membolehkan usahawan kita yang sedia ada. Yang sedia ada ini dapat membantu dan mereka terus ke luar seperti mana ayat yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Dato' Perdana Menteri kita, Dato' Seri Najib dan juga yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam perkataan tadi *supply chain, global supply chain*. Maknanya cukup luas sekarang ini. Saya berada dalam forum-forum yang berkaitan dengan peladang, penternak dan nelayan. Inilah cerita, tapi benda tu tak cukup. Kawasan tak ada membolehkan mereka kembangkan usaha mereka membolehkan mereka hantar ke luar negara. Itu perkara yang saya nak sentuh bagi berkaitan dengan apa kaitan yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sentuh perkara itu masuk ke jiwa saya. Maka saya luahkan balik. Ya. Kerja sama antara dua pihak, pertama perkara ini tidak boleh dipolitikkan. Ini manusia adalah rakyat mengusahakan kita ini nak makan. Maka perlunya jaminan bekalan makanan negara ini perlu dititik beratkan. Bersama-sama titik beratkan ya.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Melawati, masa sudah mencukupi. Nak benarkan Dengkel mencelah.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Sikit lagi.

**TUAN SPEAKER:** Dan tak ada masa dah.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Dah tak ada masa. Jahat, dia mengacau saya aja hari ini.

**TUAN SPEAKER:** Ringkaskan Bukit Melawati, ya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Cadangan-cadangan.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Cadangan-cadangan ya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tambahan sikit tambahan. Benarkan. Speaker dah benarkan. *Okay*, saya hendak bertanya ke Bukit Melawati, kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dia ada buat program jom tani. RM500.00 diberikan kepada rumah-rumah atau pun individu yang hendak bercucuk tanam di dalam rumah. Untuk menanam tanaman yang boleh dimakan atau pun juga boleh dijadikan saraan pendapatan tambahan. Jadi saya fikir ini satu perkara

yang baik. Adakah Yang Berhormat setuju kalau Kerajaan Negeri Selangor juga berbuat perkara sedemikian. Terima kasih.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Ya, terima kasih. Sebenarnya kalau kita lihat kepada apa yang tertulis dalam ucapan belanjawan ada tertulis di situ. Ada di *quote*. Ada. Bermakna Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar saya daripada dapat rasakan, yes, sama kata dia. Dia sebut tu. Saya bacakan ayat itu ada di dalam ni hah. Mana saya jumpa, ah! Ini dia. Ya. 97 untuk pembangunan masyarakat nelayan dan petani, cheh, Kerajaan Negeri akan bekerja sama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menjayakan program-program ekonomi nelayan tradisi, pemasangan sistem ais pemulihan kolam sangkar, program jom bertani. Ada. Tapi tak spesifik. Baca habis, baca habis. Dewan ketawa. Saya teruskan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ringkaskan. Satu minit, satu minit.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Saya ringkaskan. Jom Bertani adalah satu program yang sedang berjalan sekarang dan akan disambung oleh Kementerian di tahun hadapan. Ya. Benda ini bersambung, fasa ya. Jadi benda ini pada saya memang perlu, bahawa benda ini kita ada satu kawasan dah dapat dibagi *info* pertanian contohnya, perusahaan jadi kita tak ada modal jadi maknanya apa hasil kita dapat kita sambung lagi, sambung lagi, memberi galakkan kepada petani buat kerja ini. Itu dia. Jadi, apabila ada tertulis di situ maka perlulah sama-sama kita tingkatkan, saya tahu Jabatan Pertanian ada peruntukan sekarang ini kalau hendak tanya saya Y.B. Sekinchan kelapa ini permintaan tinggi tau. Kelapa. Tanaman kelapa. Betul. Habis kelapa dah. Tengok tu habis. Tanam kelapa kita dah habis, Sabak Bernam dah habis.

**Y.B. TUAN NG SUE LIM:** Saya sokong. Saya sokong.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Setuju sungguh. Jadi, saya nampak saya dah tengok ada peruntukan tanaman kelapa, sekarang ini permintaan kelapa itu tinggi kerana dah ada pokok kelapa dah kurang, maka permintaan tinggi, memang ada peruntukan tapi nampak kecil sangat, kalau boleh diperbesarkan lagi. Ya. Begitu juga pisang. Pisang pun dah kena dah. Sabak Bernam hancur. Hari ini pisang, ubi kayu, keledak, keladi tinggi permintaannya, Speaker. Rakyat Selangor ini banyak, bawak situ potong, jual, goreng laku. Cukup tinggi permintaannya. Jadilah kesimpulan, kesimpulan kepada perkara ini saya nyatakan bahawa kalau niat baik yang dinyatakan oleh yang di luar oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berkaitan dengan Kementerian Pertanian kita sama-sama turun kerja bagi membolehkan rakyat. Pertama mereka boleh mendapatkan pendapatan yang tinggi. Kedua kita semua dapat makan. Betul Y.B. Sekinchan. Ah! Ada duit, kalau tak ada kita tak dapat ya. So, beri rumusan untuk tutup dan beri masa untuk nak bangun. Macam mana saya nak cakap, saya nak tutup. Akhirnya, ah! Akhirnya, tak payah,

tak payah, akhirnya ramai benar nak bercakap kita tangguhkan seberapa yang boleh.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Bukit Melawati, ucapan yang paling bernas daripada Barisan Nasional.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Bukan paling bernas, saya dah tua saya tak nak balas balik semua cakap, nak balas balik cakap boleh tapi saya tak hendak. Cukuplah saya tua dan yang tua ini biarlah saya tua, bagilah yang muda nak balas membalas, biarlah saya ini tua yang tua. Untuk pengetahuan Tuan Speaker dalam ramai-ramai ini saya yang paling tua, dalam ramai-ramai ini ada 12 orang ini, saya yang paling tua jadi biar kita jadi sikap orang tua ya, jadi rumusannya kata tadi bersamalah. Mana yang boleh bersama, bersama yang penting kerjasama dari segi soal tanah, kebenaran segera diberikan kepada segala perancangan demi untuk mereka rakyat dan juga untuk kita balik dari segi makanan. Boleh cerita tentang kawasan sikit tak?

**TUAN SPEAKER:** Satu minit Bukit Melawati. Hormat orang tua Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Terima kasih Tuan Speaker, banyak soalan kawasan saya masuk melalui bertulis dan juga soalan mulut. Terima kasihlah bagi cermin mata, saya tak perlu tak ada benda nak baca ya. Satu perkara yang kita sedar, bulan 10, 11, 12 dah musim, musim apa tengkujuh hujan ya. Dah tahu dah, semua orang dah tahu dah tiap-tiap tahun kalendar ini berulang. Saya sedih baru-baru ini kita tahu satu bulan Melayu dan 15hb Melayu adalah air pasang, bila berlaku hujan berpanjangan maka bertakunglah air di kampung di sana sini. Bila air pasang kunci air tak boleh buka, dah surut baru lepas. Yang menjadi masalah baru-baru ini di kawasan saya, ialah saya pun sedih juga ya kadang, bila saya terjah sendiri, saya pun terjah juga jangan kata saya tak terjah seorang-seorang saya bawa kereta berjalan ya. Jangan cakap Yang Berhormat saya pun terjah juga dahulu. Dapat tahu terus saya masuk kawasan hutan sorang-sorang buat kerja tanpa pengetahuan orang. Saya masuk, saya lihat 3 kunci air ok, bila timbul masalah air, saya tengok kunci air rendah tapi kenapa di atas sana tinggi. Semak punya semak, siasat punya siasat rupa-rupanya parit-parit itu rumputnya tidak, paritnya tidak dikorek sampai rumput itu keluar. Air itu tak boleh nak cepat turun ke bawah. Jadi yang sana ok yang sini tersangkut, jadi ladang-ladang ini banyak yang tenggelam. Jadi bila saya tanya rupanya sebut harga dah keluar oleh pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran tetapi lambat yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dimenangi tawaran atau sebut harga tersebut. Jadi itu yang melambatkan benda itu tak dapat dikorek, air nak lepas. Ini masalah dari segi sistem kerja, tolonglah perbetulkan dah tahu bulan 10, 11 dan 12 ialah musim hujan, keluarkanlah segala sebut harga dan *list* sebelum musim hujan, jadi begitulah yang dapat saya nyatakan jadi...

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Mohon mencelah...



**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Dah saya nak tutup dah

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Tak sikit saja, perkara ini penting terima kasih.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Oh nak sebut nama kawasan. Ok kalau dah cakap macam itu saya sebutkan kawasan Kampung Asahan Ladang yang dikuasai oleh Sime Darby Selangor River termasuk kunci air ...

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Tak nak bagi ke tak bagi ini?

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Bagi apa ini? Bagi nama tempat ke bagi apa ini?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Bagi laluan.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Oh nak tanya ... ok bagi.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Ok terima kasih.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Saya ingat nak bagi nama tempat.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Ok terima kasih Bukit Melawati bukan bila disebut soal banjir ini, saya tertarik hati kerana banyak kawasan-kawasan DUN kita memang banjir. Seri Muda 6, 7 tahun bawa dalam Dewan Negeri tapi sampai hari ini pun belum dibuat. Jadi apa yang saya nak sebut pada Bukit Melawati ialah peruntukan RM200 ribu yang diberikan oleh Kerajaan Negeri itu untuk bantu kerja-kerja yang macam inilah. Kalau ada pihak lambat buat Y.B. guna peruntukan itu untuk membantu menyelesaikan masalah rakyat itu yang pertama. Yang kedua saya tertarik dengan apa Yang Berhormat sebut bantuan RM500.00 ya saya hendak patah balik sekejap Puan Speaker sebab ini penting ya. Kita dapati ini dulu ada satu jabatan kementerian di peringkat Pertanian, Kementerian Pertanian memberikan bantuan beras untuk rakyat atau pun singkatannya apa itu BUBUR ya. BUBUR apa, bantuan beras untuk rakyat itu SUBUR, bubur pula perginya. SUBUR, saya hendak tahu apakah sebab Yang Berhormat tadi sebut soal pertanian, bekalan makanan tak cukup, apa jadi dengan SUBUR ini, mohon sedikit penjelasan terima kasih.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Terima kasih, hai macamlah Ismail Sabri saya ini ya. Berkaitan dengan yang hendak dikait dengan segala yang berlaku dengan peruntukan yang diberi, saya rasa ini kerja Jabatan Pengairan dan Saliran. Dah ada peruntukan dah, cuma lambat mengeluarkan sebut harga sehingga masuk bulan 10, 11 dan 12. Yang saya sedih ini Tuan Speaker, saya tak tahu sama ada 10 sebut harga yang dikeluarkan itu satu mesin yang bekerja ke atau 10 mesin yang

bekerja. Kalau satu mesin yang bekerja memang tak sampai *round* dia sampai ke 10, tapi kalau satu kontraktor satu mesin saya ingat serentak kita boleh jalan cepat. Jadi ini nak kena Jabatan Pengairan dan Saliran kena ambil apa yang saya nyatakan ini, saya tak nak ulas panjang perkara itu. Jadi oleh kerana SUBUR ini saya pun dah terlupa apa ceritanya, SUBUR ini dah terlupa dah saya. Oh dah diganti dengan BRIM ya, saya pun tak tahu saya pun dah kabur, dah kabur dengan perkara ini Tuan Speaker. Saya tak dapat nak bagi penjelasan kepada Yang Berhormat ya. Jadi bila sebut JPS, saya tak tahulah mungkin peruntukan tak ada jadi saya minta merayu kalau boleh kunci air lama, kunci air itu kecil ya, di Kampung Pauh, Kampung Asahan, Kuala Selangor. Kampung Pauh, Kampung Asahan Kuala Selangor supaya dapat lebih peruntukan supaya diganti. Sebelah kunci air besar *under repair*, ditutupnya nak buat kerja-kerja, air pasang besar, hujan lebat tak boleh buka. Saya terjah dekat situ buka, air lepas yang sebelah tahun lepas saya terjah, dia *repair*, tahun ini dia dah empat, lima, enam, 1 meterlah bahasa sekarang meter dah lari. Bermaknanya kalau itu tidak diganti silap-silap hari bulan air yang masuk, air yang masuk-masuk ini akan masuk pecahlah dia putus jalan, ah tenggelamlah rumah-rumah yang ada sana. Jadi minta Kampung Pauh, Kampung Asahan Kuala Selangor supaya dapat diminta peruntukan, dipertimbangkan bagi membolehkan dia diganti balik kunci air yang kecil itu membolehkan, memudahkan laluan air dan juga hubungan jalan sekiranya benda itu berlaku kecemasan. Jadi itu sahaja, jadi itulah yang dapat saya nyatakan terima kasih Tuan Speaker beri peluang kepada saya dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ya, yang menyentuh apa yang saya sebut, terima kasih jadi saya dalam keadaan ini peluang pertama kali saya berbahas dalam Dewan ini tanpa tengok teks. Fasal saya berani kata ini untuk pengetahuan yang maklum saya memang ini saya peladang penternak memang biasa pada saya sebab itu saya boleh berani bercakap dalam perkara ini. Itu sahaja terima kasih diberi peluang ya. Jadi sekian *wabillahhi taufiq walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**TUAN SPEAKER:** Dalam Dewan ini tak senang nak bezakan siapa penyokong kerajaan siapa pembangkang (dewan tergelak). Ha Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** *Bissmillahir rahmannir rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Puan Speaker kerana memberi ruang untuk saya dalam perbahasan Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Tadi Speaker sebut tak boleh berpantun tapi saya nak mohon kebenaran satu pantun.

**TUAN SPEAKER:** Morib boleh kuatkan sikit tak dengar dari sini.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Separa bebas gelaran diberi sebenarnya *backbenchers* tetap di kerusi, semuanya sudah mengerti UMNO yang tetap gigit jari. Terima kasih Puan Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas bajet pada kali ini. Di mana Pembangunan Berkualiti, Rakyat

Dipeduli tema yang bertepatan dengan kehendak rakyat Selangor, tema yang bukan sahaja satu slogan semata-mata namun ianya dapat memenuhi keperluan pembangunan dan program-program baru yang dapat memacu pembangunan fizikal dan pembangunan modal insan Negeri Selangor. Pembaharuan yang cuba dibawa oleh yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam bajet kali ini antaranya adalah bajet RM200 ribu untuk Ahli-ahli Dewan dari pembangkang. Malangnya pemberian ini ditolak, Ketua Pembangkang dah keluar dah, malangnya pemberian ini ditolak oleh Ketua Pembangkang dengan alasan kerana prinsipnya saya pun tidak faham apa prinsipnya yang dipegang. Tetapi jawapan daripada Ketua Pembangkang ialah kerana Menteri Besar tidak ikhlas, ini menunjukkan tidak kematangan UMNO Barisan Nasional dalam isu ini. Ya mungkin kerana untuk meneruskan agenda tidak memberi bajet kepada wakil rakyat pembangkang di peringkat Parlimen. Maka ADUN pembangkang di DUN Selangor dipaksa untuk menolak peruntukan tersebut tetapi saya kira keikhlasan dan juga perancangan Dato' Menteri Besar dalam hal ini dapat diteruskan dan Ahli-ahli Pembangkang bolehlah menggunakan peruntukan tersebut untuk rakyat. Dan dikatakan bahawa tidak adil ADUN *backbenchers* mendapat RM700 ribu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya terima kasih. Kalau ikut laporan akhbar atau pun media yang terbaru yang membuat liputan langsung daripada PAU (Perhimpunan Agung UMNO) PAU, difahamkan bahawa mereka menolak peruntukan ini kerana dikatakan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri UMNO mempunyai wang yang banyak. Tidak memerlukan peruntukan daripada Kerajaan Negeri, barangkali ini kerana mereka PAU pun banyak. Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat sedarkah atau pun setuju ini salah satu sebab mereka menolak.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Saya tidak pasti terhadap persoalan tersebut tetapi apa yang saya maklum ADUN Barisan Nasional sendiri telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Ada yang mengatakan RM300 ribu setahun, ada yang saya maklum RM500 ribu setahun, jadi maknanya RM500 ribu yang telah dapat maka yang Kerajaan Negeri peruntukan yang RM200 ribu jadi seimbanglah. Jadi apa yang dikata oleh Ketua Pembangkang bahawa tidak adil RM200 ribu tersebut maka saya kira sebenarnya adillah, cukuplah. Memadai kerana telah mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM500 ribu campur RM200 ribu dan juga mungkin ada peruntukan-peruntukan tambahan yang lain.

Seterusnya perkara kedua yang hendak saya bangkitkan dalam pada perbahasan ini adalah pada tahun 2015 adalah tahun di isytiharkan Tahun Melawat Selangor dan antara destinasi pelancongan di Negeri Selangor adalah pantai Morib. Pantai Morib

telah menjadi tumpuan dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan sepanjang tahun. Pada tahun lepas lebih kurang 30 program-program yang besar telah dianjurkan di Pantai Morib. Pada kali ini juga lebih kurang angka yang sama melibatkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, aktiviti ceramah agama, ceramah motivasi, ceramah politik, aktiviti perniagaan dan ekspo, aktiviti hiburan dan santai dan seumpamanya. Antaranya adalah program Karnival Jems daerah Kuala Langat yang dianjurkan oleh EXCO Modal Insan dalam EXCO yang sebelum ini. Dan juga program Perhimpunan Motosikal Retro Terbesar di Malaysia yang melibatkan lebih kurang 4100 motor retro model tahun 70-an dan 80-an dan telah mencatat *Malaysia Books of Record*. Kejohanan Bola Sepak Pantai Terbuka Selangor, Pesta Adiburuku, mungkin di tempat lain tak ada Pesat Adiburuku ini oleh masyarakat India. Dan yang akan berlangsung *Morib Tryptelon 2014 International* yang melibatkan 25 buah negara.

Jadi saya kira dengan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam isu pelancongan ini dan melalui EXCO Pelancongan telah menurunkan bajet yang signifikan, walau pun saya kira masih perlu dipertingkatkan, menaik taraf di pantai Morib, di pantai Kelanang dan juga program-program di pantai Morib banyak dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Dan juga selaras dengan tujuan membesarkan lapisan kelas menengah dan menjana pertumbuhan berkualiti, pembangunan di pantai Morib haruslah diteruskan. Penglibatan di peringkat swasta dan pemilik-pemilik tanah juga haruslah diberi galakan dan di pantai Morib ini hanya terdapat 2 buah hotel untuk kemudahan pelancong-pelancong di kawasan pantai Morib. Dan walau pun hanya terdapat 2 buah hotel ini yang kira bertaraf 4 atau 3 bintang, antara masalahnya adalah masalah pencemaran bau. Khususnya di kawasan Morib Gold Coast yang mana pencemaran bau ini telah menimbulkan banyak masalah dan juga kalau kita lihat, saya pun daripada awal pembangunan hotel ini pun saya agak ragu tentang keadaan di hotel ini. Adakah boleh maju atau pun tidak, tapi dengan keberanian pihak pengusaha dan juga sambutan dan juga strategi pemasaran yang dibuat oleh pengusaha maka perkara ini dapat masih bertahan dan juga semakin maju. Cumanya masalah pencemaran tersebut, masalah bau ini agak berlarutan walau pun semakin berkurangan tetapi di peringkat Pejabat Daerah Kuala Langat, peringkat Jabatan Veterinar saya kira dan juga jabatan-jabatan yang berkaitan, Jabatan Alam Sekitar haruslah mengambil inisiatif dan juga mengambil langkah-langkah yang sepatutnya termasuklah juga Majlis Daerah Kuala Langat. Dalam isu ini iaitu terdapatnya penternakan khinzir di kawasan yang berdekatan dan juga menjadi masalah terutamanya apabila saya ada mendapat laporan bahawa terdapat pelancong, ya pelancong daripada luar negara yang telah *check-in* di hotel tersebut tetapi apabila terhidu bau busuk tersebut terutamanya pelancong daripada Timur Tengah mereka amat sensitif dengan bau khinzir ini, maka terus *check-out* dan tidak jadi untuk menginap di hotel tersebut.

Jadi masalah pencemaran ini adalah serius dan saya kira seharusnya Kerajaan Negeri mengambil berat terhadap isu ini. Mungkin juga bersangkutan dengan rancangan '*modern pig farming*', yang telah dirancang oleh pentadbiran sebelum ini.

Juga di Daerah Kuala Langat terdapat, di DUN Morib terdapat Bukit Jugra, dan juga Pantai Kelanang dan juga *homestay*, yang saya kira bersangkutan dengan pelancongan, haruslah diperhalusi dan juga dipertingkatkan bajet dan usaha-usaha menaikkan taraf dan juga memperbaiki keadaan sekeliling kawasan yang berkenaan.

Seterusnya, saya nak menyentuh berkaitan dengan program-program merakyatkan ekonomi Selangor yang di dalam bajet memperuntukkan sebanyak RM277.3 juta. Saya kira penjenamaan semula untuk program-program merakyatkan ekonomi Selangor ini haruslah dilaksanakan. Penjenamaan ini bukanlah hanya melibatkan dari segi, dari segi nama ataupun dari segi slogan sahaja, tetapi dari segi pelaksanaan. Sebagai contohnya, program OICC, yang sebelum ini yang kita tahu, kalau program SMUE, Skim Mesra Usia Emas, ataupun skim TAWAS dan lain-lain tu, mungkin agak tidak menimbulkan masalah kerana kita dapat lihat, kita dapat rasai, kita dapat, rakyat dapat menikmati, program tersebut. Tetapi untuk program OICC, saya kira banyak, walaupun benda itu dari segi aspek, peranan di hospital kerajaan

**TUAN SPEAKER:** Morib, satu minit lagi, Morib, tolong ringkaskan.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Ya, terima kasih. Walaupun OICC ini adalah perkara dari segi promosi sahaja, tetapi pihak *Standco* yang berkenaan haruslah mempertingkatkan, maknanya memperbaiki, di manakah, apakah sesuatu program MES itu perlu kita lihat. Sebagai contohnya, terdapat 17,000 yang berdaftar untuk e-ibu, untuk program ibu tunggal, tetapi program Jom *Shopping* untuk ibu tunggal diperuntukkan hanya sebanyak RM376,600.00, yang telah dijawab dalam soalan EXCO yang berkaitan. Maka saya kira program-program yang berkaitan dengan ibu tunggal ini haruslah dipertingkatkan. Seterusnya adalah berkaitan dengan Pusat Wanita Berdaya, yang mana saya difahamkan bajet untuk Pusat Wanita Berdaya ini hanyalah RM1,000,000.00, sebahagian daripada RM1,000,000.00 untuk wanita, *Standco* Wanita. Saya kira haruslah dipertingkatkan. Walaupun bajet ini tidak mencukupi, diharapkan dapat ditambah melalui bajet-bajet yang lain, melalui bajet GLC, atau seumpamanya. Dan juga khusus di DUN Morib program-program PWB telah berjalan dengan baik. Kelas jahitan, kelas memasak, kelas gubahan, kelas seramik dan sejak ditubuhkan sehingga sekarang mungkin ada beberapa ketikanya agak perlahan, tetapi sepanjang tahun saya kira PWB ini sentiasa memohon bajet daripada saya, daripada peruntukan DUN, untuk melaksanakan banyak program. Jadi kalau timbul isu perjawatan, timbul isu untuk memberi elaun, saya kira isu elaun itu, kita kena selesaikan secepat mungkin. Kalau ada DUN yang telah melantik, DUN yang telah aktif, boleh diteruskan. Tak payah tunggu semua DUN dapat nama, baru nak dilaksanakan, tetapi dari segi elaun tu, ada yang tadi, Meru ada sebut. Ada *time frame*. Saya kira kalau katalah, Januari kita mula bagi elaun, siapa yang, DUN yang dah bagi nama dan telah ada aktiviti, kita teruskan lantikan tersebut. Dan akhirnya, akhirnya, saya ingin menyentuh sedikit

tentang GLC, iaitu Hotel Quality, contohnya, yang telah ditutup dan juga pengurusan Plaza Perangsang, ada satu ketika dalam beberapa hari yang lalu, saya masuk ke dalam itu, untuk bersolat. Saya nampak *banner*, saya nampak *banner* dekat Plaza Perangsang, ada Program Cegah Denggi. Saya pun hairan juga, dalam bangunan ni kenapa ada program yang macam ini. Rupa-rupanya bila bersolat tu, memang nyamuk banyak di kawasan hotel tersebut dan saya kira dengan pentadbiran yang baru, Kerajaan Negeri yang baru, pada hari ini, diharapkan dapat mengambil inisiatif untuk sama ada memulihkan ataupun menswastakan hotel tersebut atau seumpamanya. Kita dah ada aset, adalah rugi untuk kita membiarkan begitu sahaja. Apa sebab hotel tersebut ditutup, kita tidak pasti. Mungkin ada perlu penjelasan daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab. Saya kira perkara ini dapat di ambil perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri. Jadi akhirnya saya dengan ini menyokong bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekian terima kasih. *Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih, Puan Speaker. *Bismillahir rahmannir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER:** Sepuluh minit, ya, Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ya, *insya-Allah*. Batu Tiga juga ingin mengambil bahagian belanjawan 2015 ini. Disebabkan ini julung-julung kali perbincangan belanjawan dapat saya ikuti. Saya ada beberapa perkara untuk saya sentuh dalam bajet ini. Seperti mana kita lihat belanjawan yang dinantikan adalah untuk memberi manfaat kepada rakyat terbanyak, untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan ekonomi untuk rakyat. Inovasi dasar dan program-program kebajikan, sosioekonomi, politik dan juga memberi jaminan kepada *inclusively* keadilan dan kesamaan dengan hubungan dua hala, rakyat, kerajaan dan mesra. Jadi dengan ini, Speaker dan Dewan yang mulia, ingin saya membangkitkan beberapa perkara. Pertamanya tentang strategi yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, iaitu membesarkan lapisan kelas menengah melalui program hijrah. Saya melihat dalam rangka membesarkan lapisan kelas menengah melalui program hijrah ini, adalah satu jangkaan yang saya jangkakan tujuannya adalah untuk membebaskan golongan pendapatan rendah untuk boleh memasuki kategori golongan ataupun lapisan kelas menengah dengan beberapa inisiatif program yang dinyatakan. Oleh itu, saya ingin menyatakan di sini, kepentingan golongan kelas menengah boleh dilihat sebenarnya daripada sumbangan mereka di dalam pembinaan negara. Sebab itu saya bersetuju dengan bajet yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, saya ingin mempersoalkan beberapa perkara iaitu apakah bentuk golongan pertengahan yang ingin dicapai oleh kerajaan Selangor. Apakah bentuk lapisan yang ingin dibina ini oleh kerajaan Selangor, dengan konteks,

siapakah mereka ini. Berapakah pendapatan mereka secara bulanan dan tahunan yang ingin kita capai. Dan apakah capaian ia hanya dalam bentuk angka-angka pendapatan, dan apakah kayu ukur, kayu ukur yang ingin kita letakkan. Perkara ini saya timbulkan agar akhirnya nanti, pihak kerajaan mudah membuat satu pertimbangan semula, kesan daripada program-program hijrah yang dilaksanakan ini, akan menghasilkan golongan-golongan yang berpendapatan pertengahan.

Kalau menurut statistik 2012, mengenai golongan pertengahan di Malaysia. Golongan pertengahan atasan berpendapatan RM10,000 ke atas. Golongan pertengahan peringkat pertengahan adalah RM8,000.00 ke atas hingga RM10,000.00. Dan golongan pertengahan rendah adalah berpendapatan RM3,000.00 hingga RM8,000.00. Jadi isu ini perlu dibahaskan dan dibincangkan lebih teliti oleh pihak kerajaan semoga ia mudah untuk kami selaku Wakil Rakyat mengukur juga pendapatan rakyat kami di kawasan-kawasan masing-masing untuk peningkatan ini dapat dicapai. Begitu juga kalau lihat bagaimana menurut maklumat daripada *world bank*. Golongan berpendapatan sederhana ini jatuh dalam kategori umur lingkungan, dalam lingkungan 30 tahun hingga 40 tahun. Dan pada tahap ini mereka mempunyai anak, kebanyakan anak-anak masih berumur bawah 18 tahun. Dan masih belum lagi memasuki institusi pengajian tinggi. Jadi perbelanjaan persekolahan dan sara hidup anak-anak hari ini adalah sangat tinggi, sedang mereka adalah golongan nanti yang akan membayar cukai kepada kerajaan. Jadi dengan ini, saya mempersoalkan perkara-perkara tadi, akibatnya, sebenarnya, kalau kita melahirkan golongan pertengahan kita juga kena mengambil kira bebanan-bebanan yang mungkin mereka tampung dan saya juga ingin mengesyorkan kepada kerajaan supaya usaha-usaha, bukan sahaja membebaskan kemiskinan yang ada tetapi melihat juga golongan pertengahan yang sekarang ini jumlahnya amat besar dalam negeri Selangor. Atas dasar itu saya ingin mengatakan di sini, satu kajian atau seboleh mungkin Kerajaan Negeri mestilah mempunyai satu kajian dan peruntukan khas bagi program hijrah ini bagi mempunyai pelan tindakan khas khusus sehingga memungkinkan rakyat Selangor, lapisan pertengahan berpendapatan tertentu yang mana saya mencadangkan supaya pendapatan yang dicadangkan adalah sebanyak RM4,500.00 sebulan.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan Negeri Selangor, saya ingin menyatakan beberapa perkara dalam aspek keusahawanan. Skim-skim Usahawan Mikro Kredit, SkimSel, MIMBAR, dan dana usahawan yang lain yang diumumkan amat baik. Walau bagaimanapun, kerajaan juga perlu mempertimbangkan, memberi ruang untuk para usahawan, untuk boleh berniaga dengan lebih selesa. Memandangkan isu sekarang ini bagi mereka yang menceburi bidang usahawan ini ataupun mereka yang mengambil pinjaman Mikro ini menghadapi masalah untuk memasarkan ataupun berniaga kerana tidak mempunyai premis-premis perniagaan sesuai ataupun yang berlesen. Hasilnya mereka terpaksa berniaga tanpa lesen di tepi-tepi jalan ataupun mereka menumpang di mana-mana tempat yang saban kali mereka di saman oleh pihak Majlis Tempatan. Oleh itu cadangan saya, satu usaha untuk menyediakan

tapak-tapak perniagaan untuk golongan usahawan awalan perlu di jadikan satu fokus oleh setiap PBT dengan merancang penambahan sama ada gerai-gerai statik mahupun gerai-gerai bergerak yang menggunakan kenderaan yang bersesuaian dan berinovatif tinggi serta sesuai dengan ciri-ciri kawasan bandar raya dan perbandaran. Ini juga perlu melihat bagaimanakah besarnya ataupun *demand* permintaan golongan usahawan peringkat bawahan ini.

Seterusnya, Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan, saya amat gembira bila ada satu strategi yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, iaitu memberdayakan ekonomi hawa dan generasi muda. Saya gembira, bila ia diambil maklum ataupun diambil berat kerana ia sesuai dengan pelan tindakan wanita Selangor sejak 2009 lagi, yang telah menggariskan beberapa kepentingan 12 golongan wanita. Jadi ekonomi merupakan salah satu daripada fokus kepentingan wanita, dalam konteks teknologi informasi dan komunikasi wanita amat berguna dan memerlukan kemahiran untuk menjalani kehidupan seharian. Saya mencadangkan supaya cadangan untuk melebar jalur, melebar besarkan jalur Internet ke kawasan-kawasan yang telah dinyatakan. Ia amat bersesuaian dan saya mencadangkan supaya fokus tempat-tempat yang mereka dalam golongan rumah kos rendah dan juga sederhana ini. Diletakkan *hotspot*, *hotspot* ini selain daripada tempat-tempat tumpuan. Kerana bagi sekarang, wanita-wanita, khususnya suri rumah juga adalah mereka yang telah pun *IT literate*, dengan izin, kadang-kadang tengok resipi, kadang-kadang tengok *tips-tips* penjagaan dan sebagainya, memerlukan internet yang baik. Tapi walau bagaimanapun saya merasakan, saya juga menggesa pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyediakan satu bajet yang cukup, bukan sahaja berkaitan akses kepada internet, tetapi dana khusus tentang pembedayaan wanita dengan menjadikan Pusat Wanita Berdaya satu hub bagi wanita berkemahiran dalam bidang-bidang lain. Dengan lokasi yang boleh di akses dan memudahkan suri-suri rumah dan golongan rendah pertengahan ini menambah kemahiran dan seterusnya menambah ekonomi mereka. Saya membangkitkan isu ini, disebabkan saya tidak nampak, sama ada dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ataupun mana-mana peruntukan di dalam Buku Belanjawan selain RM1,000,000.00 yang pastinya tidak mencukupi. Tadi saya juga tengok tadi Morib menimbulkan perkara yang sama.

Seterusnya saya ingin mencadangkan supaya belanjawan 2015 memperlihatkan hasrat untuk memberdayakan wanita ini kerana bajet pembangunan yang amat kecil ini jika dibandingkan dengan populasi wanita, khususnya dalam merapatkan jurang gender dalam bidang pekerjaan, kesihatan dan partisipasi politik amat kurang. Jadi minta mohon supaya bajet ini dinilai, ditambah. Isu yang berkaitan dekat dalam kawasan saya iaitu isu Up-Town. Saya selaku wakil rakyat Batu Tiga begitu gembira dan mengucapkan terima kasih bila mana Kerajaan Negeri bersimpati terhadap nasib 446 peniaga di Kompleks Up-Town, baru-baru ini. Dengan peruntukan RM18 juta yang dinyatakan, saya mengharapkan ia dapat menyelesaikan beberapa perkara, tetapi persoalan daripada saya. Saya ingin tegaskan di sini, selain



mengambil kira ciri-ciri keselamatan dan kemudahan moden semasa pembinaan tersebut, saya mohon untuk diberikan penumpuan terhadap kes-kes aduan yang sering timbul di dalam kawasan tersebut, gangguan kenderaan dan lalu lintas. Tiada *parking* yang mencukupi, bunyi bising melebihi 24 jam melebihi 24 jam iaitu kadangkala sampai hampir pagi karaoke dan sebagainya yang kini pihak Majlis Bandaraya Shah Alam maklum perkara ini kerana Up Town Seksyen 24 ini berada di dalam kawasan perumahan yang padat dan hampir sangat dengan penduduk-penduduk sekitar. Jadi perlu adanya satu zon penampang yang bersesuaian agar ianya dapat dipastikan tidak ada masalah yang mendatang. Selain itu saya juga memohon agar peniaga-peniaga di Up Town ini diberikan keutamaan kepada operator mereka yang benar-benar berniaga bukanlah mereka diberikan tapak tetapi selepas itu menyewakan pula tapak itu kepada pihak lain. Jadi untuk itu saya mengharapkan supaya EXCO usahawan dan pihak kerajaan meneliti siapakah mereka yang akan dapat memohon atau pun dapat berniaga di dalam kawasan ini. Kerisauan saya ini adalah kerana mahu saya mahu melihat hab Up Town ini benar-benar mercu tanda dan boleh dicontohi pada masa-masa akan datang dan boleh juga dibanggakan dengan kecekapan pengurusan dan keadaan yang teratur. Bukan nanti saban hari nanti pula bila ada bangunan yang tersergam indah tetapi tiap-tiap hari saya terpaksa menguruskan aduan-aduan daripada rakyat khas untuk isu Up Town. Dan yang akhirnya Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin menyentuh tentang isu JKKK atau pun Jawatankuasa Kemajuan Kampung saya yakin dengan kenaikan elaun kepada JKKK ini amat menggembirakan Ketua Kampung seramai 446 orang. Walau bagaimana pun saya juga memohon agar pihak kerajaan menimbangkan kenaikan peruntukan tahunan kepada mereka iaitu sekarang ini JKKK daripada 10,000 saya mencadangkan supaya ianya dinaikkan kepada 30,000 setahun. Kerana saya begitu simpati pihak-pihak JKKK ini kadangkala tidak ada mempunyai peruntukan khas walaupun di kawasan saya hanya 4 JKKK tetapi saya melihat sebagai suatu yang kolektif di mana JKKK perlu sedikit peruntukan untuk memastikan kemajuan dan keselamatan kampung benar-benar dapat dilaksanakan. Oleh itu saya harap dana ini dapat dipertimbangkan dan ianya bukanlah banyak sangat kalau dibandingkan daripada penambahan benda-benda lain yang ada *insya-Allah*. Itu sahaja daripada saya akhir sekali sebagai penutup ucapan saya, saya mengharapkan pentadbiran baru di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjalankan tanggungjawab dengan penuh kompeten, bertanggungjawab, berhemah, telus dan lebih efisien kepada rakyat Negeri Selangor sesuai dengan dasar pembangunan kualiti rakyat dipeduli. Sekian sahaja saya menyokong bajet ini dengan pandangan-pandangan yang terakhir terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS B. AHMAD:** *Bismillahir rahmanir rahim, Assalamualaikum warahmatuli wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker yang telah memberi saya peluang untuk bahas bajet Negeri Selangor 2015. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar

yang telah dilantik oleh Pakatan dan juga sub-sub EXCO baru dan saya hormati tuan-tuan, Y.B.-Y.B. sekalian yang telah sabar untuk menunggu. Saya dalam hujahan saya, saya tidak mahu sentuh dari segi pembangunan fizikal sebab banyak penghujah-penghujah telah beri penjelasan tentang semua. Di sini saya ingin menyentuh tentang pembangunan insan dari segi insan saya dapati peruntukan dari bajet Negeri Selangor amat kurang sebab saya kata begitu saya kalau kita tengok dari segi kesihatan. Kalau ikut panduan daripada WHO sepatutnya peruntukan kesihatan sepatutnya 4% daripada total bajet. Tetapi kalau kita tengok dalam bajet amat kurang, saya tahu dari segi peruntukan kesihatan atau khidmat kesihatan di bawah jagaan Kerajaan Persekutuan tetapi yang saya nak tekankan rakyat Selangor sepatutnya oleh sebab kita ada kewangan kita kena jaga mereka. Sebab kesihatan rakyat penting untuk membentuk satu pembangunan yang maju dan sihat. Yang saya tekankan ialah kesihatan kalau kita tengok dari pencegahan kita ada program pencegahan tetapi apa jadi pada insan yang telah sakit, yang saya dapati dalam belanjawan kita rakyat dipedulikan. Ini rakyat sihat yang dipedulikan tetapi rakyat yang sakit kita pedulikan. Kita sebagai Kerajaan Negeri Selangor sepatutnya yang tiada upaya yang sakit kita kena pedulikan juga.

Tuan Speaker saya dapati saya sarankan masalah ini sejak saya mula jadi ahli dewan, saya dapati bahawa banyak pesakit-pesakit yang terlantar di kampung-kampung, mereka semua miskin Kampung India, Kampung Melayu, Kampung Cina sakit kronik. Tetapi mereka dinafikan khidmat kesihatan yang sepatutnya diberi khidmat kesihatan ialah suatu hak asasi manusia, *human right* macam juga pendidikan. Sepatutnya kita kena buat suatu struktur ialah Kerajaan Persekutuan dia membina hospital tetapi tiap-tiap hari, *every day services* kepada pesakit-pesakit ini amat kurang. Sebab saya dapati kita boleh bayangkan apasal kita sakit terlantar bila kita tua di rumah, anak-anak bekerja mereka tidak mampu untuk pergi ke klinik, pergi ke hospital untuk rawatan, sakit darah tinggi, kencing manis, yang sakit strok terlantar sebab anak-anak mereka bekerja. Jadi mereka tidak dapat khidmat kesihatan yang sepatutnya yang saya sedih bila saya melawat mereka kita tengok ubat, kita tengok *last* dia jumpa doktor 3 bulan sudah tetapi saya kata pakcik kenapa ubat masih ada mereka kata saya nak *save*, jimat, saya makan ubat itu satu biji tiga atau empat hari kali. Patut ke ini berlaku di Selangor, kalau sakit darah tinggi, kencing manis patutnya ubat itu kena makan tiap-tiap hari sebab mereka tidak ada kemampuan untuk pergi ke klinik. Jadi kalau kita nak pedulikan rakyat ini salah satu aspek kesihatan, kita lupakan apa yang kerajaan persekutuan buat, bajet mereka untuk kesihatan kekurangan, kita sepatutnya jangan ikut cara mereka. Kalau 4% disarankan oleh WHO bajet kita sepatutnya sekurang-kurangnya ikut kiraan 120 juta sepatutnya diberi alokasi untuk kesihatan. Sekarang kalau kita tengok dari kesihatan wanita, budaya wanita kekurangan. Jadi saya sarankan kepada Kerajaan Negeri Selangor kaji semula khidmat kesihatan kepada rakyat yang kurang sihat. Salah satu ya kita boleh wujudkan satu khidmat kesihatan yang bergerak, tiap-tiap daerah sepatutnya ada macam di luar Negara yang maju mereka ada *disfesnes* untuk tengok pesakit-pesakit yang terlantar di rumah-rumah. Kita maju, kita nak

maju dari segi fizikal tetapi dari segi perikemanusiaan kena prihatin tentang orang-orang yang tidak upaya untuk mendapat rawatan kesihatan yang sepatutnya. Saya harap EXCO kesihatan akan kaji semula peruntukan ini. Itu sahaja saya nak beritahu sebab ini dah petang lain aspek-aspek pembangunan lain semua telah disentuh jadi saya ucapkan terima kasih dan lagi sekali tahniah kepada bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya terharu sebab sejak saya jadi ADUN saya sarankan pembangunan desa dari mula saya punya ucapan pun pembangunan desa dan saya terharu tengok peruntukan untuk desa, untuk membangunkan desa telah meningkat. Saya harap peruntukan ini akan kurangkan jurang sosial ekonomik yang berbeza antara desa dan pekan. Sekian ribuan terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Speaker *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam satu Malaysia. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan bajet 2015 Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor ke Tiga Belas. Di kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah dilantik menjadi Menteri Besar yang baru kira-kira dua bulan yang lepas. Walaupun dengan pelbagai cabaran ada yang kecewa, ada yang sedih, ada yang gembira, berbagai-bagai langkah termasuk langkah Kajang, ada yang kena gantung, ada yang menandatangani surat sumpah, ada yang tarik balik surat sumpah akuan bersumpah, ada mungkin api dalam sekam tetapi akhirnya..

**TUAN SPEAKER:** Dengkil saya akan potong masa hingga lima minit ya. Saya nak *straight* kepada bajet kerana masa sudah suntuk dah cepat.

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF:** Sampai pukul 7 boleh.

**TUAN SPEAKER:** 5 minit cepat.

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF:** Tetapi akhirnya dengan izin Allah SWT Yang Amat Berhormat dinobatkan sebagai Menteri Besar. Tahniahlah Jalankanlah tanggungjawab ini dengan penuh amanah. Terima kasih saya ucapkan juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana sempat juga turun ke Dengkil menerjah ke Dengkil, saya tidak sambut dengan karpet merah. Dato' Menteri Besar juga tidak suka karpet merah tapi saya sambut dengan memberikan memorandum rakyat Dengkil kepada Dato' Menteri Besar. Terima kasih di atas tindakan responsif dan proaktif yang dapat menyelesaikan juga beberapa masalah. Di antaranya jambatan runtuh Cyberjaya, Putra Perdana yang mana Dato' Menteri Besar mengarahkan supaya ianya disiapkan seberapa segera dan saya difahamkan pada pertengahan tahun 2016. Nak minta supaya Dato' Menteri Besar juga mengarahkan

supaya ada *short time solution* dengan izin untuk mengatasi masalah lalu lintas yang begitu teruk. Yang mana masih lagi belum diusahakan. Yang kedua di dalam ucapan bajet Dato' Menteri Besar juga ada menyatakan berkenaan dengan masalah perumahan Taman Permata yang telah dapat diselesaikan proses pengambilan tanah pada 18 November yang lalu. Saya mengalu-alukan usaha ini dan saya juga telah pun memaklumkan kepada Kementerian KPKT mereka menunggu surat rasmi daripada Kerajaan Negeri dan kalau sudah dihantar bolehkah juga sesalinan kepada saya buat susulan kepada KPKT. Ini merupakan satu contoh kerjasama kerajaan persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri memberikan peruntukan hampir 12 juta untuk mengambil alih tanah tersebut. Kerajaan Persekutuan memperuntukkan 4 kali ganda 48 juta walaupun nilainya tidak sama Sekinchan tetapi ada kerjasama di situ 48 juta untuk membina rumah mampu milik atau pun rumah teres satu tingkat kepada 400 bekas pekerja-pekerja lading. Dan ini harus diteruskan persoalan saya berikutnya saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar apakah yang akan terjadi dengan Flat Taman Permata yang sedia ada.

Cadangan saya supaya Flat Taman Permata ini dinaik taraf supaya ia boleh dijadikan juga rumah mampu milik yang boleh menambah lagi anak-anak Dengkil atau rakyat negeri Selangor untuk memiliki rumah. Kalau kita dah ada 400 unit kalau kita tambah 5 blok Flat Taman Permata juga ada 400 unit tambahan lagi. Dan ini juga boleh kita jalankan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan juga kerajaan persekutuan. Dan yang ketiga saya juga membangkitkan tentang isu masjid Dengkil yang baru yang mana ini juga telah dijadikan satu konsep usaha sama juga daripada JAIS dan kerajaan Persekutuan. Masjid ini telah diperuntukkan RM5 juta sama banyak peruntukan nak disediakan tetapi masalahnya masalah kawasan rayau orang asli di tapak baru yang hendak dibina masjid itu. Saya mohon jasa baik Dato' Menteri Besar supaya dapat menyelesaikan segera masalah ini agar masjid Dengkil yang baru akan terbina. Yang keempat saya juga ingin menyatakan masalah banjir. Sekarang ini untuk makluman di kawasan saya masih lagi bergelumang dengan air banjir di kampung-kampung Sungai Buah, Jenderam Hilir, Kampung Semarang, Seri Tanjung dan juga kampung orang asli Paya Rumput. Isunya adalah masalah perparitan, saluran yang perlu diperbaiki semula, diperbesarkan ban-ban atau benteng-benteng sungai yang sedia ada perlu dinaiktarafkan yang ini memerlukan peruntukan yang banyak dan peruntukan untuk pengambilan tanah orang kampung supaya sistem perparitan di situ dapat kita naik taraf di samping kita bayar juga sedikit pampasan kepada orang kampung. Saya ada pergi kepada isu lain, isu yang seterusnya setelah saya menyentuh isu berkenaan isu tempatan saya ingin mendapat menarik perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan ingin mendapat penjelasan berkenaan dengan soal hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2015. Saya ingin mendapat penjelasan bagaimana peruntukan kerajaan Persekutuan yang begitu besar disalurkan terus kepada kumpulan wang yang disatukan Kerajaan Negeri Selangor hampir RM853 juta anggaran pada tahun 2015 di manakah letaknya peruntukan ini dalam kategori hasil Kerajaan Negeri. Ia lebih

besar RM850 juta lebih besar daripada hasil cukai RM550 juta hasil bukan cukai mungkin ia termasuk dalam hasil bukan cukai yang berjumlah RM1 bilion lebih dan ia sudah pasti lebih besar daripada terimaan bukan hasil iaitu RM219 juta. Apa yang ingin saya kaitkan di sini bagaimana satu peruntukan yang besar yang saya pasti kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak maklum berkenaan dengan ini bagaimana kerajaan Persekutuan juga memberikan sumbangan yang banyak untuk hasil dan rizab Negeri Selangor. Saya ingin sebutkan satu persatu ada sebelas item atau pun perkara yang perlu kita tahu supaya kita boleh jelaskan juga kepada rakyat bagaimana peruntukan ini boleh digunakan atau dimasukkan dalam rizab kerajaan Selangor. Yang pertama, pemberian kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor, pemberian mengikut bilangan orang yakni membantu Kerajaan Negeri dalam perbelanjaan mengurus berjumlah RM64.7 juta anggaran pada tahun 2015. Pada tahun 2014 Kerajaan Negeri mendapat RM64.3 juta. Tahun 2013 RM63.9 juta.

Yang kedua, yang ini kita semua sedia maklum. Pemberian penyelenggaraan jalan negeri ataupun MARRIS. Anggaran tahun 2015 RM595 juta seperti mana yang disebut oleh Menteri Besar hampir RM600 juta pada tahun 2014 RM523 juta. Kategori yang ketiga iaitu pemberian berdasarkan tahap ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan hidup ini untuk membantu negeri-negeri yang tahap pembangunan

**TUAN SPEAKER:** Dengkil, ini perbahasan bajet. Dengkil buat pengumuman bagi kerajaan Persekutuan. Tolong ringkaskan 1 minit. Ada sebelas *point*.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Sekejap saya cuba ringkaskan. Saya nak supaya kita maklum.

**TUAN SPEAKER:** Yang itu di Parlimen. Kerajaan Persekutuan akan buat pengumuman di Parlimen.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ini sebahagian daripada hasil. Tuan Speaker yang budiman saya memohon. Ini sebahagian dari hasil yang diperuntukkan kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. No.3 tadi sekejap saya habiskan RM16 juta. Kemudian pemberian di bawah senarai bersama kerajaan Persekutuan membiayai 50% daripada perbelanjaan mengurus agensi berikut. Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Sukan Negeri, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Pemberian kepada Perpustakaan Negeri, tadi Yang Berhormat Kajang juga sebut fasal Perpustakaan Negeri.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, minta laluan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** 50% diperuntukkan oleh kerajaan Persekutuan iaitu bernilai RM8.4 juta. Ya sahabat saya Kota Anggerik.

**TUAN SPEAKER:** Tolong jangan kacau dia ya Dengkil. Cepat Kota Anggerik nak tanya soalan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Semua ini tanggungjawab kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Dengkil tak payah nak ungkit-ungkit dalam dewan ini. Kalau boleh Yang Berhormat Dengkil minta lebih lagi pada kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Semua Yang Berhormat ada baca senarai-senarai itu. Ini tak ada kena mengena dalam Dewan ini.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Kota Anggerik. Saya akui ia peruntukan kerajaan Persekutuan tapi kena dimaklumkan dalam Dewan ini sebabnya kalau hasil kita tu RM1.97 juta 853 hampir separuh daripada bantuan kerajaan Persekutuan. Ok saya teruskan nanti masa saya kena potong.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi 1 minit saja. Dengkil tolong ringkaskan. Kesimpulannya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Bantuan kepada Muzium Negeri. Ini kesimpulannya. Bantuan perkhidmatan, pemberian pertambahan hasil. Saya kira pemberian khas tahunan Selangor. Ini khas bila kita hilang Putrajaya dan sebagainya. Dan akhirnya pemberian bantuan bil elektrik kepada PBT sebanyak RM22 juta. Ahli-ahli Yang Berhormat saya nak nyatakan di sini bahawasanya kerajaan Persekutuan juga banyak memberi sumbangan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Ini tidak termasuk peruntukan pembangunan berjumlah RM4.5 bilion, sekolah, hospital, balai polis dan sebagainya.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Minta laluan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Yang Amat Berhormat nak jawab sekarang ni?. Yang Amat Berhormat saya minta Yang Amat Berhormat jawab masa menggulung nanti dan saya minta juga kalau boleh Yang Amat Berhormat bagi pengiktirafan terima kasih kepada kerajaan Persekutuan walaupun Yang Amat Berhormat kata itu telah menjadi tanggungjawab sesuai dengan tema belanjawan yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar, pembangunan berkualiti, rakyat di peduli, kerajaan Barisan Nasional

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Minta laluan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Dah lama juga sudah mempedulikan rakyat negeri Selangor dengan apa yang saya sebutkan sebentar tadi.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil, ucapan ini memang akan banyak menjemput banyak pencelahan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya nak minta penjelasan bukan nak gulung.

**TUAN SPEAKER:** Ok, Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya sama ada Yang Berhormat Dengkil tahu tak GDP atau KDNK negara Malaysia ini 25% datang dari Selangor bererti berbilion-bilion disumbangkan oleh Selangor tapi yang dibagi balik cuma beratus juta sahaja. Itu tak cukup sebenarnya. Hanya tak sampai 2% daripada GDP yang disumbangkan kepada Selangor. Faham tak?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Faham Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasihlah pada negeri Selangor.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Faham. Nantilah dulu. Berbilion-bilion juga kerajaan persekutuan bagi untuk merencanakan pelaburan buat MRT, buat LRT semuanya berjumlah berbilion-bilion. Terima kasih kita kepada kerajaan Persekutuan. Akhirnya saya ucap terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk berbahas pada kali ini. Saya mengundur diri. Ok. Saya nak minta penjelasan nanti untuk Yang Amat Berhormat gulung seterusnya bagi pengiktirafan kepada kerajaan Persekutuan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya akan bagi 5 minit kepada Teratai, Gombak Setia, Pandamaran dan Teluk Datuk kerana mereka betul-betul nak berbahas. 5 minit seorang. Tolong ya. Tak ada mukadimah, tak ada pantun. Terus kepada point. Teratai dulu.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya mohon untuk guna mikrofon Sungai Pelek kerana mikrofon saya telah rosak.

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih. Tuan Speaker, terima kasih kerana membenarkan Teratai yang mewakili 201,390 penduduk untuk menyertai perbahasan ini. Tuan Speaker, Selangor menyumbang 23.7% KDNK Malaysia akan tetapi kerajaan Pusat tidak memberi 23.7% daripada jumlah bajet kerajaan pusat kepada negeri Selangor malah terdapat sebahagian daripada bajet kerajaan pusat di tarik balik seperti peruntukan tambahan yang telah diberikan kepada JKM Selangor

sebelum tahun 2008. Seperti mana yang diucapkan oleh Dato' Menteri Besar, 40% permintaan tenaga Malaysia datangnye dari Selangor dan Wilayah Persekutuan. Daripada 40% berkenaan 28.1% daripada Selangor dan Negeri Selangor telah mengambil langkah proaktif membenarkan TNB melaksanakan projek talian tetapi TNB tidak membuat kajian lanjutan seperti mana apa yang telah dilakukan oleh TNB dalam melaksanakan kabel bawah tanah di Putrajaya.

Ada 5 minit sahaja. Tanah di Selangor adalah terhad malahan masalah pemasangan pencawang elektrik TNB berlaku di kawasan perumahan ataupun di tengah kawasan *commercial* di Negeri Selangor. Teratai sesungguhnya percaya dengan pelaksanaan kabel bawah tanah ini sepertimana yang telah dilakukan di Negara-negara lain dan Putrajaya yang sememangnya memerlukan penyelenggaraan dengan izin *Maintenance TNB*. Negeri Selangor sepatutnya menjadi negeri peneraju dengan mengambil satu langkah ke depan dan jadikan negeri Selangor satu negeri berteknologi tinggi.

Puan Speaker, dalam bajet 2015 Kerajaan Selangor telah memperuntukkan 67 juta kepada Unisel lebih daripada 50 peratus jumlah berkenaan iaitu jumlah 40.73 juta untuk membaiki sistem pembedungan di kampus Bestari Jaya sistem pembedungan sepatutnya di bawah bidang kuasa IWK ataupun kerajaan pusat tetapi kerajaan Selangor kini terpaksa membelanjakan lebih untuk melaksanakan kerja-kerja kerajaan pusat. Kerajaan pusat BN memotong 12 peratus ataupun 1.05billion untuk institusi pengajian tinggi awam bagi bajet tahun 2015. kerajaan Selangor yang berasaskan rakyat tidak seperti mana kerajaan BN. Kerajaan Selangor telah menyediakan RM16 juta memberi pinjaman boleh ubah kepada pelajar cemerlang di Selangor. Teratai berharap Kerajaan Pakatan Rakyat boleh menjadi Kerajaan Pusat tidak lama kemudian supaya pendidikan percuma dapat diberikan kepada anak-anak yang masuk ke Universiti. Kerajaan Selangor yang mementingkan pendidikan ataupun *capital investment* dengan izin telah memperuntukkan RM2 juta untuk Institut Darul Ehsan, dan RM5 juta sebagai biasiswa bagi pengajian bidang spesifik.

Teratai berharap Kerajaan Selangor dapat memberi senarai bila manakah Kerajaan Selangor akan memberi biasiswa berkenaan memandangkan bajet Selangor adalah terhad. Teratai mengalu-alukan usaha kerajaan yang mementingkan pendidikan bukan sahaja dari segi intelektual bahkan rohani. Teratai berharap kerajaan Selangor, bukan sahaja memberi bantuan kewangan tetapi juga memberi tanah untuk tapak beribadat di Negeri Selangor yang mana tanah merupakan bidang kuasa kerajaan Selangor di bawah Perlembagaan Persekutuan. Teratai juga mencadangkan agar satu dasar supaya satu projek pembangunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Selangor atau kerajaan tempatan di bawah Negeri Selangor dapat merizabkan sebahagian tanah pembangunan untuk tempat beribadat samada untuk orang Islam ataupun selain Islam.



Jawatan PWB yang sepatutnya wujud sekian lama ini PWB yang seharusnya merupakan penyelia hal ehwal wanita dan keluarga di setiap DUN masing-masing serta menyusun program PWB di DUN masing-masing untuk maklumat Dewan, ahli-ahli Yang Berhormat Teratai menganjurkan program bulanan melalui PWB untuk golongan wanita termasuklah forum, bengkel dan sebagainya dengan menggunakan peruntukan Teratai sendiri. Tanggungjawab PWB untuk meringankan beban Yang Berhormat- Yang Berhormat di DUN masing-masing tidak harus dipandang remeh maka Teratai mencadangkan supaya elaun PWB dengan jumlah 1500 diberikan selaras dengan gaji minimum Kerajaan Negeri Selangor. Peruntukan dengan jumlah 30,000 untuk setiap untuk program-program PWB ini adalah sangat penting kerana ini merupakan lebih daripada sesetengah jumlah pengundi Negeri Selangor merupakan wanita. Sokongan wanita amat penting sebagai sokongan kepada negeri Selangor. Selaras dengan strategik tempat pembangunan keijiranan hijau Teratai akan menganjurkan program tanam 100 pokok 100 harapan yang mana setiap pokok akan diangkat dengan izin *adopted* oleh penduduk setempat supaya penduduk berkenaan akan bertanggungjawab menjaga pokoknya dengan harapan penduduk-penduduk kepada Kerajaan Negeri Selangor kita tidak mahu tindakan menanam pokok sewenang-wenangnya terlebih juga mendidik rakyat jelata supaya menjaga pokok-pokok dengan kasih sayang dan tidak menanam pokok semata-mata. Barangkali kerajaan tempatan telah menanam pokok di tempat awam tetapi insiden *vandalisme* berlaku sehinggalah pokok-pokok yang bernyawa dan berharga tidak dapat tumbuh dengan baik.

Dengan *plan* yang baik dari Kerajaan Selangor dalam tahun 2015 Teratai turut berharap kerajaan Selangor memberi perhatian di kawasan pinggir Bandar yang bukan Bandar yang bukan desa seperti mana DUN Teratai. Masalah kesesakan lalu lintas yang telah Teratai bangkitkan semenjak tahun 2013 iaitu semenjak sidang pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas masalah kesesakan lalulintas ini boleh diringkankan dengan menyediakan perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan awam Teratai berharap kerajaan Selangor dapat memberikan perkhidmatan bas percuma bukan sahaja di kawasan pentadbiran MBSA, MBPJ, MPSJ dan MPK semata-mata. Teratai yang mewakili lebih daripada 200,000 orang memohon kerajaan Selangor supaya mengkaji dan mengadakan satu *plan* tindakan untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas di sekitar kawasan DUN Teratai dengan kemudahan pengangkutan awam yang efisien Teratai yakin ini dapat meningkatkan lagi kadar ekonomi di kawasan pinggir Bandar DUN Teratai.

Akhir kata, Teratai dengan sukacita menyokong ucapan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2015. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** *Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera, pertama terima kasih Puan

Speaker, kedua saya ingin mengucapkan tahniah kepada YAB Dato' Menteri Besar dan Saff EXCO, ketiga saya ingin merakamkan ucapan tahniah ke atas bajet yang saya kira memenuhi aspirasi dan kehendak bagi kita meratakan keadilan kepada semua pihak ini sesuai dengan ayat Allah *Subhanallahuwataala* dalam surah" An-Nahl ayat 10"- hadis: sesungguhnya Allah memerintahkan supaya diberikan keadilan dan kebaikan dan saya kira sekiranya kita terus konsisten dan saya yakin pentadbiran YAB Dato' Menteri Besar akan terus konsisten melakukan keadilan kepada semua pihak *insya-Allah* kita akan dapat merasai kemakmuran dan keadilan itu sehingga tahap yang mana kita sering sebut. Contohnya di zaman pemerintahan khalifah Umar Abdul Aziz walaupun dalam tempoh dua tahun memerintah tetapi keadilan yang dirasai turut oleh seluruh makhluk termasuklah haiwan dan binatang.

Ketiganya saya ingin menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Sultan Selangor dan tahniah kepada Jabatan Mufti yang telah menganjurkan Multaqa Sultan Sharafuddin dan saya cadangkan supaya pengisian dalam Multaqa dan seminar ini dipanjangkan dan diatur secara konsisten ke masjid-masjid dan surau-surau, sebagai salah satu usaha kita untuk memberikan kefahaman dan ilmu kepada rakyat di negeri Selangor yang akhirnya akan memberikan suatu program pembangunan modal insan yang bermanfaat kepada Negeri Selangor.

Keempatnya saya ingin mengucapkan terima kasih ke atas daya usaha dan inisiatif YAB Menteri Besar yang memulakan dengan langkah kanan pentadbiran beliau dengan memperkenalkan *program total clean* di setiap PBT dan inilah yang kita harapkan kebersihan berlaku di semua peringkat namun kita juga perlu mengambil perhatian terhadap mungkin usaha-usaha atau pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan dan mengaut keuntungan dengan menggagalkan usaha murni kita ini, kita lihat di sekitar Selangor ini berlaku pembangunan yang rancak termasuklah berlakunya pembinaan MRT dan apa yang menjadi kekecewaan kepada kita ada di antara sampah-sampah buang daripada projek-projek pembangunan ini dibuang ke dalam negeri Selangor. Saya sebut sebagai contoh DUN Gombak Setia di Sungai Pusu, dan juga di Batu 9 antara tempat yang menjadi mangsa yang mereka-mereka yang ingin meraih keuntungan segera bagaimana sampah-sampah ini, sampah-sampah bersifat ini dibuang ke tempat-tempat berkenaan sehingga menyebabkan kacau ganggu keselesaan kepada penduduk-penduduk yang berhampiran.

Justeru Gombak Setia menyarankan dan mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri menyusun penguatkuasaan secara serius dan konsisten dan memerlukan dokongan daripada semua pihak. Saya ucap terima kasih kepada Dato' Pegawai Daerah dan juga Tuan YDP MPS yang sentiasa turun padang bila mendapat laporan seumpama ini.

Yang kelimanya saya ingin, mengucapkan terima kasih ke atas kesinambungan program kebajikan rakyat terutama melalui program Rakyat Ekonomi Selangor. Saya harap program ini dapat dikaji dan dibuat perubahan sesuai dengan kehendak

dan keperluan semasa. Seumpamanya Skim Mesra Usia Emas mungkin boleh difikirkan supaya skim ini dapat memberikan manfaat kepada warga emas jika mereka masih lagi hidup bukan diberikan setelah kematian warga emas dan juga Program Jom *Shopping* untuk warga emas ini wajar diteruskan dan tidak hanya dibuat ketika mereka berusia ataupun mencapai usia hari jadi 60 bagaimana dengan nasib mereka yang telah melepasi 60 sedangkan belum melalui Program Jom *Shopping* tersebut.

Yang keenamnya saya juga menyokong tumpuan produk pelancongan di Selangor yang akan memberikan tumpuan kepada pelancongan sukan saya nak cadangkan supaya pihak negeri dapat mengambilkira produk ataupun acara sukan berbasikal. Sebab kita lihat hari ini acara-acara berbasikal ini juga sering menggunakan jalan-jalan atau tempat-tempat yang ada di dalam negeri Selangor terutamanya seperti di Gombak Utara yang menjadi laluan *Le Tour De Langkawi* pada tahun lepas. Dan saya kira pada tahun ini juga walau bagaimanapun laluan-laluan tersebut tidak sesuai dan perlu dinaiktarafkan demi keselamatan dan akan meningkatkan lagi nama Selangor di persada sukan tersebut. Akhirnya yang kelima saya ingin bangkitkan sekali lagi yang saya kira dua perkara ini merupakan inisiatif awal YAB Menteri Besar ketika sidang DUN yang lalu. Pertama saya pohon supaya Masjid Zakaria Batu 8 yang saya kira telah kali kedua dibangkitkan dalam sidang DUN ini tapi diharapkan pada tahun depan nampaklah tiangnya di kawasan berkenaan. Dan yang keduanya isu tanah di Gombak Indah yang juga diinisiatifkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada tahun 2008 yang dibahagikan kepada dua fasa yang mana fasa pertama telah selesai, walau bagaimanapun pada fasa kedua telah berlaku kekeliruan umpamanya kekeliruan tersebut ada yang dapat geran ada yang tak dapat geran dan diberikan alasan tak dapat itu walaupun rumah mereka sebenarnya sebelah menyebelah tanah tersebut sebelah menyebelah jadi saya harap dan saya pohon supaya perkara ini dapat diberikan pertimbangan dan *insya-Allah* ianya akan dapat diselesaikan dalam tempoh yang terdekat. Saya kira sekadar itu, terima kasih saya menyokong bajet belanjawan yang dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar.

**TUAN SPEAKER:** Teluk Datuk

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih kepada Puan Speaker kerana mengizinkan saya mengambil bahagian untuk membahaskan ucapan belanjawan Selangor 2015 yang bertemakan Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipedulikan. Saya mewakili rakyat Teluk Datuk ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada YAB Bukit Antarabangsa dilantik menyandang jawatan Menteri Besar Negeri Selangor dan juga barisan EXCO yang baru diberikan tugas dan amanah Teluk Datuk tidak lupa juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Abdul Khalid Mantan Menteri Besar dan juga mantan EXCO-EXCO yang telah banyak berjasa dan berkhidmat.

Puan Speaker saya terus kepada isi kandungan, Teluk Datuk dengan rasa rendah diri meminta Kerajaan Negeri mencari jalan penyelesaian untuk menyelesaikan masalah banjir yang berulang di kawasan pekan Banting khususnya di Taman Aman, Taman Sari, Taman Beringin, Taman Muhibbah dan kawasan perumahan di persekitarannya. Untuk makluman dewan yang mulia ini kejadian banjir ini sering berulang bukan sahaja ketika musim hujan tetapi berlaku juga paras air Sungai Langat naik, saya sendiri pantau jaringan sistem perparitan dan longkang sedia ada nampaknya jelas tidak dapat menyuraikan air hujan kerana reka bentuknya yang cetek, sempit dan tidak cukup dalam. Apatah lagi sistem pembinaan perparitan dan longkang tersebut berumur lebih 20 tahun tidak dapat menampung pertumbuhan pesat penduduk dan pembangunan perumahan perniagaan di pekan Banting.

Puan Speaker saya meminta Kerajaan Negeri meluluskan kerja-kerja pembangunan naiktaraf sistem perparitan atau pun longkang untuk membantu menyuraikan isu banjir ini yang selama menghantui penduduk-penduduk disitu. Selain daripada itu Teluk Datuk ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya membina sebuah jambatan baru yang dapat menyambungi Kampung Sungai Sedu ke Jalan Teluk Bunut, Banting Selangor. Teluk Datuk rasa pembinaan jambatan ini perlu untuk menyuraikan masalah kesesakan yang semakin hari semakin sibuk di Jalan Sultan Abdul Samad pekan Banting.

Puan Speaker, penduduk-penduduk yang tinggal di Bandar Saujana Putra, Jenjarom ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri untuk menyuraikan kesesakan kenderaan di persiaran Saujana Putra iaitu sebelum bulatan jalan raya menghala ke tol, lebuh raya ELITE dan juga SKVE. Kesesakan yang serius berlaku di lokasi itu khususnya pada waktu pagi dan masa lepas kerja. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawasan taman perumahan ini mempunyai penduduk seramai lebih daripada 35 ribu orang. Angka penduduk ini dijangka bertambah lagi kerana pembinaan rumah dan lot perniagaan masih giat dijalankan oleh pemaju perumahan. Justeru itu, saya meminta Kerajaan Negeri melalui Permodalan Negeri Selangor Berhad membuat kajian semula terhadap kesesakan jalan di lokasi yang saya sebutkan tadi, sama ada pembinaan *flyover* dengan izin adalah terdesak di lokasi tersebut. Penduduk-penduduk telah meminta agar sebuah *flyover* di bina sebelum bulatan jalan raya Bandar Saujana Putra untuk menghubungkan jalan keluar masuk lebuh raya elit dan juga SKVE.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya ingin mencadangkan juga supaya pemaju-pemaju perumahan di Bandar Saujana Putra menanggung sepenuhnya kos pembinaan tersebut. Saya rasa tanggungjawab sosial perlulah dipikul oleh pemaju perumahan demi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat tempatan. Selain daripada itu, isu lama yang ingin saya sentuh dan bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini di Bandar Saujana Putra Jenjarom, tidak mempunyai sekolah rendah kebangsaan, sekolah menengah serta sekolah agama di kawasan perumahan ini. Ibu bapa perlu menghantar anak-anak mereka bersekolah di kawasan persekitaran

Puchong. Saya ambil maklum bahawa perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan tetapi saya dengan rasa rendah diri ingin meminta Kerajaan Negeri cuba membantu untuk meleraikan isu demi kepentingan rakyat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Bandar Saujana Putra juga memerlukan pembinaan sebuah dewan serba guna awam untuk kegunaan masyarakat tempatan untuk mengadakan aktiviti dan program, memberikan manfaat kepada warga di BSP.

Puan Speaker, saya menyambut baik Kerajaan Negeri berhasrat untuk menaikkan nama dan memberikan jaminan suasana belajar kondusif di Unisel. Saya ingin mendapatkan penjelasan dan pandangan Kerajaan Negeri bagaimanakah langkah dapat diambil untuk *rebranding* dengan izin UNISEL di hati rakyat Selangor. Saya rasa Unisel haruslah mempunyai daya saing yang cukup kukuh untuk menarik lebih ramai pelajar melanjutkan pelajaran di sini, khususnya anak kelahiran Negeri Selangor. Saya rasa mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan setiap warga anak kelahiran Selangor akan memilih Unisel sebagai institusi pelajaran tinggi sebagai pilihan pertama. Dan saya rasa ini cukup mencabar untuk Kerajaan Negeri untuk melaksanakannya. Puan Speaker, dalam pada itu saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. EXCO Ean Yong dan juga Kerajaan Negeri kerana telah membuat keputusan yang bijak kerana tiada sebarang perancangan Kerajaan Negeri untuk membina *incinerator* di daerah Kuala Langat mahu pun di Shah Alam. Walau bagaimana pun, saya ingin menarik perhatian dan mendapatkan penjelasan daripada Kerajaan Negeri berkenaan pembinaan sebuah krematorium di Jalan Sungai Buaya, ladang Jugra seluas 6 ekar. Adakah Kerajaan Negeri dapat membantu dalam pembinaan krematorium ini memandangkan adanya keperluan di kalangan rakyat. Saya tidak lupa juga ingin membawa isu dan masalah Orang Asal di kawasan saya ....

**TUAN SPEAKER:** *Last point* Teluk Datuk.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Empat *point* lagi. Puan Speaker, saya rasa agak cukup penting. Saya ingin mendapatkan pandangan daripada Kerajaan Negeri mengenai kemusnahan sebuah balai raya di Kampung Orang Asal di Pulau Kempas. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, balai raya Orang Asal di Kampung di Pulau Kempas dimusnahkan oleh ribut. Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. EXCO Puan Elizabeth Wong juga yang ada meminta Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat membantu membina semula balai raya ini. Akan tetapi perkara ini telah dipanjangkan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asal tetapi setakat ini tiada sebarang perkembangan terbaru mengenai pembinaan semula balai raya ini. Selain daripada itu, saya juga ingin membawa isu rumah retak di Taman Desa Komando, Mukim 12, kawasan saya yang didiami oleh Orang Asal dari Bukit Komando dan juga Tanjung Rabuk. Menurut Tok Batin, kumpulan Orang Asal berpindah masuk ke rumah-rumah teres ini sejak tahun 2012. Apabila tanah asal terlibat dalam kerja-kerja tebatan banjir, walau bagaimanapun mereka mula kluatir kerana struktur

rumah ini retak dan kerja-kerja baik pulih di tangguh oleh pemaju perumahan tanpa memberikan sebab-sebab. Seinggakan pada hari ini kawasan perumahan Taman Desa Komando tidak mempunyai CF yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Saya meminta Kerajaan Negeri mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membantu golongan Orang Asal ini. Saya juga meminta Kerajaan Negeri membantu ratusan keluarga mangsa India di Kampung Sungai Sedu agar menurap semula jalan-jalan dan lorong-lorong di dalam kampung ini. Keadaan jalan dan lorong ini rosak serius dan bertakung air. Penduduk-penduduk di sini suka digelar peneroka desa yang telah pun banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat. Apatah lagi ramai di antara mereka sudah tinggal di sini melebihi 40 tahun. Walau pun tanah ini masih lagi di bawah syarat kegunaan tanah pertanian tetapi saya meminta keprihatinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar membantu dalam urusan ini. Saya lompatlah Puan Speaker ....

**TUAN SPEAKER:** Ok terima kasih Teluk Datuk.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Saya lompat, sebenarnya saya nak bantu Y.B. Dengkil ini, dia tadi terlupa hendak sebut banjir kilat berlaku di Kampung Bukit Changgang, betul ya Y.B. Dengkil. Sikit-sikit ya. 31 keluarga telah pun dipindahkan daripada kampung halaman dan saya tadi dimaklumkan oleh YDP MDKL, beliau amat prihatin dan turun padang melawat mereka, tak apalah. Akhir kata pada pandangan saya Puan Speaker, dasar-dasar dan perancangan yang telah dirangka oleh Kerajaan Negeri tidak akan berjaya jika wakil rakyat tidak mempunyai kerjasama yang erat daripada mana-mana pihak PBT, jabatan-jabatan dan agensi-agensinya kerajaan. Saya bersyukur kerana Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat, Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kuala Langat, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan yang memberikan kerjasama yang cukup baik demi menyelesaikan masalah isu rakyat. Puan Speaker saya rasa itu sahaja perbincangan saya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan perbincangan saya dan Puan Speaker saya menyokong Belanjawan Selangor 2015, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Puan Speaker kerana memberi peluang saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2015. Puan Speaker saya, ucapan saya tak laju sangat tetapi saya pastikan boleh habis dalam 5 minit. Terutamanya saya ingin mengucapkan tahniah, terima kasih kepada pentadbiran Kerajaan Negeri yang baru ini kerana apabila Pandamaran dilanda oleh angin ribut bulan lalu. Pada hari pertama Y.B. Sementa telah turun padang untuk melawat mangsa-mangsa. Dan hari kedua Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru membawa 5 orang EXCO iaitu Y.B. Chempaka, Y.B. Seri Kembangan, Y.B. Templer, Y.B. Kota Alam Shah dan Y.B. Sementa juga untuk melawat dan meninjau keadaan kerosakan yang dialami oleh

mangsa-mangsa di Pandamaran. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih, inilah kerajaan yang prihatin kepada kebajikan rakyat-rakyat di Selangor.

Ok dan saya juga menyambut baik dan mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri yang telah mengadakan satu kempen kebersihan selama 3 bulan yang diadakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru yang untuk menjadikan Negeri Selangor satu tempat yang bersih. Dan peruntukan-peruntukan tambahan telah diberikan kepada 12 PBT di mana saya difahamkan bahawa MPK adalah PBT yang mendapat peruntukan yang paling banyak. Tetapi saya takut, saya bimbang bahawa kempen ini mungkin tidak akan berjaya kerana saya rasa punca masalah mungkin tidak dapat diselesaikan dalam program ini. Apakah punca masalah kebersihan di Selangor. Dalam pandangan saya ia disebabkan oleh kontraktor kebersihan tidak berkemampuan untuk melakukan kerja atau pun tugas mereka. Apakah definisi sama ada kontraktor mampu ke tidak. Pandangan saya adalah sekiranya seorang kontraktor dapat melaksanakan kerja menurut terma-terma kontrak mengikut jadual, ianya boleh dikatakan satu kontraktor yang mampu bekerja. Tapi malangnya saya rasa di MPK, macam satu pun tak ada, kontraktor yang boleh ikut jadual yang boleh melaksanakan kerja menurut terma-terma kontrak.

Jadi itulah sangat penting untuk Kerajaan Negeri untuk mengambil kira dan memasukkan saya rasa sebarang perbelanjaan yang perlu untuk memastikan kontraktor berkemampuan untuk dilantik dan menjalankan tugas mereka. Saya ada empat cadangan kepada Kerajaan Negeri tentang pelantikan kontraktor yang berkemampuan dapat dilantik. Yang pertama saya rasa arahan negeri bahawa PBT perlu menerima bidaan kontrak pembersihan yang paling rendah. Arahan ini perlu dibatalkan kerana ini akan memastikan kontraktor yang mampu, kontraktor mampu melaksanakan tugas dari segi kewangan. Dan yang kedua Kerajaan Negeri mesti mencari cara yang boleh memastikan semua PBT akan dapat melantik kontraktor yang berkemampuan. Itulah bahagian yang susahlah yang satu cabaran yang besar kepada terutamanya kepada pentadbiran di Kerajaan Negeri yang baru. Yang ketiga saya rasa sekiranya kontraktor pembersihan didapati tidak berupaya atau pun berkemampuan untuk bekerja maka ia perlu ditamatkan dengan serta-merta. Tetapi buat masa sekarang masa untuk melantik kontraktor yang baru agak lambat, misalnya di Pandamaran satu kawasan di Pandamaran di mana kontraktor telah ditamatkan pada bulan Julai tetapi hingga sekarang pun tidak ada kontraktor yang baru telah dilantik.

Jadi pasukan *back up* dari PBT tidak mampu langsung untuk membuat kerja pembersihan. Jadi itulah satu masalah sekiranya kita dapat satu kontraktor tidak mampu, nak *terminated* pun takut kerana kalau tidak dapat melantik yang baru memang masalah yang besar juga, macam kini dihadapi oleh di Pandamaran. Paling akhirnya pasukan *back up* PBT perlu ditambah baik dan di naik taraf untuk dapat mengambil alih kerja pembersihan daripada kontraktor *along the way* dengan izin. Jadi itu sajalah cadangan saya kepada Kerajaan Negeri dan pada akhirnya

saya ingin mengumumkan satu berita yang baik kepada semua bahawa masalah banjir di Pandamaran telah diselesaikan selepas kunci air 51 telah berjaya dinaik taraf pada 22 September 2014. Jadi tidak ada masalah banjir lagi di Pandaraman, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah sukacita saya umumkan 34 orang Ahli Dewan Negeri telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang ini. Dengan ini saya menangguhkan sesi penggulungan daripada pihak EXCO sehingga hari esok, Khamis 27 November jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 6.30. petang)**